


ISU PALESTIN

LATAR BELAKANG DAN
KRONOLOGI PERKEMBANGANNYA
SEHINGGA TAHUN 2000

OLEH:

PROF. MADYA DR. MOHSEN M. SALEH
PENGAJIAN PALESTIN DAN
SEJARAH ARAB MODEN

PENTERJEMAH:
HAJI AHMAD KAMAL BIN MOHAMED



ISU PALESTIN
LATAR BELAKANG DAN
KRONOLOGI PERKEMBANGANNYA
SEHINGGA TAHUN 2000

OLEH:

PROF. MADYA DR. MOHSEN MOHAMMAD SALEH
PENGAJIAN PALESTIN DAN
SEJARAH ARAB MODEN

PENTERJEMAH:
HAJI AHMAD KAMAL BIN MOHAMED

Hakcipta terpelihara
Edisi Pertama
November 2001
Kuala Lumpur

Penerbit dan Pengekar:

Fajar Ulung

No. 42G, Jalan 6/21 D,
Medan Idaman, Batu 5, Off Jalan Gombak,
53100 Kuala Lumpur,
Malaysia.

Tel: (603) 40219023

Fax: (603) 40219029

Email: faz3000@pd.jaring.my

Profesional Eagle Trading Sdn. Bhd.

No. 28A, Jalan 4/21D,
Medan Idaman, Batu 5, Off Jalan Gombak,
53100 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: (603) 40229700 Telfax: (603) 40244700

Email: petrad 55@yahoo.com petra998@tm.net.my



ISI KANDUNGAN

MUKADIMAH	5
BAB 1: LATAR BELAKANG ISU PALESTIN	
Pendahuluan	7
Palestin.....	8
Kedudukan Negara Islam Palestin.....	10
Sepintas lalu Sejarah Palestin.....	13
Palestin Di Bawah Pemerintahan Islam.....	18
Dongengan Yahudi Terhadap Agama Dan Sejarah Di Palestin.....	20
Latar Belakang Lahirnya Isu Palestin Dalam Sejarah Moden.....	24
Perkembangan Politik Bagi Isu Palestin Hingga Tahun 1914.....	27
Isu Palestin Dalam Peperangan Dunia Pertama (1914-1918).....	32
BAB 2: PALESTIN DI BAWAH PENJAJAHAN INGGERIS (1917-1948)	
Perkembangan Projek Yahudi.....	38
Lahirnya Gerakan Kebangsaan Palestin.....	39
Gerakan Kebangsaan Palestin (1918-1929).....	40
Gerakan Kebangsaan Palestin (1929-1939).....	43
Demonstrasi Besar Palestin (1936-1939).....	48
Perkembangan Politik (1939-1947).....	51
Peperangan 1948 Dan Implikasinya.....	55
BAB 3: ISU PALESTIN (1949-1967)	
Negara Arab Dan Palestin.....	59
Aktiviti Kebangsaan Palestin.....	61
Kemunculan Gerakan “Fatah”.....	65
Kewujudan “Pertubuhan Pembebasan Palestin” (PLO).....	67
Firang Jun 1967 dan Implikasinya.....	68

BAB 4: ISU PALESTIN (1967-1987)

Kemunculan Identiti Rakyat Palestin.....	71
Perjuangan Bersenjata Rakyat Palestin.....	73
Kerajaan Arab Dan Isu Palestin.....	76
Kemunculan Aliran Islam Palestin.....	79

BAB 5: ISU PALESTIN (1987-2000)

Intifadhah Yang Diberkati.....	82
HAMAS.....	83
PLO: Dari Perjuangan Bersenjata Kepada Perdamaian.....	87
Pihak Berkuasa Palestin Dan Situasi Kini.....	94
Zionis Dan Situasi Kini.....	97
Quds Dan Situasi kini.....	100
Intifadhah Al-Aqsa: 28 Sept 2000- Sekarang (Mac 2001).....	105

PENILAIAN DAN KESIMPULAN.....112**NOTA AKHIR120****LAMPIRAN: PENGAKUAN DAN PERAKUAN KATA-KATA.....128****PETA.....134**

MUKADIMAH

Segala puji-pujian bagi Allah s.w.t, Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas penghulu para rasul dan seluruh kaum keluarganya serta para sahabatnya.

Perbincangan yang ringkas ini cuba mengutarakan pandangan umum mengenai isu Palestin melalui sorotan sejarah. Ini memudahkan kepada seluruh pembaca untuk mendapatkan gambaran umum yang menyeluruh tentang isu Palestin ini. Penulisan ini turut menyentuh beberapa faktor yang saling bertautan dan penyusunan secara rasional yang sampai ke peringkat terkini.

Pengenalan isu ini dapat dicapai melalui pecahan kepada beberapa tajuk (tanah, rakyat, musuh, perjuangan dan sebagainya) tetapi malangnya kami mendapati cara ini menyukarkan kita berinteraksi secara baik dalam kajian ringkas. Oleh itu kami mengemukakan gambaran umum bagi setiap tajuk tanpa membawa seluruh tajuk ini berada dalam satu perbahasan.

Kajian ini ditujukan kepada pembaca yang ingin mendapatkan maklumat am tentang Palestin. Kami menjadikannya sebagai buku ringkas daripada pecahan tajuk-tajuk yang luas dalam memberi sumbangan kepada orang-orang Islam yang tidak mempunyai peluang untuk membuat kajian terperinci.

Sememangnya kajian yang dibuat ini ditulis mengikut kaca mata penulis yang memihak kepada rakyat Palestin. Ini kerana tanah Palestin merupakan tanah orang-orang Arab dan Islam di samping sebagai tanah wakaf mereka dan generasi seterusnya hingga hari kiamat.

Analisa ini mengambil pendekatan ilmiah dan akademik yang boleh dipercayai di samping menggunakan bahasa yang mudah dan paparan maklumat serta tidak dipengaruhi oleh unsur emosi.

Saya juga ingin merakamkan rasa terima kasih saya kepada Tuan Hj. Ahmad Kamal Bin Mohamad di atas usaha beliau menterjemahkan artikel ini ke dalam bahasa Melayu. Penghargaan ini juga saya tujukan buat Saudara Wan Sulaiman Chik Husain dan Saudari Anidah Binti Robani di atas bantuan mereka menyunting terjemahan asal tersebut.

Kami memohon kepada Allah s.w.t supaya menjadikan kerja ini sebagai amal yang benar-benar ikhlas kerana-Nya.

BAB 1**LATAR BELAKANG ISU PALESTIN****Pendahuluan:**

Isu Palestin merupakan suatu isu yang hangat diperkatakan dan sentiasa menjadi topik perbincangan di dalam dunia Arab dan Islam. Ini dapat kita lihat dari tiga aspek yang penting:

Aspek pertama: Tabiat bumi Palestin yang mempunyai kesucian, keberkatan dan menjadi tumpuan di hati orang-orang Islam.

Aspek kedua: Tabiat musuh yang mempunyai latar belakang kepercayaan agama dan sejarah permusuhan mereka.

Aspek ketiga: Tabiat pakatan Barat-Zionis yang mempunyai motif untuk memecah belahkan orang-orang Islam dan melemahkan mereka sehingga rela menjadi pengikut setia kepada kuasa-kuasa besar.

Ancaman Yahudi-Zionis yang tertanam kukuh di Palestin sebagai pusat dunia Islam memperlihatkan pelbagai bentuk ancaman ketenteraan, politik dan tamadun yang merupakan cabaran paling besar sering dihadapi oleh umat Islam. Mereka perlu berusaha untuk mendapatkan kembali kemerdekaan, kesatuan dan kebangkitan semula demi memulihkan kedudukan dan kepimpinannya di kalangan umat sejagat.

Isu ini bukan hanya hak rakyat Palestin semata-mata kerana pakatan Barat-Zionis mempunyai agenda tersendiri iaitu untuk memecah belahkan umat Islam dengan melemahkan mereka dan membiarkan mereka dalam keadaan berpecah belah hingga mereka rela menjadi pengikut setia kepada kuasa besar. Kemunculan penjajah Yahudi-Zionis di Palestin adalah berkait rapat dengan motif mereka menjadikannya sebagai pusat yang strategik untuk melaksanakan

hasrat mereka. Keadaan ini juga adalah sejajar dengan motif Kuasa Barat yang antara lain ia dikatakan sebagai jalan keluar kepada permasalahan Yahudi di Eropah atau kerana dorongan kuat mereka terhadap sensitiviti keagamaan.

Hakikatnya jeritan rakyat Palestin yang meminta pertolongan telah mendedahkan kezaliman yang dilakukan oleh Barat seperti pengusiran rakyat Palestin secara besar-besaran, pemusnahan negara dan identiti yang secara tidak langsung mendedahkan dunia Islam dan dunia seluruhnya kepada bahaya dan ketidakstabilan, sedangkan mereka sepatutnya merupakan penjaga kepada hak asasi manusia sejagat lantaran dari peranan mereka sebagai kuasa unggul dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Palestin:

Negara Palestin terletak di bahagian barat daya negara Syam iaitu di sebelah barat Asia yang memanjang ke persisiran pantai di sebelah timur Laut Mediterranean. Kedudukannya yang strategik dan penting dianggap sebagai tempat yang menghubungkan benua Asia dengan Afrika dan juga sebagai titik pertemuan di antara dunia-dunia Islam.

Semenjak zaman silam lagi manusia telah pun mendiami bumi ini di mana terdapatnya bukti-bukti yang didapati hasil dari aktiviti penggalian untuk mengesan hasil peninggalan mereka. Bumi ini juga telah menyaksikan zaman perkembangan manusia pertama yang bermula dengan sistem penternakan binatang kepada pertanian. Adanya kota pertama yang telah dibina (dalam catatan sejarah ialah kota "Jericho") yang terletak di sebelah timur laut Palestin iaitu lebih kurang 8000 tahun S.M sebagaimana mengikut kajian pakar arkeologi.

Bumi Palestin pada awalnya lebih dikenali sebagai Bumi Kan'an" iaitu bersempena dengan nama kabilah Kan'an, komuniti terawal yang mula-mula mendiami kawasan ini setelah berhijrah dari Semenanjung

Arab semenjak tahun 2500 S.M. Nama Palestin juga diambil dari nama kaum 'pelaut yang mendiami kawasan pantai yang kemungkinan mereka ini berasal dari sebelah barat Asia kecil dan kawasan Laut Aegean di sekitar kurun ke-12 S.M. Namanya juga terpahat pada ukiran peninggalan Mesir dalam bentuk tulisan "P.L.S.T" dengan ditambah vokal 'N' di hujungnya sebagai nama majmuk. Mereka ini tinggal di persisiran pantai dan berlaku proses percampuran dan pergaulan begitu cepat sekali dengan kabilah Kan'an hingga tidak tampak perbezaan yang ketara di antara kedua-dua puak tersebut sehingga mereka bersepakat menamakan bumi ini dengan nama tersebut."

Tanah Palestin yang dikenali sempadannya kini adalah ketentuan geografi yang telah digariskan di zaman penjajahan Inggeris di Palestin khususnya di sekitar tahun 1920-1923. Sempadannya yang kadang kala sempit dan luas adalah mengikut perkembangan dan peredaran sejarah yang berlaku. Namun ia masih dikenali secara umum sebagai tanah yang terletak di antara Laut Mediterranean, Laut Mati dan Sungai Jordan (Urdun).¹

Di zaman pemerintahan Islam, negara Syam dibahagikan kepada beberapa wilayah pemerintahan yang bermula daripada Rafah yang bersempadan dengan Sinai di Mesir menyusuri ke bandar Al-Lajjun yang terletak sejauh 18 km dari barat laut bandar 'Jinin'. Walaupun berlakunya pembahagian kawasannya pada zaman pemerintahan Islam, namun ianya masih lagi sebahagian daripada negara Syam. Pembahagian sempit dan luas yang berlaku kepada tanah air mereka, tidak bermakna bertukarnya perasaan mereka yang sebenarnya kerana mereka masih tetap sebahagian daripada umat Islam yang satu dan wala' mereka kepada sesuatu kerajaan pula tidak berbelah bagi selagi mana ia berpegang kepada Islam. Walau bagaimanapun keluasan tanah Palestin mengikut ukuran terkini adalah lebih kurang 27009 km persegi.²

Tanah Palestin menikmati cuaca sederhana hasil pengaruh cuaca Laut Mediterranean iaitu cuaca yang amat sesuai untuk pendudukan dan pertanian. Bentuk muka bumi ini boleh dibahagikan kepada tiga pecahan utama iaitu kawasan lembah persisiran pantai, kawasan tanah berbukit di sebelah tengah dan kawasan berparit di sebelah. Kawasan lembah persisiran pantai menjadi tempat tumpuan rakyat Palestin kerana adanya pelabuhan-pelabuhan, pusat perniagaan, aktiviti ekonomi dan pertanian. Di kawasan berbukit di sebelah tengah meliputi bukit Jalil, bukit Nablus, bukit Hebron dan dataran tinggi al-Naqib. Bukit yang paling tinggi ialah bukit al-Jurmuq yang terletak di sebelah utara Palestin yang tingginya lebih kurang 1207 meter. Di kawasan tanah berbukit inilah tempat tinggal petani Palestin semenjak beribu-ribu tahun lalu. Aktiviti yang dijalankan oleh mereka ialah menanam biji-bijian, buah-buahan, sayur-sayuran dan penternakan. Manakala kawasan berparit di sebelah pula menjadi tempat laluan Sungai yang mengalir ke Laut Mati. Kawasan ini dianggap kawasan yang paling rendah iaitu di bawah paras laut jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan lain di permukaan bumi ini. Kerendahan tanah kawasan ini adalah pada tahap 400 meter dari bawah paras laut. Keadaan suhu yang panas sepanjang tahun membolehkan usaha penanaman pelbagai jenis buah-buahan seperti kurma dan sayur-sayuran.

Kedudukan Negara Islam Palestin:

Tanah Palestin mempunyai kedudukan yang istimewa di hati orang-orang Islam. Ini kerana:

- Ia dianggap tanah suci berdasarkan nas al-Quran:³

يَقَوْمٍ أَدْخُلُوا الْأَرْضَ الْمُقَدَّسَةَ الَّتِي كَتَبَ اللَّهُ لَكُمْ

Maksudnya:

“Wahai kaumku! Masuklah kamu ke tanah suci yang telah Allah s.w.t. telah perintahkan bagi kamu sekalian.”

- Ia juga merupakan tanah yang diberkati berdasarkan nas al- Quran: Firman Allah s.w.t:⁴

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ
إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ

Maksudnya:

“Maha suci Allah yang telah memperjalankan hamba-nya pada satu malam dari Masjid al-Haram ke Masjid al-Aqsa yang telah kami berkati sekelilingnya.”

وَلَسَلِيمَنَّ الرِّيحَ عَاصِفَةً تَجْرِي بِأَمْرِهِ إِلَى الْأَرْضِ الَّتِي بَرَكْنَا فِيهَا

Firman-nya lagi:⁵

Maksudnya:

“Dan telah Kami tundukkan untuk Sulaiman ang.in yang sangat kencang tiupannya yang berhembus dengan perintah-nya ke negeri yang Kami telah memberkatinya Dan adalah Kami Maha Mengetahui segala sesuatu.”

- Terdapat Masjid al-Aqsa di dalamnya yang merupakan kiblat yang pertama, kedudukannya sebagai masjid ketiga dalam Islam dan disunatkan musafir ke buminya serta pahala bersolat di situ yang menyamai 500 kali solat. Sabda Nabi saw yang bermaksud: “Tidak digalakkan mengambil berat dalam pengembaraan kecuali kepada 3 masjid; Masjid al-Haram, masjid ini (Masjid Nabawi) dan Masjid al-Aqsa.”⁶ Sabdanya

lagi: *“Solat di dalam Masjid al-Haram menyamai seratus ribu kali, dan solat di masjidku menyamai seribu kali serta solat di Masjid al-Aqsa menyamai 500 kali.”*⁷

- Ia juga dianggap sebagai bumi para Anbiya' dan tempat kebangkitan mereka. Al-Quran membuktikan sebahagian besar nabi-nabi menetap di bumi ini seperti; Nabi Ibrahim, Nabi Lut, Nabi Ismail, Nabi Ishak, Nabi Yaakub, Nabi Yusuf, Nabi Daud, Nabi Sulaiman, Nabi Saleh, Nabi Zakaria, Nabi Yahya dan Nabi Isa as hidup dan tinggal menetap di sini yang telah disebut di dalam al-Quran. Sejarah dan Al-Quran juga membuktikan bahawa Nabi Muhamad s.a.w. pernah menziarahi bumi ini. Terdapat juga para Anbiya' yang tidak disebut di dalam al-Quran mendiami bumi ini seperti yang dinyatakan di dalam hadis sahih seperti Nabi Ushi'a (Joshua) 'a.s.
- Ia juga dikenali sebagai bumi Isra' kerana Allah s.w.t memilih Masjid al-Aqsa sebagai tempat Isra'Baginda s.a.w. yang bermula dari Masjid al-Haram ke Masjid al-Aqsa. Di situ juga bermulanya Mi'raj Nabi s.a.w. ke langit. Allah s.w.t. memuliakan dan mengagungkan masjid ini dan tanah Palestin. Di dalam masjid ini juga, Allah s.w.t menghimpunkan para Anbiya' dan melantik Baginda s.a.w. mengimamkan mereka di dalam solatnya sebagai suatu tanda pengiktirafan bagi penerusan risalah tauhid yang telahpun dibawa oleh para Anbiya' yang terdahulu. Ianya sebagai pusaka warisan para Anbiya', kepimpinan dan amanah risalah kepada umat Islam.
- Tersebut di dalam hadis sahih bahawa Baitul Maqdis adalah bumi tempat berhimpun manusia (di akhir zaman) dan tempat dibangkitkan nanti.⁸
- Negara Syam yang meliputi Palestin menjadi tumpuan negara Islam sewaktu terjadinya ujian berat dan fitnah sebagaimana disebut di dalam sepotong hadis: *“Negara Syam sebagai pusat*

tumpuan negara Islam.”⁹ Dan hadis lain juga menyebut: *“Ingatlah sesungguhnya iman itu ketika berlaku fitnah di tanah Syam.*”¹⁰

- Di dalam hadis yang lain ada menjanjikan bahawa mana-mana individu yang tinggal dan berkhidmat secara sukarela di bumi ini yang hanya mengharapkan ganjaran daripada Allah s.w.t. adalah seperti mujahid yang berjuang di jalan Allah sebagaimana sabda Nabi s.a.w.: *“Penduduk Syam, para isteri, anak pinak mereka, para hamba lelaki dan perempuan hingga ke penghujung Semenanjung Arab ialah mereka yang berjuang pada jalan Allah. Sesiapa yang menduduki sesuatu kota maka ia berada di dalam berjuang. Dan sesiapa pula yang mengambil tempat di kawasan serangan musuh maka ia berada di dalam jihad.*”¹¹

Di dalam hadis lain yang diriwayatkan oleh Imam al-Tabrani menyatakan: *“Kumpulan yang mendapat kemenangan dan tabah di atas kebenaran hingga hari kiamat ialah mereka yang tinggal di negara Syam khususnya di Baitul Maqdis dan persekitarannya.*”¹²

Oleh yang demikian, tidak hairan jika kita dapati jiwa orang-orang Islam sentiasa terikat dengan bumi yang diberkati dan suci ini. Mereka sanggup mempertahankan tanah ini dengan darah dan jiwa raga mereka.

Sepintas lalu Sejarah Palestin:

Terdapat kesan peninggalan yang menunjukkan manusia sudah pun bermustautin di Palestin semenjak zaman batu pertama (5000 1400 S.M). Begitu juga pada zaman batu pertengahan (14000 8000 S.M) yang membuktikan wujudnya berbagai bentuk kehidupan bertamadun yang dikenali dengan tamadun Natuf. Sewaktu kedatangan kabilah Kan'an dari Semenanjung Arab (lebih kurang 2500 S.M), penghijrahan berlaku secara meluas hingga mereka

menyerap menjadi penduduk pribumi negara itu. Mereka telah membina lebih kurang 200 buah kota dan desa di Palestin seperti Kota Bisan, Asqalan, Aka, Haifa, Khalil, Usdud, Biir Saba'a dan Baitlaham.¹³

Mengikut para pengkaji sejarah terkemuka yang diakui kajian mereka, majoriti penduduk Palestin sekarang khususnya yang berada di desa adalah berasal daripada keturunan kabilah Arab seperti Kan'an, Umuriah, Palestin dan kabilah-kabilah Arab yang menetap di Palestin sebelum dan selepas era pembukaan Islam. Semua mereka ini bergabung di bawah satu ikatan iaitu Islam dan bahasa Arab yang menyatukan mereka setelah memeluk Islam dan menjadi bangsa Arab di bawah pemerintahan Islam selama 13 kurun.

Kedatangan Nabi Ibrahim a.s. ke Palestin (lebih kurang 1900 S.M) membawa sinaran cahaya tauhid di bumi yang diberkati ini. Baginda a.s sezaman dengan pemerintahan Raja Sodiq yang mentauhidkan Allah dan menjadi teman rapat baginda. Nabi Ibrahim a.s. memainkan peranan menyebarkan risalah tauhid tanpa menghadapi sebarang penentangan atau ditimpa kesusahan dengan karenah penduduk Palestin. Hal ini tidak menyebabkan Baginda a.s. dihalau keluar dari tempat tersebut kerana faktor agama atau dakwahnya. Baginda a.s. terus menetap di situ dan bebas berpindah ke mana-mana tempat yang dikehendaki oleh Baginda a.s hingga Allah mewafatkan Baginda a.s di suatu kota yang dikenali dengan nama "Khalil." Kemudian diteruskan pula oleh anak-anak Baginda a.s. iaitu Nabi Ismail a.s. (yang menetap di Mekah), Nabi Ishak dan anaknya Nabi Yaakub yang menetap di Palestin.

Nabi Yaakub mempunyai 12 orang anak yang terkenal dengan gelaran "Asbath" di kalangan Bani Israel. Mereka berhijrah ke Mesir dan menghadapi tekanan dan kezaliman Fir'aun beberapa kurun. Oleh itu Allah s.w.t mengutus Nabi Musa a.s. (kurun ke-13 S.M) untuk menyelamatkan manusia daripada kezaliman Fir'aun dan akhirnya

Allah s.w.t menghancurkan mereka. Walaupun Allah telah memberi kemenangan kepada Bani Israel tetapi sikap penakut dan perasaan rendah diri masih tetap menyelubungi Bani Israel. Justeru itu mereka menolak perintah Nabi Musa a.s. berhijrah ke bumi yang suci (Palestin) dengan berkata, maksudnya: *“Pergilah kamu bersama tuhanmu, dan berperanglah kamu berdua, sesungguhnya kami hanya duduk menanti di sini sahaja.”*¹⁴

Walaupun Nabi Musa a.s. wafat sebelum sempat masuk ke Palestin Baginda telah berjaya membentuk generasi baru yang taat dan berkebolehan (selepas dari 40 tahun ujian di Gurun Sinai). Generasi baru diletakkan di bawah kepimpinan Nabi Usha' a.s. (lebih kurang 1190 S.M). Baginda a.s. menyeberangi sungai bersama pengikut-pengikutnya dan menawan tanah di sebelah timur laut Palestin. Setelah 150 tahun berlalu, mereka mula ditimpa bencana, kucar kacir, perselisihan dan keruntuhan akhlak dan agama. Keadaan mereka kembali pulih setelah kedatangan Talut yang menjadi pemerintah mereka dan sentiasa mendapat kemenangan mengatasi musuh-musuh mereka.

Nabi Daud a.s. kemudiannya mengambil alih pucuk kepimpinan daripada Talut menandakan bermulanya kembali cahaya tauhid di bumi yang diberkati (lebih kurang 1004 S.M). Baginda a.s. meneruskan peperangan menentang beberapa puak kafir di bumi ini hingga dapat mengalahkan mereka. Baginda a.s. memindahkan ibu negerinya ke Quds pada tahun 995 S.M dengan menguasai sebahagian besar tanah Palestin kecuali di kawasan pesisiran pantai yang masih belum berjaya ditundukkan semasa pemerintahannya. Pemerintahan Baginda a.s. berkekalan hingga tahun 963 S.M yang kemudiannya diambil alih pula oleh anaknya Nabi Sulaiman a.s. (963 - 923 S.M). Di bawah pemerintahan Baginda a.s., Palestin dapat mengecapi aktiviti pembinaan, pembangunan dan kemajuan yang hebat. Allah s.w.t. memudahkan Baginda a.s. dengan pertolongan angin dan jin dan mengurniakan pemerintahan yang tidak diberi kepada sesiapa pun

selepasnya. Kerana itu pemerintahan Nabi Sulaiman a.s. selama 80 tahun merupakan zaman keemasan di bawah panji keimanan dan tauhid sebelum berlakunya pembukaan Islam.

Setelah wafatnya Nabi Sulaiman a.s., kerajaannya terbahagi kepada dua negara yang berasingan dan saling bermusuhan. Pertama ialah “Kerajaan Israel” di sebelah utara Palestin yang wujud di sekitar tahun 923-721 S.M. Mengikut Ensiklopedia Inggeris, kerajaan ini dinamakan “Pemerintahan Ekor” sebagai gambaran betapa lemah dan merosot pemerintahannya. Akhirnya pemerintahan ini jatuh di bawah penguasaan puak Asyur (Assyria) dengan diketuai oleh Sargon II, menghancurkannya dan memindahkan penduduknya di kalangan Bani Israel ke kota Harran, Khabur, Kurdistan dan Parsi serta menggantikan mereka dengan beberapa puak daripada Aram. Akhirnya kesan peninggalan pemerintahan Asbath yang ke-10 itu (keturunan anak-anak Nabi Yaakub a.s.) yang memerintah Bani Israel terus hilang dari persada kepimpinan.

Keduanya adalah “Kerajaan Yahuda” (Judah) yang memerintah di antara tahun (923-586 S.M) dengan Quds sebagai ibu negerinya. Kerajaan ini juga mengalami kelemahan dan pengaruh kuasa luar dalam beberapa dekad. Akhirnya Sheshonq, Raja Mesir (akhir kurun ke-10 S.M) ini pun berjaya mengalahkan mereka dan memasuki ibu negeri mereka. Kejadian yang sama dilakukan oleh orang-orang Palestin di zaman Yahuram di antara (849 842 S.M) dan mereka terpaksa membayar jizyah kepada puak Asyur (Assyria). Kerajaan ini akhirnya jatuh ditangan Babylon di bawah pimpinan Nebuchadnezar yang telah menghancurkan Quds, memusnahkan Haikal dan menawan lebih kurang 40 ribu orang Yahudi pada tahun 586 S.M.

Kitab Taurat telah mengisytiharkan bahawa kehancuran kerajaan Bani Israel adalah berpunca daripada dosa-dosa mereka. Ini dapat dilihat daripada kata-kata Nabi Ash'aiyah, salah seorang Nabi mereka: “*Binasalah umat yang bersalah, rakyat yang berdosa,*

keturunan yang banyak melakukan kejahatan, anak-anak yang rosak dan menjauhi tuhan mereka, menghina-hina kesucian Quds dan yang mengundur ke belakang.” (Juz Asy'iyah, bab pertama). Ia juga menyebut: *“Bumi ini sudah menjadi najis di bawah penduduknya kerana menyalahi syariat, menggantikan kefardhuan dan membatalkan perjanjian yang abadi.”* (Juz Asy'iyah, Bab 24)

Begitulah juga terjadinya kepada kerajaan Bani Israel yang usia pemerintahannya mereka tidak melebihi 4 kurun. Sebahagian tempoh pemerintahannya mengalami kelemahan dan perpecahan serta tunduk kepada kekuatan dan pengaruh negara jiran yang kuat. Dalam masa yang sama terdapat rakyat Palestin yang berasal dari keturunan kabilah Kan'an dan lain-lainnya yang tidak berhijrah dan masih kekal di situ.

Di zaman pemerintahan Empayar Parsi, Cyrus telah mengizinkan kepada orang-orang Yahudi kembali ke tanah air mereka. Hanya sebilangan kecil sahaja yang berpindah ke sana, menetap dan berjiran dengan rakyat Palestin. Kota Quds telah menikmati pemerintahan autonomi di bawah pemerintahan Parsi di antara tahun (539-332 S.M) dan diikuti pula zaman kekuasaan Hallalin (hellenic) dari Greek pada (332-63 S.M). Dengan kuasa yang diberikan kepada “Pendita Besar Yahudi” orang-orang Yahudi semenjak tahun 164 S.M. menikmati kuasa autonomi di kawasan yang sempit. Manakala kawasan yang luas diberi kuasa penuh dan sering mengalami kelemahan kerana serangan kuasa-kuasa besar ke atas Palestin (seperti Ptolemies, Seleucids dan Rom).

Kerajaan Rom mula menguasai Palestin pada tahun 63 S.M. dan menundukkan mereka di bawah pemerintahannya secara langsung. Mereka menarik balik kuasa autonomi yang telah diberikan oleh kerajaan yang lalu. Keadaan ini mendesak orang-orang Yahudi melakukan rusuhan besar-besaran di antara tahun (66-70 M) tetapi dapat dipatahkan oleh pemimpin tentera Rom yang bernama Titus dan

menghancurkan Haikal. Sekali lagi rusuhan dilancarkan di antara tahun (132-135 M) yang berkesudahan dengan penjajahan Quds oleh pemimpin Rom yang bernama Julius Sefrus yang turut menghancurkan bandarnya. Pemerintah Empayar Rom Hadrian telah membina bandar baru di atas keruntuhan Quds dan menamakan kotanya sebagai Aelia Capitolina bersempena dengan nama Hadrian yang pertama Aelius. Mereka melarang orang-orang Yahudi masuk ke kota tersebut selama 200 tahun.¹⁵ Bilangan mereka mulai berkurangan sepanjang 18 kurun berikutnya. Dalam tempoh ini penduduk-penduduk pribumi yang lain dari kabilah Kan'an dan kabilah-kabilah Arab yang lain masih dan terus kekal di bumi Palestin sebelum dan selepas kewujudan Bani Israel hingga ke hari ini.

Palestin Di Bawah Pemerintahan Islam:

Kerajaan Byzantine (Rom) memerintah Kerajaan Rom Timur semenjak 394 M. Mereka kekal memerintah Palestin kecuali beberapa period pendek di mana Palestin berada di bawah pengaruh Parsi hingga berlakunya pembukaan Islam (Futuh) ke atas Palestin pada tahun 15 H (636 M) di zaman Khalifah Umar al-Khattab r.a. Semenjak itu Palestin mula bertukar kepada corak hidup Islam dan penduduknya beramai-ramai menganut agama Islam. Mereka menjadi orang Arab dan bahasa pertuturan mereka bertukar menjadi bahasa Arab melalui percampuran mereka dengan kabilah-kabilah Arab yang datang dari Semenanjung Arab dengan membawa imej tamadun Islam.

Pada zaman peperangan salib, mereka tidak berjaya menguasai tanah dan identiti penduduknya. Kerajaan Kristian yang memerintah Baitul Maqdis bertahan selama 88 tahun (1099-1187) biar pun menerima serangan bertubi-tubi daripada pejuang-pejuang Islam seperti Nuruddin Mahmud Zanki. Kerajaan ini akhirnya jatuh ke tangan pahlawan ulung Islam Salahuddin al-Ayubi.

Ringkasnya pemerintahan Islam di tanah Palestin berkekalan selama 12 kurun (636-1917) iaitu satu period yang begitu panjang dalam sejarah jika dibandingkan dengan mana-mana pemerintahan yang lain. Islam sebagai agama jelas membuktikan unsur tolak ansurnya yang unggul yang bersesuaian dengan kehendak dan cita rasa pelbagai bangsa dan keturunan. Pemerintahan Islam berjaya melahirkan pengikut yang berwibawa yang wajar dijadikan mereka Penduduk bumi suci ini juga dikatakan masyarakat yang terbaik yang banyak menyumbang khidmat terutamanya dalam memelihara kehormatan dan kemuliaannya.

Sejarah membuktikan bumi ini telah berjaya mengeluarkan tokoh-tokoh dan pejuang-pejuang Islam terkemuka. Islam bertambah kukuh dengan kedatangan sebilangan besar para sahabat Nabi s.a.w yang tinggal menetap di Palestin dan menyebarkan Islam. Di antara mereka ialah Ubadah bin al-Samit, Syaddad bin Aus, Usamah bin Zaid bin Harithah, Wathilah bin Al-Asqa, Fairuz al-Dailami, Dihyah al-Kalbi, Abdul Rahman bin Ghanam Al-Asy'ari, Alqamah bin Mijzar al-Kinani, Aus bin al-Samit, Mas'ud bin Aus bin Zaid, Zinba' bin Ruh, Abu Raihanah bin Syam'un al-Ansari, Suwaid bin Zaid, Zu al-Asabi al-Tamimi, Abu Ubay bin Ummi Haram al-Ansari, Unaif bin Millah al-Juzami, Abu Ruwaihah al-Fazaie dan lain-lain lagi yang menetap di Palestin dan disemadikan di sana.

Di kalangan Tabien yang berasal dari Palestin ialah Raja' bin Haiwah al-Kindi kelahiran Bisn yang mencadangkan kepada Sulaiman bin Abdul Malik supaya melantik Umar bin Abdul Aziz sebagai khalifah. Tabien yang lain pula seperti Ubadah bin Nasiy al-Kindi dan Ruh bin Zinba. Di kalangan mereka yang mendiami dan menziarahi tanah ini ialah Malik bin Dinar, Imam al-Auzaie, Hani bin Kulthum, Humaid bin Abdullah al-Lakhami, Sufian al-Thauri dan Ibnu Syihab al-Zuhri.

Di kalangan ulama' besar dan fuqaha' yang lahir di tanah Palestin ialah Imam Syafie yang lahir di Gaza. Selain beliau, ada di kalangan mereka yang tinggal dan menziarahi tanah ini termasuklah Ibrahim bin Adham, Al-Laith bin Saad, Abu Bakar Muhamad al-Turtusyi, Abu Bakar al-Jurjani dan Ibnu Qudamah al-Maqdisi.

Begitu juga mereka yang ada kaitan dengan Palestin seperti Musa bin Nusair yang membuka negara Andalus, Abdul Hamid bin Yahya yang mengetuai seni penulisan, karangan dan urusan pejabat di zamannya dan Khalid bin Yazid al-Umawi yang dianggap tokoh kimia pertama di dalam sejarah Islam serta banyak lagi tokoh-tokoh yang saya tidak berkesempatan untuk menyebutnya di sini. Oleh itu bumi ini telah menjadi pusat tamadun Islam dan tempat tumpuan hati orang-orang Islam. Penduduknya turut serta secara aktif dalam membina tamadun umat Islam yang syumul dan berusaha mempertingkatkan kemajuan pembangunannya.¹⁶

Dongengan Yahudi Terhadap Agama Dan Sejarah Di Palestin:

Mesej penting yang perlu dinyatakan di sini ialah orang-orang Yahudi kini menduduki secara haram tanah Palestin di atas asas dongengan agama dan sejarah. Mereka mendakwa bahawa Allah s.w.t. telah menjanjikan mereka bumi Palestin ini. Tambahan lagi, kononnya mereka mempunyai kaitan dengan realiti sejarah mereka yang pernah memerintah di bumi ini, kewujudan mereka semenjak dahulu lagi, hubungan dari aspek spiritual dengan tempat ini dan kesucian tempat itu di sisi mereka. Sebenarnya orang-orang Yahudi turut mempercayai hak kebebasan beragama iaitu tiada paksaan dalam beragama. Namun apa yang menyedihkan mereka sendiri seolah-olah menafikan prinsip-prinsip agama tersebut dan melakukan kezaliman ke atas rakyat Palestin seperti pengusiran, rampasan tanah, harta dan lain-lain.

Orang-orang Islam pula menafikan hak dan tuntutan orang-orang Yahudi terhadap bumi Palestin ini. Dari aspek agama, bumi ini pernah

diberikan kepada Bani Israel sewaktu mereka mengangkat panji tauhid, istiqamah bersama-sama dengan kepemimpinan Rasul-rasul dan orang-orang salih mereka. Tetapi kemudiannya mereka menyeleweng, menukar ganti dan membunuh para Anbiya' mereka. Kezaliman dan kerosakan yang mereka lakukan inilah yang telah menghapuskan hak mereka ke atas bumi ini. Orang-orang Islam beriman bahawa mereka adalah pewaris sebenar panji tauhid. Merekalah satu-satunya menjadi kesinambungan bagi umat Islam ini dan penyambung dakwah para Rasul iaitu dakwah yang dibawa oleh Nabi Ibrahim, Ishak, Yaakub, Ismail, Musa, Daud, Sulaiman, Isa a.s. Dengan ini orang-orang Islam yang ada pada hari ini adalah merupakan manusia yang paling layak bagi menerima warisan ini selepas berlakunya penyelewengan orang lain. Soal yang tidak ada kaitan dengan keturunan dan perkauman tetapi ianya berhubung kait dengan mengikut manhaj. Oleh kerana itu kita sebagai orang Islam beriman bahawa aset para Anbiya' ialah aset kita, pengalaman mereka ialah pengalaman kita, sejarah mereka ialah sejarah kita. Legal yang Allah kurniakan kepada para Anbiya' dan pengikut-pengikut mereka untuk memerintah bumi yang suci ini merupakan pertanda berhaknyanya kita ke atas bumi ini dan pemerintahannya.

مَا كَانَ إِبْرَاهِيمَ يَهُودِيًّا وَلَا نَصْرَانِيًّا وَلَكِنْ كَانَ حَنِيفًا مُّسْلِمًا
 وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿٦٧﴾ إِنَّ أَوْلَى النَّاسِ بِإِبْرَاهِيمَ لِلَّذِينَ
 اتَّبَعُوهُ وَهَذَا النَّبِيُّ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَاللَّهُ وَلِيُّ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٦٨﴾

Firman Allah s.w.t:¹⁷

Maksudnya:

“Bukanlah Nabi Ibrahim a.s. itu seorang pemeluk agama Yahudi, dan bukanlah ia seorang pemeluk agama Kristian, tetapi ia seorang

“Sesungguhnya Aku melantikmu menjadi Imam (Pemimpin ikutan) bagi umat manusia.” Nabi Ibrahim a.s. memohon seraya berkata: “Ya Tuhanku! Jadikanlah juga (apalah jua kiranya) dari keturunanku (pemimpin-pemimpin ikutan). Allah berfirman: “Permohonanmu diterima tetapi janjiku ini tidak akan didapati oleh orang-orang yang zalim.”

Demikianlah Allah s.w.t. menjanjikan kepada Nabi Ibrahim a.s. bahawa kepimpinannya tidak akan diwarisi oleh keturunan yang zalim kerana ianya adalah berkait rapat dengan istiqamah kepada manhaj Allah s.w.t. Sekiranya nasab / keturunan sebagai kayu ukurnya maka keturunan Nabi Ibrahim dari sebelah Nabi Ismail juga berhak menerima janji Allah ini. Tambahan pula orang-orang Arab mempunyai pertalian nasab dengan Nabi Ismail seperti Qabilah Adnan dan Quraisy yang juga lahir darinya Nabi Muhammad s.a.w. Seandainya aspek agama yang dijadikan kayu ukur, jelas keturunan Nabi Ibrahim dari sebelah Nabi Ismail lebih berhak ke atas janji Allah ini kerana merekalah yang mendokong Islam dalam erti kata yang sebenar.

Dakwaan mereka dari aspek sejarah juga jelas tidak berasas. Kajian sejarah menunjukkan bahawa zaman pemerintahan Bani Israel di beberapa kawasan Palestine begitu singkat tempohnya iaitu tidak lebih dari 4 kurun. Sedangkan kerajaan Islam mengambil masa hampir 12 kurun (636-1917) kecuali period yang melibatkan peperangan salib. Majoriti Yahudi keluar dari tanah Palestin dan mereka memutuskan hubungan dengannya selama 18 kurun semenjak (135) hingga kurun 20M) manakala penduduk pribumi Palestin kekal di bumi tersebut sepanjang 4500 tahun lamanya sehinggalah mereka diusir keluar secara biadab oleh rejim Zionis pada tahun 1948. Mereka masih tetap berjuang hingga kini untuk berusaha mengembalikan tanah mereka tanpa menarik balik hak tersebut.

Hasil kajian dari tokoh-tokoh Yahudi sendiri seperti Arthur Kostler membuktikan bahawa lebih dari 80% Yahudi hari ini tidak mempunyai pertalian keturunan atau sejarah dengan Bani Israel dan juga Palestin. Majoriti mereka adalah Yahudi “Khazar” yang berasal dari kabilah Tatri-Turki kuno yang mendiami kawasan Caucasus (selatan Russia). Mereka menjadi Yahudi pada kurun ke-8M di bawah pemerintahan Raja Bulan pada tahun 740. Apabila pemerintahannya jatuh, orang-orang Yahudi bertaburan di Russia dan Eropah Timur yang akhirnya dikenali dengan panggilan “Yahudi Asykinaz”.²⁰ Justeru, kalaulah mereka diberi hak untuk kembali ke tanah air asal mereka, maka Selatan Russia adalah tempat mereka yang sebenar.

Latar Belakang Lahirnya Isu Palestin Dalam Sejarah Moden:

Selain dari sentimen agama yang kabur, bangsa Yahudi tidak mempunyai pertalian yang kukuh dengan Palestin selama 1800 tahun. Kezaliman dan kerosakan yang mereka lakukan menyebabkan bangsa tersebut ditimpa bencana yang berterusan. Mereka mempercayai bahawa segala masalah yang dihadapi akan dapat diselesaikan dengan kedatangan ‘Al-Maseh’, yang bakal memimpin mereka kembali dan membina negara Yahudi di Palestin.

Beberapa perubahan penting yang berlaku dalam sejarah Eropah moden telah mempengaruhi perkembangan dan kegiatan Yahudi. Antaranya ialah kemunculan Gerakan Protestan' satu gerakan pembaharuan agama pada kurun ke-16 yang memberi tumpuan kepada kitab “Old Testament” (Perjanjian Lama) iaitu “Taurat”. Melalui jendela Taurat, mereka percaya bahawa mereka adalah penduduk asal Palestin yang telah diusir dari bumi mereka. Suatu hari kelak, mereka akan berkumpul kembali di Palestin kerana al-Maseh yang dinanti-nanti akan membawa kemenangan dan juga lembaran baru dalam hidup mereka yang bakal mengecapi kebahagiaan selama 1000 tahun. Mereka telah membentuk pengikut-pengikut Gereja Protestant di kalangan majoriti penduduk Britain, Amerika Syarikat,

Belanda dan hampir separuh penduduk Jerman. Demikianlah lahirnya Zionis bukan Yahudi khususnya di kalangan penganut Protestant yang menyokong perancangan Zionis yang kononnya dibina berdasarkan agama.²¹

Dari aspek lain pula, Eropah pada kurun ke 19M khususnya telah mengalami perubahan politik yang penting. Semenjak berlakunya penentangan Revolusi Perancis terhadap kerajaan Beraja Monarki pada tahun 1789, mereka telah membentuk Negara Eropah Moden dengan menanam idea perkauman, berjiwa patriotik, membina institusi sekular yang memisah agama daripada politik dan meringgirkan peranan gereja. Di samping itu mereka mendapat kebebasan dan memperolehi segala hak sebagai warganegara khususnya di Eropah Barat. Perubahan ini memudahkan laluan mereka untuk menular masuk dan mempengaruhi masyarakat dan institusi-institusi yang ada di samping dapat merealisasikan aspirasi mereka di peringkat tertinggi melalui pengaruh politik, ekonomi dan media massa.

Di samping itu, semangat nasionalisme dan patriotisme yang sedang bersemarak di Russia dan Eropah Timur melalui satu perubahan yang berlainan. Penduduk Yahudi di negara ini melibatkan diri dalam gerakan revolusi berhaluan kiri menentang pemerintahn kejam Kaisar Russia terutamanya program assimilasi dan medernisasi mereka. Konflik ini menyebabkan permusuhan yang hebat antara orang Yahudi dengan pemerintahan Russia terutamanya selepas pakatan membunuh Kaisar Russia Alexander II pada tahun 1881 yang menuduh orang Yahudi terlibat sama. Ekoran dari itu bermulalah kempen menghapuskan bangsa Yahudi di Russia yang berslogankan 'anti-semitisme. Keadaan inilah yang menimbulkan apa yang dinamakan "*Masalah Yahudi*" (the Jewish Problem)²² kerana berjuta-juta Yahudi di Russia telah terkorban hasil slogan menghapuskan mereka di mana-mana tempat di negara tersebut. Akibatnya mereka terpaksa berpindah ke Eropah Barat, Amerika

Utara dan Selatan. Ini memberi peluang kepada gerakan Zionis untuk muncul dan menguatkan seruan ke arah penyelesaian problem Yahudi supaya mereka dapat membina satu institusi pemerintahan yang aman dan berasingan di Palestin. Hal ini telah mendapat simpati di kalangan orang-orang Eropah dan Amerika sama ada kerana latar belakang agama mereka atau sebagai penyelesaian kepada bebanan pertambahan bilangan penduduk Yahudi di tempat mereka.

Kelemahan Kerajaan Turki Othmaniah yang memerintah Palestin di antara tahun 1516-1917 turut memudahkan laluan untuk kejayaan projek Yahudi-Zionis di Palestin. Kuasa Barat mengambil peluang ini dengan membahagi-bahagikan tanah Palestin sesama mereka. Sewaktu Persidangan London 1905-1907, idea pembentukan “Negara Kawalan” (Buffer State) di kawasan Palestin telah ditimbulkan. Para hadirin telah mencadangkan satu keputusan kepada pihak Perdana Menteri Britain Campbell Bannerman pada masa itu untuk membina institusi pemerintahan yang terbentuk dengan kawalan manusia yang kuat dan pelik di sebelah timur Laut Mediteranean yang bermusuhan dengan orang Islam tetapi merupakan rakan Kuasa Eropah serta kuat bergantung kepada mereka.²³ Orang yang terbaik untuk melaksanakan perancangan kolonial ini ialah orang-orang Yahudi sendiri.

Motif utama perancangan Barat untuk membina idea “Negara Kawalan” (iaitu Palestin) di tengah-tengah dunia Islam adalah untuk memisahkan perpaduan orang-orang Islam di sebelah Asia dengan Afrika. Institusi ini juga berusaha untuk mematahkan sebarang kemunculan tamadun Islam yang kuat di situ. Dengan ini dunia Islam akan sentiasa sibuk dengan masalah permusuhan yang panjang dan rumit yang banyak menghabiskan tenaga dan keupayaan mereka. Rejim Zionis ini amat memerlukan sokongan Kuasa Barat untuk menjamin survival mereka dan Kuasa Barat juga memerlukan mereka untuk menjamin kelemahan dunia Islam, perpecahan dan penderitaan mereka. Oleh itu mereka sentiasa menjalinkan kerjasama tanpa putus-putus. Di sinilah orang-orang Islam perlu memahami kepentingan

yang tersembunyi melalui perancangan Zionis-Barat untuk menentang seluruh orang Islam, cita-cita kesatuan mereka, kebangkitan semula dan kemajuan mereka.

Barat yang berjiwa salib telah merasai pahit akibat penentangan berpanjangan sedangkan orang-orang Islam masih lagi mengekalkan kemenangan mereka lebih kurang 11 kurun lamanya. Negara Islam tidak pula berakhir di tangan mereka tetapi cuma bertukar tangan kepada negara Islam yang lain yang sentiasa memperbaharui daya, semangat dan kemuliaan ummah sejagat. Kerajaan Khulafa' Rasyidin, Umawi, Abbasiyah, Mamalik dan kemudian diambil alih pula oleh Kerajaan Othmaniah yang telah membuka sebahagian besar Eropah Timur dan menyatukan dunia Arab di bawah panji-panji mereka merupakan benteng kebal kepada Islam beberapa kurun lamanya. Hanya selepas dilanda kelemahan kerajaan ini khasnya pada kurun ke- 19 dan awal kurun ke-20 yang membuatkan orang-orang Eropah berfikir tentang kaedah dan cara yang boleh menjamin dunia Islam agar tidak bangkit kembali dan tiada lagi pengganti kepada Kerajaan Othmaniah sebagai kerajaan Islam baru yang bakal mencabar mereka. Justeru itulah mereka membentuk apa yang dinamakan negara kawalan' (Buffer State) di Palestin hari ini.

Perkembangan Politik Bagi Isu Palestin Hingga Tahun 1914:

Serangan Napoleon Bonaparte ke atas Mesir sehingga merekal berjaya mendudukinya secara mudah pada bulan Julai 1798 menarik perhatian kita sejauh mana kelemahan Kerajaan Othmaniah dan membuka ruang kepada penjajah Eropah untuk membahagi-bahagikan pusaka kerajaan ini. Sekalipun serangan Napoleon Bonaparte berakhir dengan kegagalan mereka di kota Aka pada tahun 1799, tetapi beliau merupakan tokoh politik Eropah pertama yang mengeluarkan jemputan rasmi kepada orang-orang Yahudi untuk merealisasikan cita-cita mereka dan membina penempatan di bumi Palestin. Jemputan

rasmi ini tersiar pada 20 April 1799 ketika kepungan mereka di kota Aka.²⁴

Negara Mesir dan Syam juga tidak terlepas daripada sasaran Imperialis Inggeris yang maklum tentang kepentingan kedua-duanya di Timur Tengah. Mereka telah membuka Konsul di Quds pada tahun 1838. Surat Kementerian Luar Negara Inggeris yang pertama kepada Timbalan Konsular di Quds meminta beliau mengawal keselamatan terhadap orang-orang Yahudi sehingga kepada rakyat bukan Inggeris sekalipun. Konsul ini boleh dikatakan sebagai pusat untuk menjaga kepentingan Yahudi hingga tercetusnya Perang Dunia Pertama pada tahun 1914.²⁵ Penguasaan Inggeris ke atas Pulau Cyprus pada tahun 1878 dan Mesir pada tahun 1882 menjadikannya negara penjajah pertama yang mempunyai dasar di timur Laut Mediterranean. Di samping itu, latar belakang agama dan sejarah memperlihatkan Palestin sebagai negara yang menjadi persaingan kepada penjajah di kawasan ini. Juga dalam ruangan untuk memenuhi keperluan mereka bagi menjaga sayap mereka di sebelah timur Terusan Suez yang menjadi tempat laluan Inggeris terutamanya ke India. Ketika perancangan Yahudi sudah terasas dan sudah pun lahir idea 'Negara Kawalan maka kedudukan ini telah pun menolong mereka tanpa ragu-ragu lagi dengan pelbagai dorongan, sama ada berlatarbelakangkan agama, tamadun, politik atau pun strategi. Keadaan ini telah membuka ruang seluas yang mungkin untuk terlaksananya impian mereka terutamanya ketika Kerajaan Othmaniah berada di ambang kejatuhan.

Seruan oleh Zionis Yahudi dan Zionis bukan Yahudi supaya mereka kembali ke Palestin telah bermula sebelum akhir kurun ke-19. Seruan ini timbul lebih awal lagi semenjak kurun ke-16 apabila terbitnya buku pertama yang membicarakan tajuk ini, ditulis oleh seorang peguam Inggeris H.Finch pada tahun 1621 yang menyeru orang-orang Yahudi agar kembali ke bumi Palestin dan memerintahnya. Seterusnya lahir pula penulisan-penulisan lain dan

seruan-seruan dari orang-orang Kristian seperti **Jean J. Rousseau** (1712-1778), J.Priestly (1733-1804), Shaftsbury dan L. Olivent. Selain itu penyeru Yahudi sendiri seperti Isaac Newton (1643-1727), **Shabbetai Zvi** (1626-1676), Yehuda Alkali (1798-1878), **Moses Hess** (1812-1875) dan lain-lainnya.²⁶ Di samping itu kedatangan Yahudi ke Palestin mempunyai kaitan dengan sentimen agama secara konvensional dalam lawatan mereka ke tempat-tempat suci atau tinggal berdekatan dengannya. Ia juga berkaitan dengan pelan penempatan berbentuk “Kebajikan” dan tidak dalam bentuk program politik terancang dan tertutup. Bilangan Yahudi di Palestin pada tahun 1799 lebih kurang 5 ribu orang²⁷ manakala pada tahun 1876, bilangan mereka mencapai kepada 13,920 orang Yahudi.²⁸

Penghijrahan Yahudi berlaku secara tersusun dan terancang semenjak 1882 selepas tercetus 'Problem Yahudi di Russia. Pihak berkuasa Kerajaan Othmaniah telah mengambil langkah menyekat penempatan Yahudi di Palestin. Ini dapat dilihat melalui tindakan mereka memisahkan Quds daripada Syria pada tahun 1887 dan meletakkan pentadbiran Quds secara langsung di bawah pemerintahan pusat (al-Bab al-Ali) untuk memberi penjagaan dan perhatian yang lebih besar kepada kawasan ini.²⁹ Sekalipun bilangan Yahudi yang meninggalkan negara mereka yang asal (khususnya Russia dan Timur Eropah) telah mencapai angka 2,366,941 orang di sekitar tempoh di antara (1881-1914) tetapi bilangan mereka yang masuk ke Palestin lebih kurang 55 ribu orang iaitu nisbah 2.32% sedangkan majoriti berhijrah ke Amerika, Eropah Barat dan Amerika Selatan.³⁰ Ini menunjukkan kejayaan relatif pihak berkuasa Kerajaan Othmaniah pada menentukan *limit* penghijrahan Yahudi ke Palestin.

Kewujudan Pertubuhan Yahudi Antarabangsa melalui persidangan pertama yang diadakan di Basle, Switzerland pada 27-29 Ogos 1897 yang diketuai oleh Theodore Herzl telah membuka era aktiviti politik Zionis, mengasas dan menyusun perancangan untuk penubuhan Kerajaan Yahudi di bumi Palestin. Herzl berkeinginan

untuk merealisasikan perancangan Zionis melalui hubungan diplomatik dan cuba mendorong kuasa-kuasa besar khasnya Inggeris untuk menjalankan perancangan mereka mengikut kepentingan dan faedah yang boleh diambil oleh Penjajah Barat yang berhati salib. Beliau melakukan percubaan yang sia-sia untuk memujuk Kerajaan Othmaniah supaya menjual tanah Palestin, memberi kuasa autonomi kepada Yahudi di bawah kepimpinan Othmaniah dan membuka pintu penghijrahan Yahudi ke Palestin dengan bayaran pampasan yang menarik. Sungguhpun Kerajaan Othmaniah amat memerlukan dana kewangan yang kukuh ketika itu tetapi Sultan Abdul Hamid II (1876- 1909) berpendirian tegas dengan menolak bulat-bulat permintaan Yahudi. Baginda menjawab cadangan Herzl dengan katanya:”*Aku menasihatkannya supaya tidak lagi mengemukakan permintaan ini selama-lamanya. Aku tidak boleh menjual walau seinci pun tanah negara itu kerana tanah tersebut bukan kepunyaanku tetapi hak rakyatku. Rakyatku memperolehi tanah itu daripada Empayar Rom dengan menumpahkan darah-darah mereka. Mereka menjaga dan mempertahankannya selepas itu dengan darah-darah mereka. Kami akan melindunginya dengan darah-darah kami sebelum kami membenarkan sesiapa pun merampasnya daripada kami.... untuk Yahudi menyimpan harta billion mereka. Apabila Empayar Rom membahagikan tanah maka Yahudi akan memperolehi tanah Palestin tanpa membayar sedikitpun. Sesungguhnya tanah Palestin tidak akan diserahkan kepada kamu kecuali kamu melangkah mayat-mayat kami dahulu dan setelah kami mati, kami tidak akan mengizinkan mayat-mayat kami dibedah dengan sebarang tujuan sekalipun.*”³¹

Yahudi turut aktif dalam usaha menumbangkan Sultan Abdul Hamid II dari jawatan baginda melalui pengaruh mereka dalam pertubuhan “Turki Al-Fatah” dan timbul dari pertubuhan ini rangkaian kerjasama iaitu “Badan Al-Ittihad Wa al-Taraqqi” yang mengambil tindakan merampas kuasa tentera yang mendesak baginda berundur dari takhtanya. Mereka menghantar **Emanuel Qrasow** (berbangsa

Yahudi yang telah diusir dari Turki kerana rancangannya untuk menempatkan Yahudi di Palestin) dalam rombongan tersebut yang menyampaikan keputusan penurunan baginda dari takhtanya.³² Yahudi menikmati pengaruh yang besar di bawah Kerajaan “Al- Ittihad Wa Al-Taraqqi” di sekitar tahun 1909-1914. Yahudi mempunyai wakil seramai 3 orang menteri daripada 13 orang menteri kabinet dalam kerajaan ini yang terbentuk pada tahun 1913. Sementara itu bilangan orang-orang Arab pula melebihi separuh bilangan penduduk tetapi mempunyai wakil hanya seorang menteri kabinet.³³

Rakyat Palestin mulai aktif di peringkat awal dalam menghadapi perancangan Yahudi. Insiden yang pertama berlaku ialah penentangan bersenjata di antara peladang-peladang Palestin dengan penduduk Zionis pada tahun 1886. Mereka bertindak mengemukakan memorandum supaya diwujudkan semula kuasa Kerajaan Othmaniah. Beberapa akhbar mereka aktif menjelaskan bahaya Zionis seperti akhbar Karmal dan Palestin. Sementara itu, Syeikh Muhammad Rasyid Ridha, tokoh pembaharuan Islam yang berasal dari Lubnan tapi menetap di Mesir turut menentang melalui tulisannya di dalam majalah al-Manar yang menjadi perintis ketika itu. Begitu juga tokoh-tokoh Palestin seperti Yusof Dhiya al-Khalidi, Sulaiman al-Taji al- Faruqi dan Is‘af al-Nasyasyibi yang berbicara tentang bahaya Zionis. Dasar penturkian (Turkification) dan pro-Zionis yang dilakukan secara berterusan oleh Kerajaan “Al-Ittihad Wa Al-Taraqqi” merupakan faktor pencetus kepada kemarahan rakyat Palestin dan Arab untuk bergabung dalam Kesatuan Arab yang juga mengambil tindakan meminta supaya melakukan pembaharuan dalaman Kerajaan Othmaniah seperti Parti “Alla Markaziah” dan “Arabiah Al-Fatah dan sebagainya.³⁴

Isu Palestin Dalam Peperangan Dunia Pertama (1914-1918):

Di permulaan peperangan Dunia Pertama tahun 1914, bilangan Yahudi di Palestin lebih kurang 80 ribu orang yang berpendirian menyebelahi Inggeris dan sekutu-sekutunya menentang Kerajaan Othmaniah. Akibatnya Kerajaan Othmaniah melakukan tekanan dan menyekat penghijrahan orang-orang Yahudi di sepanjang tempoh peperangan (1914-1918), menyebabkan bilangan mereka susut kepada 55 ribu orang.

Peperangan ini meninggalkan kesan yang besar kepada manusia sejagat. Tetapi pada masa yang sama ia membuka peluang kepada setiap pihak untuk mengambil manfaat daripada hasil peperangan dalam memperolehi kemenangan iaitu keaktifan medan rundingan, mengadakan pelbagai hubungan secara rahsia dan mengatur perjanjian-perjanjian selepas perang. Sekalipun Pertubuhan Zionis Antarabangsa mengalami keperitan buat sementara waktu kerana berlaku perpecahan di kalangan mereka berpunca dari ramainya pemimpin mereka di Jerman. Hanya Chaim Weizmann dapat mengulangi penyusunan kertas projeknya dan kepimpinannya agak lebih praktikal melalui pusatnya di Britain. Inggeris berusaha mendapat jaminan pengaruhnya di negara Syam dan Iraq melalui 3 inisiatif diplomatik yang bertentangan. Situasi ini tidak dihirau oleh Inggeris dalam usaha untuk merealisasikan objektifnya dan memperolehi kemenangan di dalam peperangan.

Inisiatif Pertama ialah perundingan dengan Syarif Husain bin Ali, Amir Hijaz (surat menyurat di antara Husain-MaCmahon pada bulan Julai 1915-Mac 1916) mendorong baginda untuk mengisytiharkan “Demonstrasi Arab” menentang Kerajaan Othmaniah sebagai balasan kepada janji pertukaran sebahagian besar kawasan- kawasan Arab di Semenanjung Arab, negara Syam dan Iraq yang telah dimerdekan akan berada di bawah kepimpinan baginda. Kebanyakan tokoh-tokoh Arab merasa kecewa kerana dasar “Al-

Ittihad Wa Al-Taraqqi” yang telah mencabut kredibiliti Islam daripada Kerajaan Othmaniah. Begitu juga mereka tidak berpuas hati dengan perlantikan Jamal Basya Kecil dan juga tindakan Syria yang menghukum gantung beberapa pimpinan Arab pada bulan Mei 1915. Para pemimpin Kesatuan-kesatuan Arab memaklumkan di peringkat awal peperangan bahawa mereka akan melupakan sebarang perselisihan dengan Kerajaan Othmaniah dan menyebelahi mereka sewaktu memerangi musuh.

Inggeris secara sengaja meletakkan dasar yang tidak jelas dalam menentukan komitmennya. Syarif Husain telah mengenakan tekanan ke atas Inggeris supaya lebih menampakkan komitmennya khasnya perkara yang berkaitan dengan sempadan negara Arab yang dicadangkan. Inggeris telah bertindak pada bulan Oktober 1915 menghantar beberapa orang sebagai pelindung di kawasan sempadan dalam usaha memenuhi tuntutan mereka supaya tidak menggabungkan dua kawasan Marsin dan Adhinah. Begitu juga kawasan yang terletak ke sebelah barat daerah Halab, Hims, Hamah dan Damsyik. Di samping itu ketika penjajah masih memerintah Yaman Selatan dan kerajaan beraja di Teluk Arab, Inggeris menuntut supaya diwujudkan pentadbiran khas bagi selatan Iraq yang menjamin kepentingan Inggeris di situ. Syarif Husain memahami bahawa beliau tidak mampu membawa sebarang perubahan kepada negara-negara yang telah jajah, cuma beliau bersedia untuk membincangkan kepentingan Inggeris di selatan Iraq. Baginda tetap berhasrat untuk menyatukan kawasan di sebelah barat Halab, Hims, Hamah dan Damsyik (dapat difahami daripada maksudnya ialah Lubnan) di bawah kesatuan negara Arab yang merdeka. Biarpun keputusan masih kabur revolusi bangsa Arab terhadap Kerajaan Othmaniah tetap diteruskan. Syarif Husain telah bertindak mengisytiharkan demonstrasi di Hijaz pada 10 Jun 1916 dan mengadakan pakatan dengan Inggeris. Kemudian disokong oleh beberapa Kesatuan Arab

yang mempunyai pengaruh yang kuat khasnya di negara Syam seperti “Arabiah Al-Fatah”, “Alla Markaziah” dan “Al-Ahd.”

Inisiatif Kedua ialah perundingan dengan Perancis mengenai kedudukan masa depan Iraq dan negara Syam. Perjanjian tercapai melalui perjanjian “Sykes-Picot Agreement” pada bulan Mei 1916 yang menyerahkan kepada Inggeris sebahagian negara Iraq (mengikut sempadannya kini), Timur dan kawasan Haifa di Palestin. Manakala Lubnan dan Syria diletakkan di bawah Perancis. Memandangkan keinginan semua pihak untuk menjajah Palestin maka dipersetujui untuk diletakkan di bawah kendalian antarabangsa.

Inisiatif Ketiga pula ialah perundingan dengan Pertubuhan Zionis Antarabangsa tentang masa depan Palestin. Inggeris mendorong Yahudi untuk menggunakan pengaruh mereka di Amerika Syarikat supaya terlibat sama dalam peperangan menyebelahi Inggeris dan sekutunya (ini apa yang berlaku realitinya pada bulan Mac 1917). Tambahan itu lagi kewujudan pengaruh Yahudi-Zionis di Britain dan Kerajaan Inggeris sendiri melalui Kementerian Dalam Negeri Yahudi- Zionis, Harvart Samuel, Kristian-Zionis seperti Perdana Menteri, Luid George dan Menteri Luar Negeri, Balfour. Ini sebagai tambahan maklumat yang telah dinyatakan sebelum ini tentang dorongan, latar belakang agama, politik dan strategi. Hasil perjanjian “Balfour” pada 2 November 1917, Inggeris telah memberi jaminan untuk mewujudkan tanah hak bangsa Yahudi di Palestin. Perjanjian ini dikatakan yang paling pelik dalam sejarah kemanusiaan, lebih-lebih lagi kontranya dengan perjanjian-perjanjian yang lain. Mereka tetap berkeinginan dan bercita-cita untuk memiliki hak “legal” di bumi Palestin. Jaminan akan diberi tanah yang bukan miliknya bahkan tanah yang belum pernah dijajahnya kepada manusia yang tidak berhak memilikinya. Inilah yang dikatakan kemuncak keagungan Inggeris yang mempertahankan nilai dan prinsip kemanusiaan.

Rahsia perjanjian “Sykes-Picot” tidak berkekalan kerana Russia bertindak membocorkannya selepas sahaja Revolusi Komunis menduduki takhta pemerintahan Kaisar di Russia pada bulan Oktober 1917 dan mengisytiharkan penarikan diri daripada peperangan itu. Begitu juga orang ramai mengetahui perjanjian “Balfour” (yang dianggap rahsia) seminggu lebih awal sebelum berita itu dikeluarkan di dada akhbar di Mesir. Ini memberikan kejutan besar kepada “Revolusi Arab” kerana mereka tidak menyangka tipu daya Inggeris sampai ke tahap ini.

Oleh kerana itu tentera “Revolusi Arab” menolak untuk meneruskan rundingan terhadap beberapa perkara yang belum jelas. Inggeris menghantar Hogarth sebagai utusannya pada bulan Januari 1918 dengan membawa surat kebenaran Kerajaan Inggeris bagi melegakan hati Syarif Husain bahawa penghijrahan Yahudi ke Palestin tidak kontra dengan kepentingan penduduk tempatan dari aspek politik dan ekonomi. Begitu juga mereka membawa surat kebenaran Kerajaan Inggeris kepada 7 orang pimpinan Syria pada bulan Jun 1918 sebagai penegasan yang jelas bahawa tanah yang diduduki oleh Inggeris (selatan Palestin dan selatan Iraq) akan diperintah mengikut kehendak penduduk tempatan di samping perjanjian memberi kemerdekaan kepada wilayah-wilayah yang sebelum ini di bawah kekuasaan Othmaniah iaitu utara Palestin, timur, Syria, Lubnan dan utara Iraq. Ketika berakhir peperangan Dunia Pertama, dikeluarkan kebenaran Inggeris-Perancis pada 7 November 1918 dengan penegasan terhadap beberapa jaminan kebebasan dan kemerdekaan kepada negara Arab yang dahulu berada di bawah Kerajaan Othmaniah.³⁵

BAB 2

PALESTIN DI BAWAH PENJAJAHAN INGGERIS (1917-1948)

Pihak Inggeris menyempurnakan penjajahan mereka ke atas selatan dan tengah Palestin pada bulan Disember 1917. Mereka juga menduduki Quds secara rasmi pada 9 Disember 1917. Pemimpin tentera Inggeris, Allenby telah menyampaikan ucapannya di Quds sempena meraikan kemenangannya dengan berkata: "*Sekarang barulah berakhirnya perang salib*".³⁶ Seolah-olah serangan mereka ke atas Palestin merupakan serangan yang terakhir dan juga menggambarkan betapa perang salib belum berakhir semenjak Eropah mencetuskannya sejak lebih dari 800 tahun yang lampau.

Pada bulan September 1918, Inggeris telah menduduki utara Palestin kemudian seterusnya pada bulan September hingga Oktober, mereka menguasai di sebelah timur, Syria dan Lubnan. Semenjak itu, Inggeris menggunakan kuasa untuk memulakan perancangannya menjadikan tanah Palestin milik Yahudi secara terancang. Kemudian Inggeris pula memberi keyakinan kepada Perancis supaya menarik kembali rancangan menjadikan tanah Palestin hak antarabangsa. Sebagaimana dalam teks Sykes-Picot yang menyatakan bahawa sebagai ganti kepada penarikan Inggeris yang memberi sokongan kepada Kerajaan Arab yang muncul di Damsyik yang diketuai oleh Faisal bin Syarif Husain ialah memberi peluang kepada Perancis menduduki Syria. Kemudian Inggeris berperanan menutup mata dunia antarabangsa dengan mengeluarkan ketetapan Liga Bangsa-Bangsa pada 24 Julai 1922 dengan mendapat mandat ke atas Palestin dan jaminan pengiktirafan ke atas perjanjian "Balfour" sehingga menjadi komitmen rasmi antarabangsa yang muktamad.

Idea bagi mendapatkan mandat ini dilakukan oleh Liga Bangsa- Bangsa berdasarkan alasan menolong bangsa yang menyerahkan mandat itu sebagai proses mendapatkan hak kemerdekaan. Dengan

penyerahan mandat kepada pihak Inggeris ke atas Palestin menuntut mereka menunaikan tanggungjawab terhadap kemajuan dalam institusi kerajaan tempatan, menjaga hak-hak awam dan agama bagi seluruh penduduk Palestin. Ini bermakna perjanjian “Balfour” tidak akan menjadi batu penghalang di mata rakyat Palestin untuk menentang sebarang usaha memajukan institusi tersebut sehingga terbentuknya negara mereka. Pelaksanaan perjanjian “Balfour” tidak mendatangkan sebarang kebaikan kepada kepentingan penduduk Palestin, hak-hak mereka dan mengendalakan pembinaan institusi menurut perlembagaan yang menghala ke arah pembentukan negara mereka. Inggeris hanya memberikan komitmen kepada beberapa perkara yang berkaitan dengan perjanjian “Balfour”, tidak memperdulikan serta tidak menghormati perkara-perkara yang berkaitan dengan hak rakyat Palestin yang mewakili lebih kurang 92%³⁷ daripada jumlah penduduk (ketika peringkat permulaan penjajahan Inggeris). Beberapa ketetapan yang dibuat oleh Inggeris mengenai hak Palestin semasa era penjajahan adalah sebenarnya palsu semata-mata, sekadar untuk meredakan konflik terbuka di antara orang-orang Arab dengan Yahudi. Secara realitinya mereka memberi komitmen yang tidak berbelah bahagi kepada pembentukan negara Yahudi di Palestin.

Inggeris meletakkan Palestin di bawah pemerintahan tentera hingga akhir Jun 1920 yang kemudiannya bertukar kepada pemerintahan awam. Seorang Yahudi-Zionis, Harvart Samuel dilantik oleh Inggeris sebagai wakil mereka yang pertama ke atas Palestin (1920-1925). Perlantikan ini adalah sebagai medan untuk melaksanakan perancangan Zionis di situ. Dasar ini telah diteruskan oleh wakil-wakil Zionis selepasnya. Di kalangan mereka terdapat seorang pemimpin Yahudi yang bernama Arthur Wauchope (1931- 1938) yang berjaya melaksanakan misi tersebut secara kotor dan licik sehingga sampai ke matlamat yang dikehendaki.

Perkembangan Projek Yahudi:

Di bawah tampok pemerintah penjajah Inggeris rakyat Palestin tidak diberi hak membina institusi menurut perlembagaan dan pemerintahan mereka sendiri. Inggeris hanya meletakkan pemerintahan di bawah mereka secara langsung dan memberi hak pembaharuan mutlak kepada wakil-wakil Yahudi-Zionis sahaja. Mereka menyempitkan usaha rakyat Palestin untuk mendapatkan punca rezeki dan sumber penghidupan mereka. Seterusnya mereka menimbulkan masalah sosial di kalangan rakyat Palestin sehingga tercetusnya perpecahan serta kerenggangan hubungan kekeluargaan. Di waktu yang sama, penghijrahan Yahudi meningkat daripada 55 ribu orang (8% daripada jumlah penduduk) pada tahun 1918 kepada 650 ribu orang (31% daripada jumlah penduduk) pada tahun 1948.

Sekalipun pakatan Yahudi dan Inggeris telah berjaya memiliki tanah Palestin secara tidak disedari, namun mereka hanya mampu memperolehi lebih kurang 6.5% dari tanah tersebut sekitar tahun 1948. Sebahagian besar daripada tanah tersebut adalah milik kerajaan ataupun tanah-tanah yang dijual oleh mereka (bukan rakyat Palestin) yang menetap di Lubnan, Syria dan sebagainya. Yahudi telah membina 291 penempatan di atas tanah jajahan ini semasa era penjajahan Inggeris di Palestin.

Inggeris juga bertindak melucutkan hak bersenjata rakyat Palestin. Mereka akan membunuh sesiapa yang memiliki senjata api bahkan akan memenjarakan mereka yang memiliki peluru, pisau belati atau parang. Mereka tidak bersikap adil; ketika rakyat Palestin dilarang keras memiliki senjata, orang Yahudi dibekalkan senjata secara rahsia dan seterusnya membentuk pasukan bersenjata. Sewaktu tercetus peperangan 1948, bilangan mereka mencecah lebih daripada 70 ribu pejuang (64 ribu pejuang dari pasukan Haghana, 5 ribu dari pasukan Irgun dan 2 ribu dari pasukan Stern). Bilangan ini melebihi 3

kali ganda daripada 7 pakatan tentera negara-negara Arab yang turut serta dalam peperangan 1948.

Perwakilan Yahudi telah dibentuk pada tahun 1929 bagi menguruskan hal ehwal mereka di Palestin. Ianya seumpama wujud pemerintahan negara dalam negara yang menghalang berlakunya pembaharuan yang meluas. Yahudi membina institusi mega dari segi ekonomi, sosial dan pendidikan yang merupakan persediaan bagi negara Yahudi di masa hadapan seperti penubuhan Histadrut (Kesatuan Buruh Yahudi) dan pembukaan Universiti Hebrew di Quds pada tahun 1925.³⁸ Begitulah seterusnya, segala kezaliman, paksaan dan pilih kasih yang merupakan tabiat penjajah Inggeris tampak jelas diperlakukan terhadap rakyat Palestin.

Lahirnya Gerakan Kebangsaan Palestin:

Senario yang cukup menyedihkan telah menimpa rakyat Palestin yang baru sahaja keluar dari peperangan Dunia Pertama. Negara-negara Arab dan dunia Islam telah pun berada di bawah kekuasaan dan pengaruh penjajah. Mereka pula tidak memiliki material yang mencukupi dan tiada pengaruh politik untuk menekan pihak musuh. Jika dibandingkan dengan perancangan Yahudi, kita dapati pihak yang berada di belakang mereka ialah Yahudi Antarabangsa dan perlindungan kuasa-kuasa besar.

Rakyat Palestin memiliki hak sepenuhnya di Palestin dan berusaha untuk mendapatkan kemerdekaan sekalipun terpaksa membayar harga yang tinggi. Ini merupakan tabiat yang tampak jelas terhadap segala aktiviti mereka dari aspek politik dan perjuangan jihad sepanjang tempoh penjajahan Inggeris. Jihad dan aktiviti politik Palestin berpusat kepada beberapa tuntutan seperti berikut:

- membatalkan perjanjian “Balfour” yang mengandungi kezaliman dan kerugian kepada hak-hak majoriti penduduk Palestin.

- menghentikan penghijrahan Yahudi.
- menghentikan penjualan tanah kepada Yahudi.
- mengadakan pemerintahan kebangsaan Palestin yang dipilih melalui parlimen (majlis perundangan) yang mewakili pentadbiran sebenar dan bebas bagi penduduk Palestin.
- terlibat dalam perundingan dengan Inggeris untuk mengadakan perjanjian yang menjurus kepada kemerdekaan Palestin.

Berdasarkan kepada asas-asas ini, timbulnya Gerakan Kebangsaan Palestin yang mengadakan persidangannya yang pertama (Persidangan Arab Palestin) pada 27 Januari-10 Febuari 1919) di Quds. Persidangan ini menolak pembahagian negara Syam mengikut kepentingan penjajah, dengan menganggap Palestin sebahagian negara Syam, menuntut kemerdekaan Syria dalam kesatuan Arab dan membentuk kerajaan kebangsaan yang memerintah secara langsung di Palestin. Palestin mengadakan 7 kali persidangan mengikut acuan ini hingga tahun 1928. Muncul dalam kepimpinan gerakan kebangsaan ini ialah Ketua Badan Perlaksanaan Persidangan Palestin, Musa Kazim Al-Husaini yang terus memimpin secara rasmi gerakan kebangsaan hingga kematiannya pada bulan Mac 1934. Seterusnya muncul pula Haji Amin Al-Husaini yang menjadi Mufti Quds pada tahun 1921 dan sebagai Ketua Majlis Tertinggi Islam Syarie semenjak terasasnya pada tahun 1922. Beliau meletakkan benteng yang kukuh bagi gerakan kebangsaan ini dan sebagai pendorong yang kuat dari belakang. Kematian Musa Kazim Al-Husaini menjadikan Haji Amin Al-Husaini sebagai pemimpin Palestin tanpa sebarang penentangan sehingga berakhirnya penjajahan Inggeris pada tahun 1948.

Gerakan Kebangsaan Palestin (1918-1929):

Pendekatan yang digunakan oleh Gerakan Kebangsaan Palestin di sekitar tahun 1918-1929 lebih kepada pendekatan aman. Gerakan ini

berusaha untuk mempengaruhi pihak pemerintah Inggeris supaya mengubah dan menarik balik komitmen mereka terhadap perjanjian “Balfour.” Inilah sahaja harapan yang masih tinggal ketika itu, khasnya Inggeris merupakan sekutu Syarif Husain sewaktu peperangan Dunia Pertama. Perancangan Zionis pada tahap ini masih belum lagi dapat merealisasikan sebarang hasil yang mempunyai dimensi yang besar serta praktikal ke atas kedudukan Palestin. Tambahan pula, para pemimpin Palestin berpandangan bahawa masyarakat mereka belum lagi memiliki wasilah alternatif yang sesuai serta mampu melaksanakan kehendak mereka ke atas Inggeris. Selain dari itu, masih belum wujud di kalangan para pemimpin mereka suatu ikatan yang kuat di samping kurang keyakinan serta kehendak yang tinggi untuk mencabar Inggeris dengan cara yang lebih keras. Kekurangan pengalaman dari sudut politik dan seringkali berlakunya perebutan dan persaingan dalam kepimpinan di antara keluarga An-Husainiyyah dan An-Nasyasyibiyah, telah menjadi aset kepada Inggeris untuk memperkukuhkan peranannya dalam usaha melemahkan Gerakan Kebangsaan Palestin. Namun demikian, perkara ini tidak meninggalkan kesan besar ke atas pendirian dan prinsip rakyat Palestin terhadap perancangan Zionis, penjajahan Inggeris dan tuntutan dasar umum oleh Gerakan Kebangsaan Palestin.

Dari aspek politik, Gerakan Kebangsaan Palestin telah menghantar rombongan mereka (termasuk sebilangan pemimpin) yang pertama ke London pada bulan Julai 1921 untuk bertemu dengan Perdana Menteri Inggeris, Winston Churchill. Usaha ini sama sekali gagal menarik perhatian kerajaan Inggeris sekalipun mereka berjaya mendorong para bangsawan ‘House of Lord’ untuk mengeluarkan ketetapan menolak perjanjian “Balfour.” Di peringkat antarabangsa, rakyat Palestin berjaya menggagalkan percubaan Inggeris membentuk majlis perundangan di Palestin pada tahun 1923 yang tidak mewakili secara adil penduduk Palestin serta tidak memberi sebarang perubahan terhadap realiti mereka. Lawatan Balfour ke Palestin telah disambut

dengan protes, boikot dan mogok daripada seluruh masyarakat Palestin. Dalam Persidangan Palestin yang ke-5 pada 22-25 Ogos 1922, para peserta telah membentuk Piagam Palestin dengan mengangkat sumpah untuk beriltizam dengannya. Mereka bersumpah: *“Kami mewakili rakyat Arab Palestin dalam Persidangan Arab Palestin yang ke-5 yang diadakan di Nablus ini, berjanji di hadapan Allah, dan juga kepada sejarah serta bangsa bahawa kami akan meneruskan usaha untuk membebaskan negara kami dan merealisasikan kesatuan Arab dengan menggunakan apa jua cara yang dibenarkan. Dan kami tidak sekali-kali menerima pelan penempatan yang dirancang oleh Yahudi atau pun penghijrahan Yahudi.”*³⁹

Di sepanjang tempoh tersebut (1918-1929), tiga Demonstrasi telah berlaku yang menggambarkan tindakan nekad rakyat Palestin hasil daripada kemarahan yang meluap-luap terhadap perancangan Yahudi. Kemarahan ini diluahkan melalui penentangan mereka terhadap Yahudi dan tindakan memulaukan orang-orang Inggeris (ini adalah berpunca dari faktor-faktor yang telah diperkatakan sebelum ini). Akan tetapi Inggeris mempunyai peranan utama dalam mengekang dan mengawal Demonstrasi ini. Demonstrasi Mausim (perayaan sempena kelahiran Nabi Musa) yang tercetus pada bulan April 1920 di Quds telah membawa kepada terbunuhnya 5 orang Yahudi dan mencederakan 211 yang lain. Di pihak rakyat Palestin pula, seramai 4 orang telah terbunuh dan 24 orang lain tercedera. Demonstrasi yang lain pula telah meletus di Yafa pada 1-15 Mei 1921 dan telah merebak ke sebelah utara Palestin. Hasilnya bilangan orang-orang Yahudi terbunuh adalah seramai 47 orang dan 146 mendapat kecederaan sedangkan di pihak Palestin, bilangan mereka yang terbunuh adalah seramai 48 orang dan seramai 73 orang yang tercedera. Manakala peristiwa Demonstrasi al-Buraq yang semakin memuncak sejak 15 Ogos telah berterusan hingga 2 September 1929. Rakyat Palestin telah terlibat mempertahankan tembok al-Buraq

“Tembok Di Sebelah Barat Masjid al-Aqsa Al-Mubarak” daripada dicerobohi oleh orang-orang Yahudi. Kemudian peristiwa tersebut telah merebak ke seluruh pelusuk Palestin sehingga mengorbankan 133 orang Yahudi dan mencederakan 339 orang. Di pihak Palestin pula, mereka yang terkorban adalah seramai 116 orang dan 232 orang tercedera. Ketiga-tiga Demonstrasi yang berlaku itu menunjukkan bahawa majoriti yang terkorban di pihak Yahudi adalah hasil usaha yang dilakukan oleh rakyat Palestin. Manakala rakyat Palestin yang terkorban pula adalah hasil tindakan pasukan tentera dan polis Inggeris. Haji Amin Al-Husaini memainkan peranan utama dalam Demonstrasi 'Mausim' dan 'al-Buraq'. Para pemimpin politik rasmi Palestin hanya mengambil pendekatan aman bahkan sekadar berusaha untuk menenangkan kemarahan mereka dan cuba menguasai hati mereka. Petanda yang tampak jelas dan penting ialah ketiga-tiga Demonstrasi ini telah menjadikan prinsip Islam sebagai aset dalam menyemarakkan perasaan kebangsaan dan mencetuskannya melalui penentangan terhadap perancangan Yahudi.⁴⁰

Gerakan Kebangsaan Palestin (1929-1939):

Demonstrasi al-Buraq pada tahun 1929 merupakan pembuka tirai kepada peningkatan perjuangan jihad yang keras menentang perancangan Zionis dan penjajah Inggeris. Perjuangan ini sampai ke kemuncaknya dengan “Demonstrasi Besar Palestin” (1936-1939). Dasar ini diambil setelah melihat betapa bahaya perancangan Yahudi- Zionis khususnya selepas penghijrahan lebih daripada 152 ribu orang Yahudi di antara tahun 1930-1935 yang membawa pertambahan berganda bilangan mereka di pertengahan tahun 1929 di sekitar 156 ribu orang. Kebanyakan mereka datang dari Jerman yang terdiri daripada kalangan tokoh-tokoh koporat, pemilik-pemilik harta dan perniagaan serta kalangan pakar-pakar dalam bidang masing-masing. Begitu juga dalam tempoh di antara tahun 1930-1935, mereka menduduki seluas 229 ribu meter persegi tanah Palestin. Mereka melarikan senjata dengan jumlah yang besar yang akhirnya terdedah

hal ini dalam dua keadaan iaitu berlaku pada 15 Mac 1930 dan 16 Oktober 1935.⁴¹

Di pertengahan tahun 1930-an, tampak jelas penambahan aktiviti politik, reaksi umum terhadap kejadian-kejadian yang berlaku dan penentangan musuh secara terbuka dan meluas terhadap pihak berkuasa Inggeris yang dianggap “punca penyakit dan asas segala bencana”. Parti-parti politik mulai terbentuk pada masa ini di mana “Hizb Al-Istiqlal” adalah yang pertama muncul pada bulan Ogos 1932 yang merupakan aset yang cukup besar pada masa itu dalam memimpin rakyat menentang Inggeris. Kedudukan mereka selepas itu mengalami kelemahan bermula pada pertengahan 1933. Parti lain seperti Parti Arab Palestin yang muncul pada bulan Mac 1935 menjadi parti rakyat pertama dan mendapat dokongan Mufti Haji Amin dan sokongan rakyat.⁴² Di waktu yang sama, Persatuan “Shubban Muslimin” dan “Harakah Kasyfiah” juga memainkan peranan mereka. Beberapa gerakan rahsia berorientasikan ketenteraan dan perjuangan jihad timbul dan berkembang seperti Gerakan “Jihad” di bawah pimpinan Izzuddin Al-Qassam, “*Munazzamah Al-Jihad Al-Muqaddas*” diketuai oleh Abdul Kadir Al-Husaini (Penyelia di belakang ialah Haji Amin). Terdapat juga beberapa kumpulan militer kecil terlibat dalam membuat kejutan awal dengan pihak berkuasa seperti “Al-Kaffu Al-Akhdhar”.

Pada waktu ini, cita-cita rakyat Palestin telah hilang untuk memperolehi hak-hak mereka melalui pendekatan aman dan secara perundangan. Komentari Haji Amin Al-Husaini di peringkat ini dengan katanya: “*Dulunya kita tidak hilang sehingga tahun 1932 sesuatu yang menjadi cita-cita kita tetapi hilang ditelan zaman, segala azab kita... segala penderitaan kita disediakan dengan pertolongan, tidak ada di hadapan kita kecuali mati syahid.*”⁴³ Satu nota bertulis ditunjukkan kepada Pengarah cawangan pengintipan polis Palestin: “*Perasaan yang meluap-luap kemarahan menentang mandat Inggeris dan pentadbiran menguasai di tengah-tengah setiap*

lapisan masyarakat.. orang-orang Arab yang menaruh harapan bahawa Inggeris akan merealisasikan keadilan kepada mereka akan mengenakan mereka penyakit putus asa.”⁴⁴

Beberapa peristiwa penting yang berlaku pada masa itu turut menyemarakkan lagi semangat kebangsaan rakyat Palestin seperti kegagalan misi rombongan Palestin ke London yang diketuai oleh Musa Kazim Al-Husaini pada musim bunga 1930. Begitu juga beberapa cadangan John H. Simpson, pakar penempatan dan tanah yang dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Inggeris untuk mengkaji situasi di Palestin telah tidak terlaksana. Melalui kajiannya, Simpson mendapati tiada tanah tambahan yang boleh diberikan kepada penghijrah Yahudi dan beliau mencadangkan supaya mereka mengurangkan penghijrahan atau menghentikannya terus.⁴⁵ Tambahan pula dengan kedudukan Kerajaan Inggeris yang tidak menentu, mereka mula menarik balik segala arahan yang tersiar dalam “Kertas Putih” pada bulan Oktober 1930 yang menjanjikan usaha mengawal penghijrahan Yahudi. Kemudian keluar pula “Kertas Hitam” pada bulan Februari 1931 yang menegaskan komitmen Inggeris terhadap perancangan Yahudi dan menghapuskan secara praktikal segala yang tercatat dalam “Kertas Putih”.⁴⁶

Dalam tempoh ini, rakyat Palestin dapat memperbaharui dimensi Arab dan Islam bagi menangani isu Palestin dan bergerak aktif. Beberapa laporan telah dipetik pada bulan Mei 1931 tentang kewujudan secara terancang Demonstrasi secara jihad yang berobjektifkan menyelamatkan negara Arab khasnya negara Palestin dan Syria. Amir Syakib Arsalan (seorang warganegara Islam Lubnan) telah mengetuai gerakan ini sebagai perancang dengan penglibatan sama Haji Amin Al-Husaini dan Maulana Syaikat Ali seorang pemimpin terkemuka India pada masa itu. Beliau sentiasa mengadakan hubungan dengan pemimpin-pemimpin Arab di Semenanjung Arab, Iraq, Syam dan Mesir tetapi perancangan itu tidak mencatat sebarang kejayaan.⁴⁷

Pada 7-17 Disember 1931, Persidangan Islam Umum telah berlangsung di Quds dengan dipimpin oleh Haji Amin Al-Husaini dan dihadiri oleh wakil-wakil dari 22 buah negara. Di situ mereka meletakkan asas dimensi Islam bagi menangani isu Palestin yang menjadi perhatian dan fokus utama dunia Islam. Turut hadir dalam persidangan itu beberapa tokoh ulama dan Islam seperti Syeikh Muhammad Rasyid Ridha, intelektual India dan penyair “Muhammad Iqbal”, pemimpin India Syaukat Ali, pemimpin Tunis Abdul Aziz as- Tha'labi, Bekas Perdana Menteri Iran Dhiya'uddin al-Tabtabai dan pemimpin Syria, Syukri al-Quwwatli dan yang lain-lain lagi. Berbagai-bagai keputusan tindakan dikeluarkan seperti mewujudkan Pan-Islam, mengasaskan persepakatan untuk menyelamatkan tanah- tanah, membentuk jawatankuasa untuk isu Palestin di pelbagai 48 negara.....,⁴⁸ tetapi malangnya kesemua dunia Islam jatuh ke tangan penjajah. Inggeris sentiasa berperanan menggagalkan segala perancangan kerja sehingga mengendalakan kerja sebahagian besar keputusan-keputusan tersebut. Keadaan ini menambahkan lagi peranan ulama Islam Palestin yang terus mengadakan persidangan pertama pada 25 Januari 1935 dengan mengeluarkan fatwa bahawa haram menjual tanah kepada Yahudi dan mengkafirkan mereka yang terlibat dalam jenayah tersebut kemudian mereka juga mengadakan kempen kesedaran secara besar-besaran di Palestin.⁴⁹

Dalam masa yang sama perjuangan jihad menentang Yahudi dan Inggeris bersemarak dengan tertubuhnya gerakan yang dinamakan “Al-Kaffu Al-Akhdhar” yang muncul setelah berlaku demonstrasi al- Buraq di utara Palestin diketuai oleh Ahmad Tafish. Beliau bertindak mengadakan beberapa operasi menentang Yahudi dan Inggeris tetapi Inggeris membalas kembali serangan tersebut sehingga mereka dihancurkan pada bulan Februari 1932 dan ketua mereka ditangkap pada bulan Oktober 1933. Pucuk pimpinan Palestin meningkatkan tentangan mereka dan mengadakan demonstrasi besar-besaran di Quds pada 13 Oktober sementara para pemimpin di Yafa turut terlibat

sama pada 27 Oktober. Demonstrasi pertama bermula dari Masjid al- Aqsa dan yang kedua selepas selesai solat Jumaat di Yafa. Peristiwa ini berlarutan selama 2 hari. Pihak berkuasa Inggeris ketika ini berusaha untuk mengekang demonstrasi dengan menggunakan segala kekuatan sehingga berlakunya pembunuhan 35 orang Palestin dan seramai 255 orang pula mendapat kecederaan. Demonstrasi mulai tersebar luas dan bertambah ganas di Haifa, Quds, Nablus, Bi'ir as- Sab'i, Laddu dan lain-lain di mana jumlah mereka yang terkorban semakin ramai dan berlarutan selama 7 hari. Pihak berkuasa Inggeris menangkap seramai 12 orang pemimpin Palestin termasuklah 3 orang dari jawatankuasa pengurusan. Musa Kazim al-Husaini sewaktu berlaku “Demonstrasi Yafa” telah mendapat kecederaan parah hingga pengsan. Andaian menyebut bahawa punca kematian beliau pada bulan Mac 1934 adalah kesan dari kecederaan tersebut sewaktu umur beliau mulai mencecah 81 tahun.⁵⁰

Gerakan ‘Al-Jihadiyyah’ yang diasaskan oleh Syeikh Izzuddin al- Qassam berdasarkan kepada gerakan yang sedia ada sebelum ini (1925) adalah satu gerakan jihad secara rahsia yang menjadikan Islam sebagai manhaj dan slogannya ialah “Inilah Jihad, Kemenangan atau Mati Syahid” Gerakan ini tersebar luas di utara Palestin khususnya di kalangan para pekerja dan peladang. Mereka berjaya mengumpul seramai 200 hingga 800 orang pengikut yang dilakukan secara rahsia dengan melibatkan mereka dalam “Demonstrasi al-Buraq.” Kemudian mereka melaksanakan beberapa operasi di pertengahan tahun 30-an tetapi mereka mula mengisytiharkan kewujudan mereka dan turun ke medan pada bulan November 1935. Syeikh al-Qassam dan dua orang pengawalnya terkorban syahid dalam peperangan “Ahrasy Ya'bud” pada pusingan pertama dengan pihak berkuasa Inggeris pada 20 November 1935. Peristiwa ini tidaklah mengakhiri gerakan mereka sehingga mereka melantik Syeikh Farhan as-Sa'di sebagai pimpinan mereka. Beliau memainkan peranan sebagai pelopor yang agung dalam “Demonstrasi Besar” (1936-1939).⁵¹ Manakala pertubuhan “Al-

Jihad Al-Muqaddas” yang mengambil corak Islam-Kebangsaan diselia oleh Haji Amin dan gerakan mereka berpusat di Quds diketuai oleh Abdul Kadir al-Husaini. Bilangan pengikut mereka pada tahun 1935 adalah seramai 400 anggota⁵² dan Pertubuhan ini turut terlibat dalam “Demonstrasi Besar” dalam memimpin aktiviti di kawasan Quds dan Hebron.

Demonstrasi Besar Palestin (1936-1939):

‘Demonstrasi Besar’ dikatakan rusuhan terbesar dalam sejarah Palestin moden. Ianya tercetus pada 15 April 1936 di bawah kumpulan al-Qassam yang diketuai oleh Syeikh Farhan as-Sa'di yang bertindak membunuh 2 orang Yahudi. Kemudian kedua-dua pihak bertindak balas di antara satu sama lain sebagai reaksi kepada pelbagai peristiwa yang berlaku. Rakyat Palestin mengisytiharkan mogok umum pada 20 April sehingga berlaku penyatuan parti-parti politik Arab dan pembentukan badan tertinggi Arab. Haji Amin Al-Husaini melantik dirinya sendiri dengan jabatan pimpinannya pada 25 April. Dia mengisytiharkan untuk meneruskan mogok ini sehingga dapat memenuhi tuntutan-tuntutan Palestin dalam membentuk kerajaan Palestin yang bertanggungjawab di hadapan parlimen yang dipilih, menghentikan penghijrahan Yahudi dan melarang penjualan tanah kepada Yahudi. Mogok tersebut berlanjutan selama 178 hari (lebih kurang 6 bulan) yang dianggap mogok yang paling panjang dalam sejarah yang dilakukan oleh rakyat Palestin secara berkesan. Di samping pelancaran mogok, demonstrasi secara besar besaran merebak ke seluruh Palestin. Pusingan pertama demonstrasi itu berakhir pada 12 Oktober 1936 kerana patuh kepada seruan raja-raja dan beberapa pimpinan Arab yang mengalu-alukan kedatangan “Badan Pemeriksa Di Raja Britain” (Peel Commission) untuk mengkaji situasi dan mengemukakan beberapa cadangan. Beberapa cadangan tersebut telah dikeluarkan oleh badan ini pada awal Julai 1937. Ia mencadangkan pembahagian Palestin kepada Arab dan Yahudi. Langkah ini telah mencetuskan kemarahan rakyat Palestin

sehingga mereka bertindak melakukan demonstrasi sekali lagi. Petanda yang jelas bermulanya demonstrasi ini ialah terbunuhnya pemimpin Inggeris, Brigade Jeneral Andrews pada 26 September 1937. Pihak berkuasa Inggeris bertindak mengekang secara besar-besaran, membubar Majlis Tertinggi Islam dan Badan Tertinggi Arab dan badan-badan kebangsaan serta cuba untuk menangkap Haji Amin yang melarikan diri ke Lubnan di pertengahan Oktober 1937 di mana beliau dilantik sebagai pemimpin demonstrasi di sana. Akhirnya pihak Inggeris berjaya menangkap 4 orang daripada anggota Badan Tertinggi Arab dan menghalau mereka ke Pulau Sicily.

Demonstrasi ini telah sampai ke kemuncaknya pada musim panas 1938, di mana para pemberontak telah berjaya menguasai beberapa buah kampung di Palestin. Mereka berjaya menawan kebanyakan bandar dalam tempoh yang singkat dan menjatuhkan pihak pentadbiran awam Inggeris. Kalaulah perkara ini hanya sekadar menghadapi rakyat yang pernah dijajah pada zaman penjajahan kuasa Inggeris, barangkali perkara ini boleh membawa kepada pengunduran Inggeris serta mengembalikan hak-hak rakyat Palestin. Tetapi, adanya pihak Yahudi-Zionis beserta dengan pengaruh dan tabiat perancangannya, telah mencetuskan tekanan yang berterusan sehingga bertambah sombong dan degil di pihak Inggeris. Inggeris mula bertindak balas dengan menghantar kumpulan sokongan yang besar yang dipimpin oleh tentera-tentera terkemuka iaitu (Wavell, Haining dan Montgomery). Mereka telah berjaya menawan satu demi satu kampung Palestin yang lain. Dengan memiliki kekuatan yang serba moden itu, mereka berjaya menghapuskan demonstrasi itu pada musim panas tahun 1939. Pemimpin revolusi yang terkorban syahid termasuklah Farhan as-Sa'di, Muhammad as-Saleh al-Hamad, Abdul Rahim Hj. Muhammad dan Yusof Abu Durrah.⁵³

Dari aspek lain, pihak Inggeris cuba menjadikan politik sebagai jalan penyelesaian sedangkan dalam masa yang sama mereka bertindak memusnahkan atau menghapuskan demonstrasi. Mereka

membatalkan pelan pembahagian Palestin, membebaskan tawanan Pulau Sicily, menganjurkan persidangan meja bulat di London yang dihadiri oleh beberapa rombongan yang mewakili Palestin dan Yahudi serta sebilangan wakil dari negara-negara Arab. Persidangan yang diadakan pada bulan Febuari 1939 telah menemui kegagalan untuk mencapai objektif yang digariskan. Ini telah membuka jalan kepada Inggeris untuk mengisytiharkan penyelesaian mengikut pandangan mereka kepada golongan yang mengatakan bahawa mereka akan melaksanakannya tanpa mengambil kira keadaan kedua-dua belah pihak. Kerajaan Inggeris mengeluarkan “kertas putih pada bulan Mei 1939 yang telah menghasilkan suatu kemenangan politik buat Palestin. Pihak Inggeris mengakui bahawa bukan menjadi dasarnya untuk menjadikan Palestin sebuah negara Yahudi. Apa yang mereka mahu ialah pembentukan negara Palestin yang berasingan terbahagi kepada Arab dan Yahudi yang mempunyai kuasa. Kerajaan Inggeris mengisytiharkan usahanya untuk membentuk negara Palestin dalam tempoh 10 tahun. Penghijrahan Yahudi dalam tempoh 5 tahun ke depan ini tidak boleh melebihi 75 ribu orang. Selepas itu larangan ini dikuatkuasakan melainkan mendapat keizinan Arab. Ketetapan dikeluarkan supaya penjualan tanah dilarang di beberapa kawasan di Palestin sedangkan di kawasan-kawasan lain tidak begitu. Sebahagian besar pemimpin Palestin tidak menyetujui pelan Inggeris kerana timbulnya prasangka buruk berdasarkan janji dan niat Inggeris yang menyebutkan bahawa kemerdekaan Palestin adalah tertakluk kepada persetujuan dari Yahudi. Tambahan pula, rakyat Palestin berpendapat bahawa bukanlah suatu langkah yang bijak dengan bersetuju pada peringkat awal kepada pelan yang mengandungi beberapa pengguguran kepada tuntutan mereka selama ini. Faktor masa akan mendedahkan sejauhmana kesungguhan mereka. Pelan Inggeris ini juga ditentang keras oleh Yahudi.⁵⁴

Perkembangan Politik (1939-1947):

Di sekitar tempoh 1939-1945, peperangan Dunia ke-2 telah tercetus. Ketika itu rakyat Palestin berada dalam keadaan yang lemah dan berlaku perpecahan di kalangan pemimpin politik mereka akibat daripada demonstrasi sebelum ini. Ini telah memaksa Haji Amin melarikan diri ke Iraq pada bulan Oktober tahun 1939. Kemudian beliau melarikan diri ke Iran dan akhirnya sampai ke Jerman pada bulan November tahun 1941. Di Jerman Haji Amin mendapatkan bantuan Jerman dan sekutunya Itali untuk menentang Inggeris dan memerdekakan Palestin. Haji Amin telah berjaya memanfaatkan kewujudan beliau di sana dalam usaha untuk membentuk tentera Arab yang terlatih di bawah latihan Jerman yang meliputi pelbagai warganegara Arab. Realitinya ratusan pemuda Arab telah mendapat latihan ketenteraan yang kemudiannya mereka telah mengisytiharkan secara rasmi pembentukannya pada 2 November tahun 1943. Jerman telah menghulurkan bantuan termasuk senjata-senjata ringan dan simpanan senjata yang disembunyikan di Libya iaitu lebih kurang 30 ribu pucuk senjata yang akan digunakan pada masa hadapan.⁵⁵ Tetapi kemenangan Inggeris dan sekutu mereka dalam peperangan telah meletakkan Palestin dan pemimpin-pemimpin mereka dalam suasana yang lebih rumit. Perancis telah berjaya menangkap Haji Amin tetapi tidak lama kemudian beliau dapat melepaskan diri pada bulan Jun 1946 dan beliau sampai ke Mesir secara mengejut. Hal ini telah mengembirakan orang-orang Palestin sehingga mereka menghiaskan di sepanjang jalan raya di negara tersebut dengan pelbagai jenis perhiasan dan orang ramai berarak secara konvoi bagi menandakan kegembiraan mereka.⁵⁶ Hal ini menandakan sokongan dan sambutan orang ramai terhadap ketokohan beliau yang cukup hebat.

Ketika Haji Amin kembali memegang tampuk kepimpinan Lembaga Tertinggi Arab Palestin, pada 12 Jun 1946 beliau telah membentuk ketetapan Liga Negara-negara Arab yang menjadi sebuah pertubuhan rasmi mewakili rakyat Palestin. Beliau cuma menghadapi

beberapa masalah dengan dua buah kerajaan iaitu dan Iraq yang banyak melemahkan keupayaan beliau untuk melakukan aktiviti dan gerakan politik. Tambahan pula beliau tinggal di Mesir yang ketika itu masih lagi berada di bawah pengaruh kekuasaan Inggeris.

Dari aspek lain pula Yahudi mengeksploitasi semaksima mungkin sepanjang tempoh peperangan Dunia Kedua. Mereka berusaha membesarkan tragedi yang menimpa mereka di Jerman dan Eropah Timur sebagai daya penarik untuk meraih simpati dan sokongan bahawa tidak ada tempat yang selamat kecuali mewujudkan negara kebangsaan mereka di Palestin. Yahudi mengalih perhatian Kuasa-kuasa Besar yang sedang berkembang maju ketika itu khasnya Amerika Syarikat semenjak Persidangan 'Biltmore' pada tahun 1942. Mereka mendapat sokongan dari dua buah parti Republikan dan Demokratik sehingga berjaya membatalkan "Kertas Putih" Britain (Mei 1939). Sewaktu "Truman" berada di tampuk pemerintahan, simpati beliau terhadap Zonis tampak jelas. Beliau meminta Attlee, Perdana Menteri Inggeris pada 31 Ogos 1945 supaya memasukkan 100 ribu orang Yahudi ke Palestin. Mereka bersegera menyiapkan mereka sebagai tentera. Di dalam sebuah Kesatuan Yahudi, seramai 26 ribu orang Yahudi yang berada di Palestin terlibat sama dengan tentera Inggeris mencedok pengalaman dalam peperangan dunia. Majoriti mereka ialah di kalangan anggota pertubuhan "Haganah". Dengan pengalaman ketenteraan ini, mereka menjadi tunggak harapan negara Yahudi yang dinanti-nantikan.

Bilangan penghijrahan Yahudi ke Palestin di sekitar tahun 1939- 1945 adalah lebih kurang seramai 92 ribu orang. Dalam tempoh antara tahun 1946-1948, berlaku pertambahan seramai 62,000 orang Yahudi. Di sekitar tahun 1939-1947, mereka memperolehi seluas lebih kurang 270 km persegi tanah Palestin. Di sekitar tahun 1940-1948, mereka telah berjaya memperolehi seluas 73 tanah jajahan baru. Dalam suasana tekanan Yahudi- Amerika dan kelemahan Arab, Inggeris bertindak secara rasmi menarik balik resolusi "Kertas Putih" melalui

kenyataan yang dikeluarkan oleh Menteri Luarnya Ernest Bevin pada 14 November 1945. Kenyataan itu juga menyeru supaya diwujudkan pembentukan “Badan Inggeris-Amerika” untuk menyelidik isu Palestin dan mengemukakan cadangannya. Ini membawa kepada permulaan campur tangan Amerika secara langsung dalam isu ini. Pada tahun 1946, badan ini telah meluluskan penghijrahan seramai 100 ribu orang Yahudi dan pemindahan hak milik tanah serta penjualannya secara bebas kepada Yahudi.⁵⁷

Isu Palestin mula dibawa ke peringkat antarabangsa atas tuntutan Inggeris yang meminta Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 2 April 1947 supaya memasukkan isu tersebut ke dalam agendanya. Kemudian terbentuklah Badan Penyelidik Antarabangsa Palestin (UNSCOP) bagi mengkaji situasi di sana serta mengemukakan laporannya. Laporan tersebut mengakui ketidakadilan pembahagian bumi Palestin kepada dua buah negara yang berasingan iaitu Arab dan Yahudi serta polisi yang meletakkan Quds di bawah penyeliaan antarabangsa.⁵⁸

Dalam Persidangan di Sufar 6 September 1947 dan di Aliah pada 7-15 Oktober 1947, negara-negara Arab telah mengeluarkan ketetapan untuk menentang semua cadangan badan antarabangsa tersebut, menghulurkan bantuan berupa tentera dan senjata kepada rakyat Palestin di samping pembentukan pasukan tentera simpanan serta menyusun beberapa operasi ketenteraan.

Pada 29 November 1947, sidang pleno Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengeluarkan ketetapan 181 (yang malang) dengan membahagikan Palestin kepada dua negara iaitu Arab dan Yahudi. Ia memperolehi majoriti 2/3 dengan mendapat tekanan Amerika dan sokongan Rusia.

Perlu dinyatakan di sini bahawa ketetapan sidang PBB bukanlah ketetapan yang wajib diikuti walaupun ianya termasuk di dalam kandungan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu itu sendiri.

Ketetapan itu sendiri bercanggah dengan prinsip yang menjadi dasar kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu melaksanakan ketetapan hak-hak bangsa dari segi kebebasan dan penentuan nasib mereka sendiri. Rakyat Palestin yang terlibat dengan isu ini tidak langsung diminta pendapat dan keizinan. Di samping itu mereka mengalami kezaliman yang dahsyat sehingga terdapat laporan terperinci mengenai ketetapan itu yang menyerahkan lebih kurang 54% daripada tanah Palestin untuk minoriti Yahudi yang hanya 31.7% daripada jumlah penduduk, sedangkan rakyat Palestin sendiri tidak memiliki lebih daripada 6.5% daripada tanah tersebut.

Perkembangan Bilangan Penduduk Palestin

Semasa Penjajahan Inggeris

ARAB			YAHUDI		
Tahun	Bilangan	Nisbah	Tahun	Bilangan	Nisbah
1918	600 ribu	91.6%	1918	55 ribu	8.4%
1948	1 juta 390 ribu	68.3%	1948	646 ribu	31.7%

Perkembangan Nisbah Pemilikan Tanah Di Palestin

Semasa Penjajahan Inggeris

Tahun	Arab	Yahudi
1918	98%	2%
1948	93.5%	6.5%

Peperangan 1948 Dan Implikasinya:

Perang ini tercetus sejurus selepas ketetapan pembahagian negara dikeluarkan. Rakyat Palestin menanggung kesusahan dalam enam bulan pertama dengan bantuan bilangan yang terhad daripada para sukarelawan. Di samping itu, negara-negara Arab menolak penghantaran tenteranya sehingga Inggeris keluar pada 15 Mei 1948. Rakyat Palestin telah membentuk satu pasukan tentera “Al-Jihad Al- Muqaddas” yang diketuai oleh Abdul Qadir Al-Husaini. Begitu juga Liga Arab telah membentuk satu pasukan “Jaisy Al-Inqaz” yang terdiri daripada kalangan sukarelawan negara-negara Arab dan Islam. Sokongan dan bantuan Arab yang terlalu lemah terutamanya dari segi bantuan senjata kepada rakyat Palestin, membawa mereka mengalami penderitaan ke tahap yang paling dahsyat. Namun demikian, mereka mampu mencetuskan kebimbangan dan ketakutan terhadap orang-orang Yahudi dalam tempoh yang panjang. Perkembangan ini akhirnya telah sampai ke pihak Amerika yang memaksa mereka untuk berfikir secara serius supaya menarik balik idea pembahagian negara pada bulan Mac 1948. Kemasukan tentera-tentera Arab membolehkan rakyat Palestin mengawal dan mempertahankan lebih kurang 82% daripada tanah Palestin walaupun mereka kekurangan serba serbi dari semua aspek berbanding dengan orang-orang Yahudi serta kewujudan kerjasama di antara mereka dan Inggeris walaupun pada saat-saat pengunduran mereka dari bumi Palestin.

Biarpun melibatkan 7 pakatan tentera negara-negara Arab, perang ini masih gagal menumpaskan angkatan Yahudi kerana bilangan mereka sebenarnya tidak melebihi 24 ribu orang sementara bilangan Yahudi sekitar 70 ribu orang. Mereka menghadapi banyak masalah seperti kerjasama dan penyelarasan yang sangat lemah di kalangan pakatan, tidak arif dengan kawasan perang tersebut, kekurangan senjata moden, kurangnya latihan dan pengalaman di kalangan tentera-tentera Arab. Mereka juga menderita akibat kelemahan kepimpinan. Tambahan lagi salah satu pasukan pakatan mereka yang

mempunyai pimpinan tentera seramai 50 orang termasuk seramai 45 orang di kalangan mereka terdiri daripada orang-orang Inggeris. Selain dari itu, kemerdekaan baru saja dicapai oleh sebahagian negara-negara Arab. Mereka mempunyai pengalaman ketenteraan yang cetek dan sebahagian negara-negara mereka masih lagi berada dibawah pengaruh kekuasaan penjajahan Inggeris.⁵⁹

Walaupun semangat rakyat Palestin dan dunia Arab serta Islam begitu hebat ke arah perjuangan jihad, usaha yang bersungguh- sungguh dan pengorbanan, tetapi kelemahan pemimpin politik dan tentera merupakan faktor kejatuhan dan kekalahan besar. Sebagai contoh, pertubuhan Ikhwanul Muslimin di Mesir telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menyelamatkan Palestin. Al-Syahid Hasan Al-Banna pada bulan Oktober 1947 secara sukarela telah menyerahkan darah 10 ribu orang pengikutnya untuk berjihad di Palestin. Tetapi kerajaan Mesir menyempitkan ruang kepada mereka dan menghalang mereka daripada keluar berjihad ke Palestin kecuali dalam ruang yang begitu terbatas. Namun demikian, ratusan mujahidin telah terlibat dalam peperangan tersebut dan telah mempamerkan keberanian mereka. Akhirnya nasib yang diterima ialah mereka ditangkap dan disumbat ke dalam penjara sebelum mereka menjejakkan kaki di Mesir. Manakala pertubuhan Ikhwanul Muslimin dibubarkan sebelum peperangan tersebut berakhir pada bulan Disember tahun 1948 dan pihak perisik Kerajaan Mesir telah membunuh Hasan Al-Banna pada 11 Februari 1949 sebelum perjanjian gencatan senjata ditandatangani dengan rejim Zionis.

Peperangan ini juga memperlihatkan penglibatan Ikhwanul Muslimin, Syria dan Iraq yang telah menggambarkan kehebatan mereka dalam mempertahankan hak rakyat demi pengorbanan dan jihad. Ini tidak sedikitpun mengurangkan nilai kepahlawanan dan keberanian yang telah ditunjukkan oleh orang lain seperti tokoh-tokoh dalam pasukan “Jihad Al-Muqaddas”. Di samping itu, peperangan ini juga disertai bersama oleh kebanyakan orang Arab dalam pasukan

tentera penyelamat dan penglibatan seramai 250 orang Bosnia semata-mata untuk mempertahankan bumi Palestin. Di antara tragedi yang menyedihkan rakyat Palestin ialah senjata-senjata sukarelawan telah dirampas oleh tentera pakatan Arab yang sepatutnya berhak dimiliki oleh mereka. Pernah terjadi suatu senario yang sangat menyayat hati di mana apabila senjata-senjata lama digunakan oleh para sukarelawan, tiba-tiba ia meletup sehingga mencederakan tubuh badan mereka sendiri.

Yahudi mengisytiharkan negara “Israel” pada petang 14 Mei 1948. Mereka mengisytiharkannya apabila berakhirnya peperangan dengan kekalahan pakatan tentera negara Arab hingga berjaya menduduki 78% dari bumi Palestin. Manakala rakyat Palestin pula mengisytiharkan pembentukan kerajaan umum Palestin di Persidangan Gaza pada bulan Oktober 1948. Namun demikian, para penguasa negara Arab yang memiliki tentera di bumi Palestin tidak mengizinkan perjalanan pentadbirannya. Bahkan memaksa Haji Amin Al-Husaini untuk keluar dari Gaza di bawah ancaman angkatan bersenjata Mesir.

Kesan langsung daripada peperangan tahun 1948, ialah kekejaman pasukan tentera Yahudi-Zionis yang telah bertindak mengusir lebih kurang 60% rakyat Palestin dari bumi mereka (mereka diusir dengan menggunakan kekerasan lebih kurang 800 ribu daripada 1,390,00 orang) ke luar negara yang mana Yahudi telah menyediakan penempatan mereka di situ. Lebih kurang 30 ribu orang yang lain diusir ke kawasan-kawasan lain dalam negara Palestin yang mereka duduki secara haram itu. Daripada jumlah 580 buah kampung yang wujud sebelum perang, rejim Zionis telah menghancurkan 478 buah kampung. Mereka telah melakukan sebanyak 34 jenayah pembunuhan ketika berlakunya peperangan tahun 1948 terhadap penduduk awam Palestin. Antara yang paling terkenal ialah tragedi Dir Yasin pada 9 April 1948 yang melibatkan pembunuhan seramai 254 orang termasuk lelaki, perempuan dan kanak-kanak.⁶⁰

Peperangan 1948 telah merosakkan struktur sosial dan ekonomi rakyat Palestin. Mereka diusir ke tempat terbuka selepas menetap di negara mereka selama 4,500 tahun yang lampau. Umat Islam Palestin ini dibunuh dan dihancurkan disebabkan membayar harga kebodohan orang-orang Eropah terhadap Yahudi. Pengusiran mereka adalah merupakan sebagai perlaksanaan kepada kehendak kuasa-kuasa besar yang bersimpati dengan Yahudi. Zionis-Yahudi membina rejim mereka di atas lautan darah, penderitaan dan keperitan rakyat Palestin. Mereka sekali-kali tidak merasa berdosa atau menyesal di atas perbuatan mereka. Sepatutnya mereka lebih terasa terhadap penderitaan orang lain kerana mereka pernah mengalami saat dizalimi. Mereka belum terubat luka selepas peristiwa Jerman melakukan pembunuhan beramai-ramai terhadap mereka dan juga peristiwa anti-semitisme di Russia. Moshe Dayan yang dilantik sebagai Jeneral tentera Israel, Menteri Pertahanan dan Menteri Luar Negeri juga merupakan seorang pakar arkeologi mengiktiraf bahawa: “Kampung Yahudi yang terbina dalam negara ini sempurna pembinaannya di atas tempat binaan kampung Arab-Palestin.”⁶¹ Ia adalah merupakan jenayah yang terancang melalui perencanaan dan pengiktirafan sebelumnya. Rejim Zionis tidak mendapat sokongan ketika mana Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengambil lebih daripada 110 ketetapan hingga sekarang supaya mengembalikan hak rakyat Palestin yang diusir dari bumi mereka. Semenjak tahun 1948- 2000, bilangan mereka adalah lebih kurang 5 juta orang. Di samping itu lebih satu juta yang lain daripada penduduk di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza dilarang kembali ke bumi tersebut.

BAB 3

ISU PALESTIN (1949-1967)

Perasaan pahit dan rendah diri adalah merupakan perasaan yang menyelubungi rakyat Palestin bahkan umat Arab dan Islam hasil perang 1948. Rakyat Palestin kelihatan berpecah-belah setelah diusir keluar dari bumi mereka buat pertama kali. Di bawah pemerintahan yang mempunyai aliran yang berbagai-bagai dan perbezaan tahap kebebasan serta hak-hak awam, mereka berupaya mengatur diri sendiri dalam institusi-institusi politik dan perjuangan jihad dalam usaha untuk membebaskan tanah mereka. Rakyat Palestin dikenali dengan semangat tinggi serta mampu berinteraksi secara positif dengan situasi yang sukar. Sebagai contoh, setelah berlalunya beberapa tahun rakyat Palestin adalah merupakan bangsa Arab yang banyak belajar jika dibandingkan dengan seluruh bangsa Arab yang lain kerana proses pembelajaran merupakan salah satu cara persediaan untuk menghadapi masa hadapan dan menyahut cabaran-cabarannya.

Negara Arab Dan Palestin:

Di antara tahun 1949-1967 kegiatan penjajahan telah berkurangan hampir di seluruh dunia Arab-Islam. Walaupun tiada lagi penjajahan secara fizikal, pengaruh penjajah masih dapat dikesan dari aspek budaya dan pemikiran terutamanya ideologi dan sistem politik. Kebanyakan negara-negara Arab-Islam yang baru merdeka cenderung ke arah mengikut sistem politik Barat dalam pemerintahan mereka sama ada bercorak liberalisme, sosialisme atau konservatif. Konsep kesatuan Ummah jelas tercalar dengan adanya konsep sekular Barat yang baru iaitu konsep nasionalisme / kebangsaan. Semangat nasionalisme pada peringkat ini begitu berpengaruh terutamanya di bawah pimpinan Jamal Abdul Nasser di Mesir. Di peringkat ini, rakyat Mesir amat bergantung harap kepada perjuangan pimpinan Nasser untuk membebaskan bumi Palestin. Namun, konsep ini

terbukti gagal dengan kegagalan kesatuan Mesir-Syria dan terutamanya kekalahan teruk mereka dalam perang 1967 dengan terlepasnya Semenanjung Sinai dan Bukit Golan kepada Yahudi. Kegagalan pakatan Arab dengan negara Arab membuka ruang pemikiran baru di kalangan rakyat Palestin agar tidak lagi terlalu berharap kepada bantuan luar tetapi perlu berusaha sendiri.

Kebanyakan negara Arab ketika itu cuba menghalang dan membatasi perjuangan rakyat Palestin demi untuk menyelamatkan dan mengukuhkan rejim mereka. Dalam menghadapi perjuangan rakyat Palestin dan konflik dengan Yahudi, negara-negara Arab biasanya menggubal dua jenis dasar untuk menjamin keselamatan dan kedudukan pemerintahan mereka:

Pertama: Untuk menjamin survival rejim mereka dari sebarang serangan balas Zionis mereka tidak membenarkan operasi-operasi ketenteraan dan gerila di sempadan / dalam negara mereka. Dasar ini berkekalan hingga hampir di seluruh negara-negara Arab yang berjiran dengan Israel hingga hari ini.

Kedua: Membenarkan operasi-operasi ketenteraan di sempadan / dalam negara mereka sebagai cara untuk meraih keuntungan politik dan untuk mengelakkan pergolakan politiknya dalaman. Dalam beberapa kes, terdapat juga negara Arab yang semenjak 50 tahun lalu telah menutup negara atau sempadan negara mereka dari operasi-operasi ketenteraan menentang rejim Zionis. Pengecualian ini dapat dilihat terutamanya dari kes Selatan Lubnan yang menutup sempadan mereka secara total dari perjuangan Palestin iaitu di antara 1967- 1982. Tindakan ini adalah kerana kelemahan puak pemerintah Lubnan dalam menghadapi pergolakan besar ini.

Aktiviti Kebangsaan Palestin:

Dalam perjuangan di era yang terbatas ini, aktiviti-aktiviti perjuangan rakyat Palestin mempunyai beberapa ciri utama seperti berikut:

1. Menyesuaikan diri dengan realiti baru agar lebih berdikari dan fokus lebih diberi kepada aspek pendidikan generasi muda Palestin.
2. Penggabungan diri dengan pertubuhan-pertubuhan politik yang beraliran Nasional (Nasirism, Ba'ath...) komunis, berhaluan kiri (Parti Kominis, Nasionalis Arab...) dan aliran Islam (separuh pertama dari peringkat: Ikhwan Muslimin, Parti Tahrir...)
3. Berusaha ke arah membentuk identiti kebangsaan rakyat Palestin walaupun maklum bahawa ianya adalah satu tugas yang sukar. Di peringkat permulaan berada di bawah bayangan aliran nasionalis kiri (munculnya gerakan Fatah dan PLO)
4. Penghijrahan rakyat Palestin secara beramai-ramai untuk mencari rezeki di sebelah Tebing Timur sungai dan ke negara- negara Teluk khasnya Saudi Arabia dan Kuwait.
5. Perpecahan rakyat secara beransur-ansur daripada pengaruh Haji Amin Al-Husaini.

Kerajaan telah berjaya menyempurnakan penguasaannya dari sudut perlembagaan ke atas Tebing Barat iaitu sebahagian kawasan Palestin yang masih tinggal (5878 km persegi iaitu 21.77% daripada keluasan Palestin), selepas menganjurkan Persidangan Jericho dengan penuh semangat pada bulan Disember 1949 yang dihadiri oleh para pemimpin terkemuka Palestin yang menyokong. Mereka memberi taat setia terhadap Raja Abdullah bin Hussein sebagai raja kepada Palestin dan mengisytiharkan kesatuan di antara dua Tebing Timur dan Barat pada bulan April 1950.

Dalam masa yang sama kerajaan Mesir meletakkan kuasanya di Semenanjung Gaza (363 km persegi iaitu 1.34% dari keluasan Palestin) dan bertindak mentadbirnya. Pada masa yang sama Haji Amin dan rakan-rakannya dalam Lembaga Tertinggi Arab dan Kerajaan Umum Palestin dilarang menetap atau melakukan aktiviti politik di Tebing Barat atau Semenanjung Gaza. Haji Amin merasakan dirinya berseorangan seperti seorang banduan di sisi Mesir. Akhirnya beliau terpaksa berhijrah ke Lubnan pada tahun 1958 dan badan yang pernah dipimpinnnya hanya berfungsi sebagai badan perayaan tanpa sebarang pengaruh dan kuasa.

Peranan Ketua Kerajaan umum Palestin telah berubah kepada jawatan wakil Palestin di kalangan Liga-Liga Arab pada tahun 1952. Ketokohan Haji Amin sering dipertikaikan. Ada yang menganggap beliau sebagai pemimpin nasional utama Palestin dan ada mengkritik beliau sebagai bertanggungjawab ke atas kehilangan Palestin. Biar apapun tanggapan yang diberi beliau tetap dikenali sebagai bapa kebangsaan yang berhati waja dan ikhlas dalam perjuangannya lebih daripada 30 tahun.

Ikhwanul Muslimin berjaya memenangi hati rakyat di tengah-tengah lapisan rakyat Palestin di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza di sekitar tahun 1949-1954 terutamanya selepas pengorbanan mereka dalam perang 1948 dan dengan program-program keislaman dan kebangsaan yang mereka anjurkan. Mereka menikmati kebebasan relatif di Mesir hingga tahun 1954 dan juga dalam situasi yang beku di. Begitu juga parti “al-Tahrir al-Islami” yang tidak boleh dipertikaikan peranannya terutamanya di sepanjang pertengahan 50-an. Mereka hanya menumpukan kepada aktiviti politik ke arah penegakan khilafah Islamiah. Parti-parti kominis juga menjadi cabaran kepada aliran Islam khasnya dari segi sokongan di kalangan para pelajar dan pekerja. Mereka mengumandangkan slogan-slogan yang berpengaruh di samping menyentuh keperitan rakyat serta melemparkan tuduhan bahawa wujudnya perbuatan belot dalam

pemerintahan. Tetapi aliran ini dan beberapa aliran nasionalis serta berhaluan kira yang lain tidak mampu mengatasi dan bersaing dengan aliran Islam sehinggalah terjadinya taragedi ke atas Ikhwanul Muslimin.

Pertubuhan Ikhwan al-Muslimin ini telah dihentam habis-habisan oleh Abdul Nasir, mengekori mereka dan menggunakan kekuatan media massa dalam usaha mengelirukan gambaran-gambaran positif yang telah diketahui masyarakat mengenai mereka. Ini menyebabkan arahan umum telah dikeluarkan oleh Ikhwanul Muslimin dan aliran Islam yang lain agar anggota serta penyokongnya memelihara diri dan mengundur diri buat sementara waktu bagi menunggu situasi yang lebih baik. Salah satu contoh kekuatan aliran Islam ialah persatuan “Ikatan Pelajar Palestin” di Mesir yang mana aliran itu telah menjadi penyokongnya hingga tahun 1957. Ketua mereka ketika itu ialah Yasir Arafat, seorang penuntut yang mempunyai hubungan rapat dengan Ikhwan.

Perjuangan Palestin di peringkat ini mengambil cara pendekatan yang mudah dan keberkesannya agak terbatas. Dalam separuh period pertama tahun 50-an, mereka banyak melancarkan beberapa operasi menembusi sempadan untuk mengembalikan hak milik keluarga-keluarga yang diusir keluar di samping serangan balas terhadap musuh. Di Semenanjung Gaza, Ikhwan telah membentuk organisasi secara rahsia berbentuk ala ketenteraan. Mereka telah berjaya melancarkan beberapa operasi dengan kerjasama golongan badwi dan pengembara. Mereka memanfaatkan kewujudan anggota Ikhwan iaitu “Abdul Munim Abdul Rauf” yang berpangkat komander dalam pasukan tentera Mesir di Semenanjung Gaza. Selepas kejayaan revolusi Mesir, beliau telah mempermudah jalan untuk mereka bagi mendapat latihan ketenteraan. Operasi “bas” (berdekatan dengan Maale Akrabin) yang dilancarkan pada 17 Mac 1954 adalah merupakan salah satu operasi yang terkenal yang memperlihatkan

kejayaan Ikhwan yang dilaporkan mendapat kerjasama golongan badwi sehingga terbunuhnya 11 orang Israel.⁶²

Rentetan daripada operasi penentangan itu, pihak Zionis telah bertindak secara kekerasan dan penuh bongkak di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza. Sebagai contoh, mereka telah melakukan pembunuhan “Qibyah” pada 14-15 Oktober 1953. Seramai 67 orang telah terkorban sebagai syahid.⁶³ Pada bulan Februari 1955 pula, 63 pasukan tentera Zionis melakukan pembunuhan “Gaza” yang mengorbankan seramai 39 orang serta mencederakan 33 orang. Situasi ini mendorong penduduk Semenanjung Gaza mencetuskan intifadhah dan menuntut agar dilancarkan peperangan. Para pemimpin Mesir telah menyetujui usaha perjuangan rakyat Palestin ini. Tugas ini telah diserahkan kepada pemimpin tentera Mesir, Mustafa Hafiz yang telah mejalankannya dengan cemerlang. Banyak operasi-operasi harian secara kilat telah dilancarkan di samping beberapa operasi besar sekitar tahun 1955-1956.⁶⁴

Pada 29 Oktober 1956, bermula permusuhan tiga serangkai (Israel-Inggeris-Perancis) ke atas Mesir. Zionis berkeinginan untuk menghancurkan segala bentuk usaha kepada pembelaan rakyat Palestin di Semenanjung Gaza. Pakatan mereka juga adalah bertujuan untuk membuka laluan perkapalan bagi kapal-kapal mereka di Laut Merah sama ada membuka Terusan Suez dari sekatan yang dibuat oleh Nasser, di samping niat mereka untuk meluaskan kawasan takluk mereka. Inilah faktor yang paling menonjol yang mendorong kepada berlakunya serangan ini. Niat mereka sejajar dengan niat penjajah Inggeris yang berkeinginan untuk berkuasa ke atas Terusan Suez. Ini juga selaras dengan keinginan Perancis dalam usahanya bagi mengarahkan serangan terhadap Mesir disebabkan mereka menyokong Revolusi Algeria.

Fenomena ini membuka peluang bagi Zionis untuk menduduki Semenanjung Gaza dan Sinai. Inggeris dan Perancis sama-sama

terlibat dalam serangan ke atas lapangan-lapangan terbang Mesir serta pelabuhan-pelabuhannya. Zionis melancarkan penjajahan dengan begitu tangkas dan ini telah banyak mendedahkan kelemahan tentera Mesir dan kecuiaan pimpinan politik mereka. Namun demikian media massa Mesir terus menggembar-gemburkan perihal kehebatan kepimpinan Mesir dan berita pengunduran tentera bersekutu pada 6 Mac 1957 akibat tekanan Amerika. Maka keadaan ini sekali lagi memperlihatkan kewibawaan Abdul Nasser sebagai pemimpin yang unggul.

Kemunculan Gerakan “Fatah”:

Dalam tempoh ini, rejim Zionis telah mengenakan tekanan dan buruan ke atas pendokong aliran Islam khususnya di Mesir dan Semenanjung Gaza. Ini telah membakar semangat para pemuda Ikhwan Muslimin Palestin agar berusaha lebih untuk membebaskan Palestin. Sekalipun pandangan umum yang berlegar di kalangan mereka mengajak kepada penangguhan seketika serta menekankan sudut tarbiyah dan keagamaan, namun terdapat aliran lain yang hala tujuhnya masih ke arah kaedah perjuangan bersenjata yang tersusun dan memiliki perancangan. Akan tetapi ianya tidak mengambil kira penampilan Islam secara terbuka. Perjuangan mereka hanya berasaskan ruang lingkup kebangsaan yang membolehkan mereka melatih kelompok pemuda dengan lebih luas di samping tidak menjadikan mereka terdedah kepada permusuhan atau pun menjadi buruan.

Pengalaman yang berlaku kepada Revolusi Algeria dalam tempoh ini merupakan salah satu lompatan yang penting kepada kerja ini. Ini merupakan benih pertama membawa tertubuhnya gerakan “Fatah” (Gerakan Pembebasan Kebangsaan Palesin) pada tahun 1957 di Kuwait. Gerakan ini bertindak mengeluarkan dasar asas dari pendidikan Ikhwan Muslimin terutamanya dari penduduk Semenanjung Gaza. Khalil Al-Wazir (Abu Jihad) yang kemudiannya

merupakan tokoh kedua dalam gerakan “Fatah” sepanjang 30 tahun telah mengemukakan cadangan demikian kepada pemimpin Ikhwan di Semenanjung Gaza tetapi tiada sebarang respon yang diteriam. Perkara ini tidaklah menghalang beberapa tokoh Ikhwan yang mempunyai kedudukan yang dihormati menggabungkan diri dalam “Fatah” seperti Said Al-Muzayyan, Ghalib Al-Wazir, Salim Az- Za'nun, Soleh Khalaf, As'ad As-Softowi, Muhammad Yusof An- Najjar, Kamal Adwan, Rapiq An-Natasyah, Abdul Fattah Hamud dan Yusuf Umairah. Kesemua mereka ini dilantik menjawat jawatan kepimpinan tertinggi di dalam “Fatah”. Di samping itu “Fatah” sentiasa memberi penekanan dan fokus kepada melatih beberapa anggota-anggota Ikhwan hingga tahun 1963.. Ia membuka dan menerima keanggotaan yang lebih luas meliputi pelbagai aliran dan seluruh lapisan masyarakat lain khususnya selepas pemimpin Ikhwan mengeluarkan arahan supaya berpisah menganggotai “Fatah” atau Ikhwan.⁶⁵

Gerakan “Fatah” mengambil corak nasionalis-sekular yang menampilkan identiti secara umum hinggalah ke hari ini. Mereka juga menubuhkan sayap tenteranya “Al-'Asifah” yang telah melancarkan operasi ketenteraannya yang pertama pada awal 1965 M. Sebanyak 200 operasi ketenteraan telah dilakukan hingga tercetusnya perang Jun 1967.⁶⁶

Bagi Gerakan Kebangsaan Arab, kebanyakan anggota-anggota yang mengasaskannya adalah terdiri daripada bekas pelajar-pelajar Palestin yang menuntut di Universiti Amerika di Beirut pada pertengahan 50-an, kurun ke-20. Dan di antara mereka yang tampak ketokohnya ialah George Habash. Mereka menyokong slogan kesatuan Arab, pembebasan Palestin dan menyokong dasar-dasar yang dilakukan oleh Nasser serta membentuk Badan Palestin pada 1958. Selepas kegagalan dalam percubaan membentuk Kesatuan Mesir- Syria, mereka mulai menukar corak perjuangan mereka kepada menerima idea sosialis dan menjalankan aktiviti untuk mencari

sokongan rakyat. Pada bulan Mei 1964, mereka membentuk “Al- Jabhah Al-Qaumiah Li Tahrir Filastin” dan menubuhkan sayap ketenteraannya “Syabab Al-Tha'r” yang melakukan perjuangan rakyat semenjak bulan November 1964. Pada tahun 1966, Gerakan Karl Marks dijadikan sebagai landasan perjuangan mereka⁶⁷ dan seterusnya pada bulan Disember 1967, mereka mengasaskan pula “Al- Jabhah Al-Sya'biah li Tahrir Palestin” serta mengadakan pakatan dengan gerakan lain.

Kewujudan “Pertubuhan Pembebasan Palestin” (PLO):

Dari aspek lain, institusi-institusi Arab merasai gelombang kebangkitan dalam medan Palestin yang terdapat pelbagai aktiviti kerahsiaan, gerakan-gerakan dan pertubuhan-pertubuhan yang diwujudkan. Presiden Abdul Nasser berkeinginan supaya tampuk kepimpinan tidak terlepas dari tangannya terutama dalam situasi pergeseran yang berlaku di antara gerakan-gerakan Arab. Ini telah menyebabkan timbulnya suatu haluan serta kecenderungan dan keinginan untuk menyatukan bangsa Arab-Palestin dalam sebuah institusi rasmi yang muktamad. Dan ini akan memudahkan dan menyenangkan mereka untuk membuat kawalan dan pengawasan.

Pada tahun 1959, Majlis Liga-Liga Arab telah mengambil ketetapan menyeru kepada penyusunan semula pertubuhan rakyat Palestin, mewujudkan satu institusi yang telah disatukan melalui perantaraan wakil-wakil yang telah dipilih oleh rakyat. Tetapi bayangan ini masih lagi mendedahkan mereka kepada penangguhan dan melambat-lambatkannya hingga kematian Ahmad Hilmi Abdul Baqi sebagai wakil (kerajaan umum) Palestin di Liga-Liga Arab pada tahun 1963. Dengan sokongan Abdul Nasir, Ahmad As-Shuqairi telah dipilih sebagai wakil Palestin menggantikan tempat Abdul Baqi. Beliau telah diamanahkan untuk mengkaji isu Palestin, kaedah menggerakkan dan mengaktifkannya. Sewaktu persidangan kemuncak Arab pertama diadakan di Kaherah pada 13 Januari 1964, ketetapan

dikeluarkan supaya al-Shuqairi menghubungi negara-negara anggota dan rakyat Palestin agar “sasaran sampai kepada kaedah yang selamat untuk menyusun rakyat Palestin dan boleh memainkan peranan membebaskan negara dan menentukan nasib mereka”. Beliau belum lagi mengemukakan laporan kepada pihak Liga-Liga Arab tentang kaedah-kaedah yang dicadangkan untuk diterima. Ini akan mendedahkan kepada tambahan kajian dan penanggulangan, lalu beliau pun menetapkan situasi negara Arab di hadapan realiti. Beliau bertindak dengan sokongan Mesir untuk menubuhkan “Pertubuhan Pembebasan Palestin” (PLO).

Majlis Kebangsaan Palestin yang pertama telah diadakan di Quds pada 28 Mei 1964 yang dihadiri oleh 422 orang wakil Palestin, di bawah nasihat Raja Husain, Raja. Beliau mengisytiharkan kelahiran pertubuhan ini secara rasmi dan diteguhkan dengan Piagam Kebangsaan Palestin yang memberikan penegasan terhadap perjuangan bersenjata untuk membebaskan seluruh Palestin, tidak bertolak ansur dalam pengguguran mana-mana bahagian tanahnya serta memilih Ahmad al-Shuqairi sebagai pemimpin pertubuhan ini. PLO juga menetapkan pembentukan tentera pembebasan Palestin. Mereka juga menjalankan beberapa usaha melalui kelengkapan senjata, daya juang dan media massa. Secara umumnya rakyat Palestin mengalu-alukan penubuhan PLO ini yang dianggap mewakili institusi Palestin dan identiti kebangsaannya yang telah lenyap sebelum ini. Walaupun wujud gerakan lain seperti “Fatah” tetapi masih timbul keraguan mengenai latar belakang penubuhannya dan kemampuan untuk melaksanakan kewajipan-kewajibannya.⁶⁸

Perang Jun 1967 dan Implikasinya:

Pada 5 Jun 1967, tercetusnya perang Arab-Israel. Selepas bermulanya situasi genting yang silih berganti, Mesir telah bertindak dengan menutup Selat Tiran di Laut Merah dan mengerahkan pihak pengawasan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang

membuat kawalan di sempadan supaya meninggalkan negara itu. Negara Arab mengisytiharkan persiapan mereka untuk berperang bagi menentukan nasib Palestin di samping membebaskan negara mereka. Tetapi pada pagi 5 Jun, Israel terlebih dahulu bertindak dengan mengebom kapal terbang di lapangan terbang Mesir, dan Syria. Selama 6 hari peperangan ini berlangsung dan berakhir dengan kecelakaan baru yang menimpa Arab. Zionis telah menduduki baki daripada Palestin (tebing barat seluas 5878 km persegi dan Semenanjung Gaza seluas 363 km persegi), padang pasir Sinai di Mesir seluas 61198 km persegi dan Bukit Golan di Syria seluas 1150 km persegi. Tentera Yahudi memasuki Baitul Maqdis dan Masjid al- Aqsa sambil mendendangkan nyanyian “letakkan buah aprikot dalam epal, agama Muhammad telah lari dan pergi” dan “Muhammad telah mati meninggalkan anak-anak perempuan” serta menjerit-jerit “Wahai penuntut bela Khaibar”. Rakyat dunia Arab dan Islam telah berada dalam keperitan dengan bencana yang menimpa mereka yang tidak diketahui kesudahannya. Mereka telah menyedari segala pemalsuan, penipuan dan khayalan yang telah dilakukan terhadap mereka oleh institusi-institusi Arab sepanjang 19 tahun yang lampau. Pasukan tentera udara Mesir, Syria dan telah dimusnahkan sama sekali serta landasan lapangan terbang mereka. Begitu juga 80% daripada kelengkapan tentera Mesir juga telah dimusnahkan. Seramai 10 ribu pejuang Mesir, 6094 pejuang dan 1000 pejuang Syria telah terbunuh di samping ada juga yang mengalami kecederaan.

Hasil daripada peperangan ini, seramai 330 ribu rakyat Palestin telah diusir keluar, bintang Jamal Abdul Nasser telah menjadi malap. Kepercayaan kepada gerakan-gerakan Arab telah menjadi semakin lemah dan rakyat Palestin mula berusaha mengambil alih tampuk kepimpinan dan semakin bertambah berkembangnya gerakan kebangsaan Palestin. Selain dari itu, di antara akibat yang paling malang ialah gerakan-gerakan Arab dan PLO selepas itu bersedia memberi tumpuan kepada menyerahkan tanah mereka untuk diduduki

pada tahun 1967 (Tebing Barat dan Semenanjung Gaza) yaitu lebih kurang 23% daripada tanah Palestin. Di samping itu mereka juga bersedia secara tidak langsung untuk menggugurkan tuntutan tanah yang diduduki pada tahun 1948 di mana ianya merupakan tujuan asas kepada terbentuknya pertubuhan-pertubuhan serta berlakunya peperangan yang membebaskannya. sebelum ini bermatlamatkan untuk

BAB 4

ISU PALESTIN (1967-1987)

Kemunculan Identiti Rakyat Palestin:

Organisasi-organisasi Arab terpaksa menjadi korban kemarahan rakyat Palestin lantaran kelemahan mereka yang mengakibatkan tragedi 1948. Antara inisiatif baru yang diwujudkan oleh pimpinan Arab ini ialah dengan membuka laluan dan membenarkan perjuangan komando yang seterusnya begitu berpengaruh terutamanya di dan Lubnan.

Gerakan pembelaan rakyat Palestin di bawah pimpinan (Fatah) mampu menyerap masuk hingga sampai ke peringkat kepimpinan PLO yang kemudiannya diketuai oleh Yasser Arafat iaitu sejak bulan Februari 1969. Laluan perjuangan bersenjata rakyat Palestin dan perang saraf jelas kelihatan dan mampu memperolehi dokongan sebilangan besar tokoh kebangsaan Palestin. PLO juga memperolehi pengiktirafan daripada negara-negara Arab sebagai satu-satunya wakil rasmi bagi rakyat Palestin dalam persidangan pemimpin-pemimpin Arab pada bulan Oktober 1974. Pada bulan berikutnya mereka mendapat kemenangan politik ketika mana Yasser Arafat dipelawa untuk menyampaikan ucapannya di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York dan PLO telah diterima sebagai anggota pengawas. PBB tidak menganggap hubungan dengan isu Palestin sebagai isu pelarian semata-mata sebagaimana yang berlaku sepanjang 20 tahun yang lalu. Semenjak 10 Disember 1969 kewujudan rakyat Palestin diiktiraf dan telah dikeluarkan beberapa ketetapan pada tahun 70-an yang menyokong hak rakyat Palestin dalam menentukan nasibnya bahkan mengambil seluruh cara yang dibenarkan untuk mendapatkan haknya termasuklah perjuangan bersenjata.

Semenjak tahun 1974, isu Palestin muncul sebagai artikel yang berasingan dalam agenda kerja PBB buat pertama kali semenjak tahun 40-an. Di antara ketetapan yang paling penting yang dikeluarkan ialah ketetapan 3236 yang dikeluarkan pada 22 November 1975. Ianya mendokong hak rakyat Palestin dan menentukan nasib mereka tanpa campur tangan luar, hak mereka mendapat kemerdekaan, hak memerintah negara, hak mereka kembali ke negara mereka dan hak mereka dalam mengembalikan hak-hak dengan segala cara mengikut matlamat piagam PBB dan prinsip-prinsipnya. Ketika ini, Zionis merasakan diri mereka terkepong dalam kancah politik terutamanya apabila PBB mengambil ketetapan pada tahun 1975 dan menganggap Zionis adalah merupakan satu bentuk gerakan 'apartheid. Walaupun pada dasarnya isu Palestin telah mendapat pengiktirafan antarabangsa, pada hakikatnya, Amerika Syarikat sentiasa bersedia untuk memihak kepada rejim Zionis dan membatalkan mana-mana ketetapan antarabangsa melalui penggunaan hak kuasa vetonya.⁶⁹

Demikianlah perjuangan bersenjata telah memaksa rakyat antarabangsa mengambil kira suara rakyat Palestin dan mewajibkan mereka untuk menghormatinya. Akan tetapi serangan yang bertubi-tubi terhadap perjuangan Palestin di samping kelemahan dan perpecahan Arab dan Islam telah mengurangkan kemampuan mereka untuk memanfaatkan secara serius daripada sokongan antarabangsa.

Apabila sampai ke peringkat ini, usaha-usaha yang dilakukan oleh Palestin melalui saluran politik telah berjaya naik ke peringkat negara Arab dan antarabangsa. Perjuangan bersenjata rakyat Palestin dan sokongan Arab yang aktif telah menyaksikan mereka mendapat sokongan dan dokongan di peringkat awal. Kemudian mereka mulai kendur dan berputus asa ke tahap yang paling rendah pada separuh kedua daripada peringkat ini yang mana memberi kesan negatif kepada usaha-usaha politik itu sendiri.

Perjuangan Bersenjata Rakyat Palestin:

Tempoh di antara tahun 1967-1970 ialah satu jangka masa keemasan bagi perjuangan membela rakyat Palestin kerana (360 km: persegi) dan Lubnan (79 km persegi) dan Tanah Palestin yang diijajah terbuka kepada operasi komando. Peperangan “Al-Karamah” pada 21 Mac 1968 telah menyebabkan Zionis mengalami kerugian yang teruk sementara perjuangan Palestin telah berjaya memperolehi kemenangan moral dan material. Ini mendorong puluhan ribu daripada mereka melibatkan diri dalam perjuangan sukarela. Perjuangan ini telah berkembang daripada 12 operasi kepada 52 operasi yang dilancarkan dalam sebulan pada tahun 1968. Kemudian ianya bertambah daripada 199 operasi dalam masa sebulan pada tahun 1969 kepada 279 operasi dalam tahun berikutnya 1970 di sepanjang bulan-bulan yang pertama.⁷⁰

Tetapi pergeseran dan pertembungan yang sengit telah berlaku di antara tentera dan pejuang Palestin pada bulan September 1970 dan bulan Julai 1971. Ini telah membawa kepada penyingkiran segala usaha dalam perjuangan Palestin daripada dan melarang mereka melaksanakannya. Namun demikian, mereka masih mampu mengukuhkan kedudukan pengaruhnya di Lubnan walaupun mereka terpaksa terlibat dalam pergeseran yang keras dengan tentera Lubnan untuk merealisasikannya. Perjanjian Kaherah pada bulan November 1969 telah menarik kembali hak perjuangan bersenjata melalui Lubnan. Tidak lama kemudian mereka mendapati diri mereka terlibat sama dalam kancas perang saudara Lubnan yang mana pakatan kumpulan “Al-Maruni” telah mencetuskan api peperangan pada bulan April 1975 serta menjadikan alasan kewujudan orang-orang Palestin sebagai asas. Perang saudara di antara pejuang Palestin-Lubnan dan dengan negara-negara Arab lain telah melemahkan perjuangan rakyat Palestin. Keadaan ini menyebabkan tumpuan perjuangan kepada menentang Zionis turut berkurangan. Fenomena ini berterusan hingga berakhirnya peringkat ini yang sedang kita bincangkan. Penderitaan-

penderitaan ini membawa kepada tercetusnya banyak peperangan dengan pihak sekutu-sekutu mereka yang lepas seperti gerakan “Amal” Syiah yang bertindak mengepung secara ganas perkhemahan- perkhemahan Palestin lebih daripada dua tahun (1985-1987). Tambahan pula, pihak kerajaan Mesir dan Syria bertindak menutup sempadan-sempadan mereka dari perjuangan rakyat Palestin. Ini menjadikan perjuangan membela rakyat Palestin daripada luar negara dikatakan hampir mustahil.

Dari aspek lain, rejim Zionis membalas dendam dengan melancarkan serangan ke atas kawasan-kawasan yang terdapat pejuang dan penyokong rakyat Palestin sama ada di atau Lubnan. Mereka juga bertindak ke atas orang-orang awam yang tidak berdosa, memusnahkan binaan-binaan bawah tanah termasuklah kilang-kilang, jambatan-jambatan, stesen janakuasa elektrik, sumber-sumber hasil pertanian dan sebagainya. Di Lubnan, rejim Zionis telah melancarkan beberapa siri serangan ke atas kawasan “Al-Arquib”(1970-1972). Mereka juga telah membunuh 3 orang pemimpin PLO pada 10 April 1973. Mereka melancarkan peperangan untuk memperluaskan tanah jajahan mereka di selatan Lubnan pada bulan Mac 1978. Selepas itu mereka berjaya membentuk “kawasan aman” untuk mereka di dalam sempadan Lubnan yang diketuai oleh Saad Haddad yang memimpin tentera Selatan Lubnan yang menjadi kunci kepada Zionis.

Dalam peperangan “Al-Shaqif” pada 19 Ogos 1980, para pejuang Palestin dapat merealisasikan kejayaan yang besar menentang serangan rejim Zionis. Penyerbuan dan serangan tentera rejim Zionis terhadap Lubnan pada musim panas 1982 dikatakan paling besar dan ganas. Hasil serangan ini, rejim ini dapat menguasai kawasan ini dengan mudah dan cepat secara relatif. Di samping itu, mereka berada di benteng Beirut selama 80 hari di mana pejuang-pejuang Palestin dan sekutu-sekutunya menghadapi rejim ini dengan penentangan yang keras dan pengorbanan yang cukup tinggi. Dalam masa kejadian ini sedang berlaku, dunia Arab serta Islam dan juga antarabangsa hanya

menjadi penonton terhadap apa yang berlaku di hadapan mata mereka. Para pejuang Palestin telah mempamerkan keberanian dan keupayaan mereka hingga rejim Zionis mengalami kegagalan dalam usaha melenyapkan pejuang-pejuang dan para pemimpin mereka. Namun demikian, rejim ini berjaya memusnahkan sebahagian besar pendokong-pendokong pejuang Palestin dan memaksa lebih daripada 6 ribu pejuang Palestin keluar daripada Lubnan mengikut proses gencatan senjata. Mereka juga dihalau keluar ke kem-kem tentera yang jauh di Yaman, Tunisia, Algeria dan Sudan. Demikianlah sekatan yang dikenakan ke atas mana-mana pejuang Palestin yang datang daripada luar.

Daripada pernyataan di atas, jelas menunjukkan bahawa bilangan operasi perjuangan Palestin daripada luar telah menurun pada tahun 70-an dan kembali bertambah kepada nisbah yang amat kecil pada tahun 80-an. Di samping itu, pelancaran sebilangan operasi yang bermutu, patut dinyatakan di sini seperti operasi “Savoy” yang telah dilancarkan oleh gerakan Fatah di Tel Aviv pada 6 Mac 1975. Peristiwa ini membawa kepada terbunuhnya 50 orang tentera dan 50 orang awam Yahudi. Operasi “Kamal Udwan” yang juga dilancarkan oleh gerakan Fatah pada 11 Mac 1978 yang berakhir dengan pembunuhan 37 orang Yahudi dan seramai 82 orang Zionis mendapat kecederaan. Barisan Pembebasan Rakyat Palestin telah menonjol dalam rampasan kapal terbang terutamanya pada tahun 1970 dan dalam serangan keatas lapangan terbang “Al-Lidd” pada 30 Mei 1972 yang membawa kepada terbunuhnya seramai 31 orang dan 80 orang mendapat kecederaan. Di antara operasi lain yang telah dilancarkan ialah Al-Khalisah pada 11 April 1974⁷¹ dan operasi rampasan kapal terbang Glider pada bulan November 1987.

Semenjak tahun 1982, operasi ketenteraan bagi sayap PLO semakin lemah hingga membawa kepada kelemahan politik dan juga menarik pendokong-pendokong aliran “realistik” yang merupakan faktor pendorong baru ke arah membina asas penyelesaian secara

damai tidak lagi tertumpu kepada perjuangan bersenjata. Sebenarnya PLO mulai mengubah pidato politiknya semenjak awal lagi, maka di akhir tahun 60-an mereka mula menyeru kepada pembentukan negara sekular yang bercorak demokrasi. Kepimpinan negara ini diwakili oleh rakyat Palestin dan Yahudi yang masing-masing sanggup menggugurkan kembali kepentingan mengembalikkan penghijrahan. Yahudi ke negara asal mereka. Kemudian pada tahun 1974 mereka bertindak mengasaskan program yang mengandungi 10 perkara yang membuka medan untuk aktiviti politik sebagai salah satu cara untuk membebaskan Palestin selepas perjuangan bersenjata yang merupakan satu-satunya jalan untuk membebaskan Palestin.

Banyak perbincangan selepas itu berkisar mengenai penyelesaian berperingkat dan pembentukan negara Palestin di atas mana-mana tanahnya setelah pembebasannya (atau mendapat hak kembali dengan cara-cara lain). Pada tahun 1982, PLO telah bersetuju dilaksanakan pelan perdamaian Arab (Pelan Fes) bagi menolak hak. Ini akan menjamin pengiktirafan secara tidak langsung terhadap rejim Zionis dan segala pencerobohannya terhadap sebahagian besar tanah-tanah Palestin pada tahun 1948 ketika mana bersetuju kepada hak seluruh negara-negara persekitaran yang ingin hidup aman (termasuklah rejim Zionis). Mereka juga bersetuju untuk terlibat dalam rundingan demi 72 mencari proses perdamaian.⁷² PLO menghadapi ketandusan sekitar tahun 1983-1987 akibat pengunduran dalam perjuangan bersenjata, hilang pengaruh dan keaktifan politik di kalangan Arab.

Kerajaan Arab Dan Isu Palestin:

Di pihak negara Arab, pengukuhan identiti kebangsaan Palestin dan PLO yang merupakan satu-satunya wakil rasmi kepada rakyat Palestin telah membebaskan mereka dari bebanan tanggungjawab dalam perjuangan rakyat Palestin dan permusuhan dengan rejim Zionis. Suara-suara yang mengumandangkan slogan “Peperangan berdasarkan semangat kebangsaan Arab” mulai perlahan

meninggalkan rakyat Palestin bersendirian dalam menghadapi kekuatan dunia. Kerajaan Arab menyempitkan peranan mereka dalam perjuangan Palestin hanya kepada sokongan politik dan ekonomi kepada PLO dan tidak lagi kepada sokongan ketenteraan secara langsung. Bahkan sokongan ekonomi sendiri mulai lemah semenjak tahun 80-an kesan daripada penurunan harga petrol. PLO tidak terlepas daripada menghadapi masalah dengan sebilangan institusi-institusi Arab yang menjadikan ia lemah daripada menjalankan peranan utama mereka.

Di antara masalah utama yang dihadapi oleh PLO dengan negara-negara Arab ialah pergeseran yang berterusan dengan Lubnan serta masalah hubungan di antara mereka dengan Syria yang berlaku pada tahun 1976. Kemudian ianya kembali pulih semenjak tahun 1983. Selepas itu, Yasser Arafat pula diusir keluar daripada Damsyik termasuk percubaan menghapus kewujudan pendokong-pendokongnya di selatan Lubnan khususnya di perkhemahan sungai 'Al-Barid' dan 'Al-Badawi'. Ditambah lagi wujudnya permusuhan dengan Mesir, satu kuasa Arab yang paling besar (khususnya dalam tempoh tahun 1977-1983M) iaitu selepas penglibatan Mesir dalam pelan perdamaian dengan menandatangani Perjanjian Camp David. Di waktu yang sama Iraq sibuk berperang dengan Iran (1980-1988) dan ini telah mengurangkan keaktifan PLO dalam perjuangan mereka.

Pendirian Arab di peringkat awal agak keras. Mereka mengadakan Persidangan Khartoum pada bulan Julai 1967 di mana raja-raja serta pemimpin-pemimpin Arab telah membuat ketetapan “tidak ada sebarang perdamaian, perundingan dan penyerahan” dengan Zionis. Mesir dan Syria turut terlibat dalam peperangan yang sengit dengan rejim Zionis. Pada 6 Oktober 1973, tercetusnya peperangan Arab-Israel (perang Oktober/Ramadhan) yang melibatkan Syria dan Mesir. Kedua-dua pihak dapat merealisasikan kemenangan di peringkat awal. Orang-orang Mesir berpusepuse menduduki di sebelah timur terusan Suez dan menyelusup masuk dalam terusan itu.

Begitu juga orang-orang Syria, mereka telah dapat menakluki Bukit Golan. Tetapi tidak lama kemudian, Zionis yang mengambil manfaat daripada kerjasama tentera udara dengan sokongan Amerika berjaya merampasnya kembali lalu mereka melakukan pembahagian di sebelah barat Suez (benteng Defer Sewer). Mereka juga dapat merampas kembali Bukit Golan dan menduduki 39 kampung baru Syria dengan anggapan mereka telah berjaya melakukan peningkatan yang relatif di dalam melancarkan serangan tersebut. Kerugian teruk yang dialami oleh Zionis pada perang Oktober telah memecahkan kepercayaan bahawa mereka tidak boleh dikuasai. Seterusnya mereka kembali bersedia untuk menaikkan semangat dan kepercayaan semenjak mereka mendapat penghinaan dalam perang 1967.

Gambaran Arab tentang perang Oktober 1973 ialah ianya merupakan kemenangan yang cemerlang dan menampakkan kehebatan pimpinan tentera Mesir dan Syria. Di samping itu, Presiden Mesir Anwar Sadat menggunakan peperangan ini untuk mempengaruhi situasi ke arah proses perdamaian di samping mengambil manfaat untuk meletakkan kedudukan itu bukan sebagai tempat menerima celaan dan kecuaiian. Beliau digelar “Hero Oktober” tetapi pada waktu yang sama melakukan kejahatan terhadap Palestin. Beliau telah bertindak melakukan lawatan ke Israel pada bulan November 1977 dan menandatangani “Perjanjian Camp David” pada bulan September 1978. Tindakan ini telah menghasilkan pendamaiannya dengan rejim Zionis dan menghentikan penentangan di antara kedua-dua belah pihak dengan mengembalikan hak tanah Semenanjung Sinai ke tangan Mesir. Pengunduran Mesir merupakan kerugian besar kepada perjuangan Palestin kerana ia membantutkan harapan untuk wujudnya kesatuan menentang Zionis yang menyeluruh di kalangan negara-negara Arab pada masa akan datang.

Peristiwa pembakaran Masjid al-Aqsa pada tahun 1969 merupakan peristiwa penting yang membawa kepada tertubuhnya Pertubuhan Persidangan Islam yang berusaha untuk menyatukan

usaha-usaha ummah Islam bagi menyokong isu Palestin. Pertubuhan ini mengadakan banyak perjumpaan-perjumpaan dan mengeluarkan berpuluh-puluh ketetapan bagi menyokong isu Palestin dari sudut politik, kewangan, ketenteraan dan pengisytiharan jihad. Namun demikian, ketetapan-ketetapan tersebut hanya tinggal kekal di atas kertas kerana mereka memerlukan kepada *instrumen* sebenar yang mesti disediakan bagi melaksanakan ketetapan-ketetapan tersebut. Yang jelasnya, sebilangan negara Islam mempergunakan mimbar pertubuhan OIC untuk melegakan jiwa serta perasaan rakyatnya yang merindui kepada kesatuan dan pembebasan Palestin yang sepatutnya ianya berperanan sebagai suatu alternatif kepada mana-mana program praktikal yang aktif di bumi Palestin.

Terdapat juga negara-negara Islam yang mempunyai hubungan yang kuat dengan rejim Zionis seperti negara Turki. Di samping itu sesetengah negara Islam menyerahkan tanggungjawab mutlak kepada pihak PLO yang dianggap sebagai “satu-satunya wakil yang sah”. Perbezaan ideologi dan prinsip ini hanya akan mencetuskan pergeseran sesama masyarakat Islam dan sudah tentunya perpaduan yang sebenar sukar dicapai. Sebagai contoh pergeseran negara-negara Islam dalam perang Iraq-Iran (1980-1988) yang telah membazirkan banyak potensi dan hasil kekayaan kedua-dua negara serta turut menjejaskan kesatuan Islam.

Kemunculan Aliran Islam Palestin:

Perlu disebut di sini bahawa di peringkat ini fenomena Islam di kalangan rakyat Palestin telah mula mendapat tempat selepas rakyat melihat kegagalan ideologi-ideologi kebangsaan sekular dan berhaluan kiri dalam menyelesaikan isu Palestin. Penglibatan Ikhwanul Muslimin dalam perjuangan membela rakyat Palestin (1968-1970) diungkapkan dengan nama “Mu'askarat Al-Syuyukh” di dengan kerjasama dengan gerakan Fatah. Ini adalah merupakan ciri- ciri semangat yang awal di mana mereka melatih 300 orang sekitar

tahun 1968-1970 yang dibahagikan kepada tujuh kem tentera di mana mereka turut terlibat dalam beberapa operasi yang berkesan.

Pada tahun 1980, gerakan “Usrah Al-Jihad” terbongkar di dalam bumi Palestin yang dijajah pada tahun 1948 dengan penangkapan lebih kurang 60 orang anggotanya iaitu selepas melakukan beberapa operasi. Sheikh Ahmad Yasin dan rakan-rakannya juga ditangkap pada tahun 1984 selepas terdedahnya bilik simpanan senjata di salah sebuah masjid dengan tuduhan membentuk gerakan jihad menentang rejim Zionis. Gerakan Al-Jihad Al-Islami di Palestin telah dibentuk dalam tahun 1980. Para pengasasnya adalah merupakan anggota- anggota yang senior dalam Ikhwanul Muslimin dan mereka begitu aktif dalam mengadakan beberapa operasi. Di samping itu, usaha- usaha berbentuk jihad yang terbatas dan sederhana di sepanjang tempoh ini berbanding dengan pertubuhan-pertubuhan Palestin yang lain khususnya gerakan Fatah tetapi pada waktu yang sama, ianya sebagai petunjuk kepada peringkat yang akan datang untuk memainkan peranan yang utama. Beberapa usaha yang tampak jelas iltizam kepada ajaran Islam ialah meluasnya sokongan rakyat terhadap aliran ini di samping penghayatan yang tinggi khasnya di pertengahan tahun 70-an sama ada di dalam Palestin yang di bawah pemerintahan rejim Zionis atau di, Kuwait, Lubnan dan lain-lainnya. Puak-puak Islam memperoleh kejayaan dalam pilihan raya pelajar semenjak akhir tahun 70-an sebagaimana yang berlaku di Universiti al-Najah di Nablus dan Universiti Islam Gaza. Mereka telah berjaya dalam medan amal kebajikan, sosial dan pendidikan yang membolehkan mereka mengasas kaedah yang lebih luas dan keras. Aliran Islam “Ikhwanul Muslimin” adalah merupakan sebagai penentuan serta cabaran pertama kepada aliran sekular seperti gerakan Fatah yang menguasai PLO.⁷³

BAB 5

ISU PALESTIN (1987-2000)

Berdasarkan kepada penilaian, perjuangan rakyat Palestin di peringkat ini, mempunyai daya juang yang sangat tinggi dan sanggup berkorban demi merealisasikan cita-cita pembebasan Palestin. Semangat juang mereka yang tinggi jelas terbukti melalui perjuangan Intifadha. Melalui intifada yang diberkati, terungkaplah tentang sikap sebenar rakyat Palestin yang dizalimi dan dikuasai di mana wujudnya penglibatan kanak-kanak dan para wanita yang menghadapi kereta- kereta kebal Zionis dengan bersenjatakan batu tetapi jiwa mereka hanya mahukan kebebasan dan mati syahid. Perjanjian Oslo dan kekejaman polisi pemerintah Palestin terus-menerus menekan perjuangan rakyat Palestin pada era ini.

Secara ringkas, di antara perkembangan penting yang berlaku pada era ini ialah:

- teretusnya intifadhah yang diberkati (1987-1993) dan kemunculan pejuang aliran Islam.
- Perjanjian Oslo di antara PLO dan rejim Zionis pada tahun 1993 dan pengguguran segala hak-hak rakyat Palestin.
- kelemahan, perpecahan dan pergeseran dalaman negara-negara Arab selepas penguasaan Iraq ke atas Kuwait yang mengakibatkan permusuhan sesama mereka. Kemudian berlaku pula perjanjian damai di antara dengan rejim Zionis.
- peristiwa kejatuhan Russia dan perpecahannya, penghijrahan secara besar-besaran bangsa Yahudi ke negara Israel dan Amerika yang merupakan satu-satunya kuasa yang menguasai dunia.

Intifadhah Yang Diberkati:

Tercetusnya peristiwa “Intifadhah Yang Diberkati” pada 9 Disember 1987 di mana seramai 4 orang pekerja Palestin terkorban syahid dalam peristiwa “berani mati” yang rancangannya telah diatur sebelum ini. Semenjak malam itu, gerakan Islam telah membuat ketetapan untuk melibatkan diri dalam intifadhah dan memberi arahan seterusnya. Di sini bermula penyusunannya iaitu melalui gerakan demonstrasi secara besar-besaran selepas solat subuh pada 9 Disember di Masjid Mukhayyam Jabalia. Di antara syuhada' awal ialah Al- Syahid Hatim Abu Sis kemudian dituruti dengan Al-Syahid Raid Syahadat melalui peristiwa demonstrasi yang lain dekat Hospital Al- Syifa'. Kemudian diikuti pula berturut-turut terkorbannya para syuhada' dan akhirnya merebak pula demonstrasi secara meluas ke pelusuk Tebing Barat dan Semenanjung Gaza dengan penglibatan secara menyeluruh rakyat Palestin.

Di antara ciri-ciri utama Intifadha ialah:

Pertama: Penduduk “dalaman” yang mendiami Tebing Barat dan Semenanjung Gaza mengambil langkah menegakkan perjuangan jihad secara inisiatif sendiri yang dulunya lebih bergantung kepada bantuan luar.

Kedua: Penglibatan aliran Islam secara terbuka dan efektif. Sikap mereka ini jelas kelihatan semasa mereka menghadapi musuh di medan peperangan dalam bentuk yang terancang dan berpengaruh.

Ketiga: Penglibatan secara menyeluruh di kalangan rakyat Palestin dari berbagai lapisan masyarakat dan aliran.

Keempat: Pembentukan sifat berani, sanggup berkorban dan penglibatan secara meluas di kalangan kanak-kanak dan wanita. Ia juga melahirkan nilai-nilai yang mulia seperti mengutamakan orang lain, saling bekerjasama dan pintar. Di samping itu juga, mereka

berusaha menghapuskan perbuatan khianat dan tidak suka melakukan kerosakan disebabkan minum arak dan leka dengan hiburan.

Pada peringkat pertama intifadhah, ia menghadapi kebangkitan rakyat secara meluas iaitu melalui mogok, demonstrasi, pemboikotan pentadbiran awam Zionis, pembersihan masyarakat daripada menjadi kuncu-kuncu dan penganjur ideologi Zionis dan juga penagihan dadah. Selepas lebih kurang empat tahun berlalu, terbentuk peringkat kedua yang berbeza dengan menyaksikan suburnya operasi ketenteraan rakyat Palestin untuk menentang Zionis serta pengunduran semula secara meluas gerakan berbentuk awam. Gerakan Fatah dan pengikutnya dalam PLO menyetujui Perjanjian Oslo (September 1993) dengan menamatkan intifadhah dan menghentikan gerakannya. Namun bagi pihak yang lain seperti HAMAS dan kumpulan Jihad Islam masih lagi meneruskan perjuangan mereka. Bahkan perjuangan mereka sampai ke tahap gerakan jihad. Bagaimana pun penubuhan pentadbiran Palestin di tanah Palestin yang dijajah telah melemahkan gerakan Intifadha.. Berdasarkan statistik yang disediakan oleh PLO selama 6 tahun Intifadha, seramai 1540 orang Palestin terkorban syahid. Dalam waktu yang sama, seramai 130,000 orang yang tercedera dan 116,000 orang pula telah ditangkap.⁷⁴

HAMAS:

Kemunculan Gerakan Pejuang Islam (HAMAS) mempunyai kaitan dengan gerakan awal intifadhah. Kenyataan pertama yang dikeluarkan oleh mereka adalah pada 14 Disember 1987, dan ia dianggap satu gerakan yang proaktif biar pun tidak menampakkan kehebatannya. HAMAS sendiri dikenali sebagai sayap Ikhwanul Muslimin yang masih meneruskan perjuangan mereka. Sebagaimana yang termaktub di dalam piagam mereka “meletakkan Islam sebagai manhaj mereka. Bersumber dari manhaj inilah segala ideologi dan konsep pemikiran mereka. Dengan Islam ini mereka akan berhukum

dan juga mendapat pertunjuk segala langkah perjuangan mereka.” Mereka bermatlamat untuk membebaskan Palestin, mendirikan negara Islam di bumi Palestin dan mewujudkan sistem pendidikan yang sempurna kepada generasi akan datang untuk merealisasikan matlamat yang dicita-citakan.

HAMAS mendapat sokongan massa yang meluas. Hakikat ini dapat dilihat bila mana calon-calon mereka sering memenangi 1/3 hingga undi popular dalam pilihanraya pelajar dan kesatuan professional seperti di Universiti Najah, Universiti Gaza, Universiti Khalil, Universiti Birzit dan Universiti al-Quds. Juga melalui Persatuan Jurutera, Kedokteran, Farmasi, Guru dan Dewan Perniagaan. Dr. Hisyam Syarobi yang berfahaman sekular dalam pertemuan dengan para wartawan, beliau menegaskan bahawa HAMAS adalah satu gerakan penentangan dalam bentuk baru. “Perjuangan mereka berjaya hingga sekarang yang sebelum ini tidak pernah dicapai oleh puak PLO. Mereka telah bergerak lebih daripada 1/4 kurun lamanya yang sentiasa berusaha membentuk suatu strategi baru dengan menyusun wadah perjuangan rakyat Palestin. Mereka juga mampu bergerak sendiri secara aktif di bidang ketenteraan tanpa meminta bantuan dari luar.”⁷⁵

Dalam organisasi kepimpinan HAMAS terdapat seorang tokoh pemimpin intifada iaitu Syeikh Ahmad Yassin yang lumpuh kakinya. Beliau bertanggungjawab menggerakkan kumpulan ini dengan dibantu oleh beberapa orang rakannya seperti Abdul Aziz al-Rantisi dan Mahmud al-Zohor dan Abdul Fatah Dukhan di Semenanjung Gaza. Di Tebing Barat pula, ia dipimpin oleh Jamal Salim,⁷⁶ Hassan Yusuf, Jamal al-Nishtah..., manakala ketua biro politik di luar Palestin ialah Khalid Masy'al yang menggantikan Musa Abu Marzuq dan Ibrahim Ghausyah sebagai jurucakap rasmi HAMAS dan lain-lain lagi. Menurut keterangan Ibrahim Ghausyah, semenjak tercetusnya intifadhah HAMAS telah mengorbankan lebih kurang 700 orang syahid dan lebih 1000 orang medapat kecederaan serta menjadi

tawanan. Angka ini bukanlah sedikit dalam suasana aktiviti yang sukar di Palestin dan sebelum terlibat dalam medan peperangan yang lebih luas dan bercorak universal dengan rejim Zionis.

Atas sikap pragmatik, HAMAS dengan melihat kekuatan Yahudi- Zionis, pakatan jahat antarabangsa dan kelemahan politik Palestin di samping perpecahan dan pergeseran dunia Arab dan Islam, tidak bermatlamat untuk membebaskan Palestin dalam waktu yang singkat tetapi berperingkat yang bakal diteruskan oleh generasi yang akan datang. Dalam suasana ini, HAMAS berusaha melepasi peringkat ini dengan menjaga hak tersebut dan mengekalkan pancaran jihad. Ini membolehkan HAMAS berkemampuan menghadapi segala cabaran melalui keterampilan tokoh-tokoh berwibawa yang berani melangkah ke hadapan dan sanggup berkorban serta rela mati syahid. Penganalisis Israel mengakui bahawa “HAMAS telah mengeluarkan suatu contoh manusia baru Palestin dan para syuhada baru.” Salah seorang pakar Zionis menyatakan bahawa HAMAS mempunyai sikap dinamik dan cepat bertindak sebagaimana juga pengiktirafan daripada Jeneral Ori Saghi, ketua bahagian perisikan tentera yang menyatakan bahawa HAMAS memiliki budaya kerja profesional, amalan kerahsian di tahap tertinggi dan pelaksanaan operasi yang menonjol dan keras.

HAMAS berkebolehan untuk melakukan proses pertukaran sebilangan generasi pemimpin dalam masa yang singkat. Setiap kali tokoh itu dikenali identitinya atau menemui syahid atau dipenjarakan, akan muncul orang yang mengambil alih tempatnya dan kerja tersebut akan berterusan. Sebagai contoh penangkapan Syeikh Ahmad Yasin (Mei 1989), Musa Abu Marzuq (Julai 1995), mereka yang terkorban syahid seperti Imad 'Aqal (November 1993), Yahya 'Ayyasy (Januari 1996) dan Muhyiddin al-Syarif (Mac 1998) di samping penangkapan Mohd al-Dhaif (Mei 2000).

Penglibatan PLO dalam proses perdamaian dengan rejim Zionis. dan mendapat hak memerintah secara autonomi di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza (semenjak 1994) menjadikan operasi jihad satu perkara yang mustahil. Namun masih terdapat beberapa operasi yang berjaya dilancarkan di antara tahun 1994-1998 seperti operasi besar- besaran sebanyak 5 kali sebagai tindak balas terhadap peristiwa pembunuhan beramai-ramai di Hebron pada bulan Februari 1994.

Mereka juga bertindak membalas dendam terhadap peristiwa yang berlaku kepada Yahya 'Ayyasy yang terkorban syahid (bekas jurutera dalam beberapa operasi yang membawa kepada peristiwa pembunuhan 70 orang Zionis dan seramai 340 orang tercedera) dengan pelbagai bentuk operasi dalam bulan Februari hingga Mac 1996 yang telah mengoncong dan menghilangkan kewarasan mereka. Rejim Zionis telah menjemput dan mengadakan persidangan antarabangsa yang melibatkan kuasa-kuasa besar dengan menamakannya “Memerangi Pengganas”. Rejim Zionis dan pihak berkuasa Palestin bertindak (bekerjasama secara langsung dengan Amerika Syarikat dan menggunakan segala teknik-teknik keselamatan) secara perang mulut yang mempunyai motif untuk mencabut hingga ke akar umbi mana-mana pihak yang mempunyai hubungan dengan aliran Islam yang bergerak di Palestin.

HAMAS berada dalam suasana runcing dan mengalami penderitaan daripada tekanan pihak berkuasa Palestin yang merasai pelan perdamaian hanyalah satu usaha sia-sia mengikut pandangan Soib Ariqat (salah seorang pemimpin Palestin). Di antara keperitan dan tekanan dari luar yang dihadapi oleh HAMAS seperti penangkapan Musa Abu Marzuq di Amerika Syarikat (Julai 1995-Mei 1997), percubaan membunuh Khalid Masy'al (September 1997), penutupan bilik gerakan mereka di (akhir Ogos 1999) dan pengusiran mereka daripada (selepas memenjarakan mereka lebih daripada dua bulan setengah) ke Qatar (November 1999).

Sungguhpun kerjasama di antara rejim Zionis, pihak berkuasa Palestin dan antarabangsa untuk melenyapkan gerakan ini tetapi pendokong-pendokong HAMAS masih lagi berjaya dalam pilihanraya perwakilan pelajar dan Kesatuan Sekerja. Mereka memikul bebanan rakyat yang besar di dalam dan luar negara.⁷⁷

Dari aspek lain pula, gerakan Al-Jihad Al-Islami melakukan beberapa operasi yang bermakna dan berani mati seperti Operasi Netsarim (November 1994), Operasi Bait Lid (Januari 1995) dan Operasi Tel Aviv (Mac 1996). Mereka juga mengalami tekanan dan buruan seperti yang berlaku kepada HAMAS. Fathi al-Syaqaqi (ketua Jihad Islam) telah terkorban syahid dalam operasi yang dilakukan oleh badan perisikan Israel "Mossad" pada 26 Oktober 1995. Dalam pilihanraya perwakilan pelajar menunjukkan bahawa gerakan ini mendapat tempat lebih kurang 3-5 % daripada pungutan suara.

PLO: Dari Perjuangan Bersenjata Kepada Perdamaian:

PLO mengalami penderitaan hasil kelemahan politik selepas percubaan berturut-turut untuk menghancurkan mereka secara ketenteraan. Kemelut ini menjerut mereka dalam Persidangan Kemuncak Arab di Oman pada bulan Oktober 1987.

Ketika meletusnya intifadhah yang diberkati, keadaan ini meletakkan PLO pada kedudukan yang tinggi dari sudut politik maka mereka cuba melaburkannya di peringkat awal lagi. Mereka bertindak membentuk kepimpinan kebangsaan yang satu demi intifadhah (selepas sebulan tercetusnya). Penglibatan berbagai kumpulan perjuangan Palestin turut menyemarakkan lagi perjuangan Intifadha. Rejim Zionis bertindak balas dengan membunuh Abu Jihad (tokoh kedua dalam PLO dan puak Fatah) di Tunisia pada 16 April 1988. Ini merupakan agenda serangan secara bertubi-tubi untuk mengekang intifadhah. PLO mengambil faedah daripada ketetapan yang merungkai ikatan pentadbiran dan perundangan di Tebing Barat pada

31 Julai 1988 dengan melantik mereka (PLO) sebagai wakil secara rasmi untuk penduduk Tebing Barat

Dalam Majlis Kebangsaan Palestin yang ke-19 (12-15 November 1988) PLO meletakkan program Palestin berdasarkan kepada pengiktirafan yang ditetapkan oleh PBB (perkara 181 tahun 1947) yang memutuskan pembahagian Palestin kepada dua negara (Arab dan Yahudi). PLO mengiktiraf buat julung kali semenjak 21 tahun lalu ketetapan 242 yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan pada November 1967. Ini membawa kepada perdamaian politik melalui Persidangan Antarabangsa. Majlis Kebangsaan Palestin ini telah mengisytiharkan kemerdekaan Palestin. Pengisytiharan ini menerima sokongan dan sambutan antarabangsa yang meluas hingga mereka mendapat pengiktirafan sebanyak 120 buah negara dalam beberapa bulan. Sekalipun Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah tidak mengiktiraf kewujudan mereka dan perkara ini hanya merupakan harapan atau cita-cita yang belum terbina di alam realiti tetapi isu ini dapat bergerak kembali di peringkat antarabangsa. Manakala PLO pula kembali aktif di pentas politik selepas mereka sanggup mengecilkan tuntutan dan program perjuangan mereka.

Pada akhir 80-an dan awal 90-an berlaku perubahan kepada kedudukan Arab dan antarabangsa yang melemahkan banyak pendirian rakyat Palestin dan negara Arab. Pergeseran dan perpecahan di dalam dunia Arab terutamanya selepas pencerobohan Iraq ke atas Kuwait pada 2 Ogos 1990. Akibatnya berlaku permusuhan dan pertelingkahan sesama mereka, mengaut segala kemewahan dan kekayaan negara Arab, menghancurkan kekuatan ketenteraan Iraq dan penghijrahan beribu-ribu orang Palestin dari Kuwait. Secara umum, segala apa yang berlaku itu telah meninggalkan kesan yang pahit kepada isu Palestin.

Pada peringkat antarabangsa, tempoh ini menyaksikan kejatuhan Russia dan perpecahannya di samping wujud beberapa kelompok

kecil negara Sosialis. Perubahan ketara yang berlaku ialah mereka yang dulunya bersikap suka bersaing dan bermusuhan dengan Amerika dan sekutu-sekutunya, bertukar pula kepada keserasian dan keredaan untuk menerima Kapitalis dan Demokrasi Barat. Mereka amat memerlukan bantuan ekonomi daripada Barat. Situasi ini sebenarnya telah merosakkan kestabilan politik antarabangsa yang memberi aset yang bermakna kepada pihak Palestin dan dunia Arab. Dulunya mereka bertelingkah dan saling membenci tetapi sekarang membuka ruang kepada mereka untuk melakukan agenda politik.

Demikianlah Amerika Syarikat muncul sebagai suatu kuasa yang tunggal di dunia terutamanya di awal tahun 1991. Pengaruh Yahudi semakin bertapak dan bertaring. Situasi semakin bertambah buruk dengan adanya pengaruh Yahudi di situ. Fenomena ini dapat dilihat melalui perlantikan beberapa tokoh Yahudi di dalam kabinet pentadbiran Presiden Clinton (yang mirip kepada Zionis) sebagai menteri dalam beberapa jawatan yang sensitif seperti Menteri Luar Amerika, Madeline Albright, Menteri Kewangan, Robert Rubin, Menteri Pertahanan, William Cohen dan Menteri Pertanian, Gilman. Ditambah pula dengan kewujudan tujuh orang Yahudi daripada 11 orang yang menduduki kerusi dalam Majlis Keselamatan Nasional; kepimpinan Greenspan dalam Bank Pusat, George Tenet dalam kepimpinan CIA dan seumpamanya.

Amerika Syarikat berusaha keras untuk menyebarkan konsep Order Baru Dunia dan cuba menarik tumpuan masyarakat antarabangsa kepadanya daripada hanya tertumpu kepada isu Palestin demi menyelamatkan sekutu utamanya Israel. Rejim Israel telah mendapat manfaat yang besar daripada kejatuhan negara Rusia dan negara-negara Sosialis yang lain. Negara-negara tersebut telah menjalinkan hubungan diplomatik semula dengan Israel. Juga membuka pintu penghijrahan Yahudi ke Palestin terutamanya dari Rusia. Rejim Zionis telah mengadakan perayaan pada 7 Mei 2000 dengan kedatangan rombongan yang mencecah ke angka jutaan

semenjak bermulanya gelombang penghijrahan dari negara Russia pada 14 September 1989. Perdana Menteri sendiri menyambut kedatangan mereka.⁷⁸ Penghijrahan ini meliputi 92 ribu orang yang pakar dalam pelbagai bidang masing-masing.⁷⁹ Di kalangan mereka terdapat beribu-ribu orang yang pakar dalam industri nuklear terutamanya mereka yang mempunyai keupayaan ketenteraan yang tinggi. Ini menambahkan lagi kekuatan rejim ini dan perancangan mereka di rantau ini.

Tepat pada masanya, Amerika dan Israel berjaya menarik negara Arab hadir ke meja rundingan damai yang diadakan di Madrid pada bulan Oktober 1991. Selepas itu dituruti dengan rundingan Arab dan Israel secara langsung. Proses rundingan ini berlaku lebih kurang 2 tahun di antara mereka tanpa menghasilkan sebarang faedah dalam usaha menghancurkan sikap kepala batu Yahudi. Kemudian secara tiba-tiba pula sewaktu pengisytiharan Perjanjian Oslo di antara kedua-dua pihak banyak mendedahkan perkara-perkara yang tersirat daripada rundingan rahsia semenjak 20 Januari 1993 di belakang rombongan rasmi Palestin (Haidar Abu Syafi mengetuai rundingan ini) dan tanpa pengetahuan sebahagian besar anggota PLO. Perjanjian Oslo dimeterikan pada bulan 19 Ogos 1993 di Oslo, Norway. Kemudian perjanjian ini ditanda tangani secara rasmi pada 13 September 1993 di Washington dengan penyeliaan Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton dan dihadiri oleh Yasir Arafat dan Yitzhak Rabin. Tanda tangan dilakukan oleh Mahmud Abbas yang mewakili pihak Palestin manakala Menteri Luar Israel Shimon Peres mewakili pihak Israel. Menteri Luar Negara Amerika dan Rusia bertindak sebagai saksi.

Perjanjian Oslo⁸⁰ merupakan satu ketetapan sementara yang menjamin pemerintahan sendiri rakyat Palestin di Semenanjung Gaza dan Jericho yang kononnya akan diluaskan ke kawasan Palestin yang lain di masa akan datang terutamanya kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Rundingan yang sedang berjalan

mengenai isu yang sensitif dan situasi terakhir selepas 2 tahun bermulanya kerajaan autonomi telah mendedahkan tabiat buruk Zionis yang suka melambat-lambatkan dan melumpuhkan pelan pembaharuan.

Pembaharuan yang ingin dilakukan terhadap rakyat Palestin telah menemui kesukaran kerana mereka (Zionis) menuntut pihak berkuasa Palestin terlebih dahulu lulus dalam ujian Israel iaitu untuk menghancurkan HAMAS dan gerakan perjuangan menentang Israel di samping menambahkan lagi tuntutan supaya menggugurkan hak-hak mereka. Pelbagai perjanjian termeterai yang semuanya sekadar untuk memenuhi kepentingan Yahudi seperti Perjanjian Kaherah (4 Mei 1994), Perjanjian Taba (28 September 1995), Perjanjian Wye River Plantation (23 Oktober 1998) dan Syarm al-Syeikh (4 September 1999).

Kawasan kerajaan autonomi terbahagi kepada kawasan (A) dan (B). Pihak berkuasa Palestin memiliki lebih kurang 17% daripada tanah Tebing Barat yang berada di bawah (A) melalui penguasaan keselamatan dan pentadbiran. Lebih kurang 25 % daripada Tebing Barat yang berada di bawah (B) yang cuma menguasai pentadbiran sedangkan yang menyelia keselamatan melalui kerjasama mereka dengan Zionis. Jadi pihak berkuasa Palestin menemui kegagalan hingga sekarang (September 2000) untuk sampai kepada proses perdamaian terakhir yang menyentuh isu sensitif tentang penentuan nasib mereka.

Secara umumnya, kritikan dan pemerhatian yang paling jelas daripada Perjanjian Oslo boleh diringkaskan seperti berikut:

1. Isu Palestin merupakan isu seluruh umat Islam dan bukan hanya isu rakyat Palestin sahaja. Pertelingkahan di antara kebenaran rakyat Palestin dan kebatilan Yahudi sentiasa diwarisi oleh beberapa generasi. Ulama-ulama yang dipercayai telah bersepakat menyatakan bahawa proses perdamaian dalam

bentuk sekarang ini tidak harus diikuti dan mereka mengajak kepada kewajiban berjihad untuk membebaskan bumi Palestin yang diberkati.

2. Persetujuan Pimpinan PLO untuk mengadakan pelbagai perjanjian sebenarnya bukan dirujuk kepada pandangan rakyat Palestin yang mempunyai pelbagai aliran seperti puak Islam, kiri dan kebangsaan hatta dalam gerakan Fatah sendiri.
3. Dengan pengiktirafan pimpinan PLO terhadap hak kewujudan Israel (yang diduduki kini), telah menyebabkan mereka kehilangan 77% daripada tanah Palestin yang diduduki pada tahun 1948.
4. Penelitian kepada isu yang lebih besar belum lagi dicapai sepenuhnya kerana perkara itu ditangguh kepada rundingan peringkat terakhir. Perkara ini berkait rapat dengan pendirian PLO yang tidak mahu menggunakan kekuatan secara mutlak dan sejauh mana rejim Zionis memiliki faktor-faktor kekuatan. Antara isu-isu utama ini ialah:
 - a. Masa Depan Bandar Quds: Yahudi mengisytiharkannya sebagai ibu negara mereka selama-lamanya. Mereka merampas 86% daripada tanah Quds dan menempatkan orang-orang Yahudi seramai 200,000 orang di timur Quds.
 - b. Masa Depan Pelarian Palestin: Bilangan mereka bertambah lebih daripada 5 juta orang pelarian yang masih belum diselesaikan.
 - c. Masa Depan Penempatan Zionis di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza yang dirampas oleh mereka lebih kurang 62% daripada kedua-dua tanah tersebut. Mereka menempatkan 160 penempatan di Tebing Barat manakala

16 penempatan di Semenanjung Gaza. Seramai 200 ribu orang Yahudi mendiami kawasan ini.

5. Tanggungjawab pihak berkuasa Palestin tidak meliputi keselamatan luar dan di kawasan sempadan. Tidak seorang pun dibenarkan masuk ke kawasan yang berada di bawah kuasa pihak berkuasa Palestin tanpa keizinan Israel. Pihak berkuasa Palestin tidak boleh membentuk pasukan tentera dan memasukan sebarang senjata ke kawasan tersebut perlu keizinan Israel.
6. Rejim Zionis mempunyai kuasa “veto” (pembatal) untuk membatalkan mana-mana penguatkuasaan undang-undang yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa Palestin dalam tempoh peralihan kuasa.
7. Perjanjian tersebut tidak menampakkan hak rakyat Palestin untuk menentukan nasib mereka atau kemerdekaan negara mereka. Perjanjian ini juga tidak menandakan Tebing Barat dan Semenanjung Gaza sebagai tanah yang di duduki secara haram dan sekadar menguatkan kepercayaan bahawa kawasan ini menjadi tempat persengketaan di antara mereka.
8. Pihak berkuasa Palestin memberi jaminan secara mutlak bahawa mereka tidak akan menggunakan kekuatan senjata menentang rejim Zionis dan akan menyelesaikannya melalui meja rundingan. Tetapi keadaan ini membuatkan mereka berada dalam keadaan terpaksa (jaminan cara aman dengan rejim Zionis) kerana mereka perlu mengekang perjuangan bersenjata menentang rejim Zionis dan memerangi mereka yang melakukan tindakan ini. Secara praktikal, rakyat Palestin melihat mereka dijadikan alat untuk menjaga keamanan dan keselamatan Israel di beberapa kawasannya.

Edward Said, seorang penulis bangsa Palestin dalam pemerhatiannya terhadap dilema yang dihadapi oleh PLO berkata:

“Sesungguhnya Arafat meletakkan dilema kepada rakyatnya hingga tidak nampak jalan keluar daripada kemelut ini.”⁸¹ Sementara itu Hisyam Syarabi seorang pemikir Palestin berkata: “Kepimpinan Palestin tidak mengetahui bagaimana mengambil ketetapan dan bagaimana menyempurnakan ketetapan seterusnya.”⁸²

Pihak Berkuasa Palestin Dan Situasi Kini:

Pihak berkuasa Palestin memasuki Semenanjung Gaza pada 18 Mei 1994. Kemudian barisan Kerajaan Autonomi yang dilantik mengangkat sumpah di hadapan Yasir Arafat di Jericho pada 5 Julai 1994. Kebanyakan rakyat Palestin percaya bahawa kebimbangan mereka terhadap proses damai dan pelaksanaan pihak berkuasa Palestin yang masih tergantung adalah kerana perjanjian Kerajaan Autonomi hanya berbentuk sementara, penyerahan tanah pula dilakukan secara satu persatu dan sebarang kemajuan rundingan ini bergantung kepada kerelaan pihak Israel.

Sebenarnya mereka berada di bawah kasihan belas pihak Israel dan terpaksa tunduk kepada tekanan Israel dalam usaha untuk memperolehi hak-hak mereka walaupun kecil. Oleh itu Zionis sentiasa melambat-lambatkan untuk merealisasikan sebarang pengembalian hak-hak rakyat Palestin. Mereka akan mengaitkan sebarang kemajuan dalam proses damai dengan tindakan kekerasan yang dilakukan oleh pihak berkuasa Palestin terhadap penentangan bersenjata. Rejim Zionis berjaya meletakkan HAMAS, Jihad Islam dan pembangkang Palestin sebagai penghalang di tengah jalan maka pihak berkuasa Palestin akan bertindak melenyap dan mengekang mereka yang menjadi penghalang kepada matlamat kebangsaan Palestin.

Realitinya, selepas beberapa tahun daripada Perjanjian Oslo, rejim Zionis masih melambat-lambatkannya dan isu asasi yang wajib diselesaikan mengikut persetujuan tidak juga selesai hingga berlanjutan lebih dari 2 tahun (1998). Pusat-pusat kawalan pihak berkuasa Palestin ialah di beberapa kawasan yang mengandungi

penduduk. Rejim Zionis berkeinginan semenjak dulu lagi untuk menyerahkan “tugas-tugas keji” di kawasan itu dengan memantau keselamatan, cukai-cukai dan tugas perbandaran hingga kepada pihak yang sanggup menjadi wakil mereka dan cuba menonjolkan diri sebagai penjajah yang bersih.

Jabatan keselamatan Palestin menjadi semakin besar berdasarkan peranan yang perlu dimainkan. Bilangan mereka lebih kurang 40 ribu orang yang dianggap paling tertinggi nisbah polis di dunia jika dibandingkan dengan bilangan penduduk. Pihak berkuasa Palestin telah membentuk 8 jabatan keselamatan yang berinteraksi tanpa belas kasihan dengan pihak pembangkang Palestin. Mereka bekerjasama dengan jabatan keselamatan Israel dan Amerika dalam mengatur bentuk hubungan secara langsung dan terbuka. Belanjawan keselamatan dan pejabat Presiden Arafat semakin meningkat iaitu lebih kurang 70% daripada keseluruhan belanjawan pihak berkuasa Palestin pada tahun 2000.⁸³ Manakala bakinya barulah diambil oleh 83 beberapa kementerian dan institusi lain seperti kesihatan, pendidikan, perkhidmatan sosial, tenaga elektrik dan seumpamanya.

Keadaan ini mengambil kira kedudukan ekonomi yang banyak terencat dan mengikut perkiraan beberapa institusi pendidikan, kebebasan berpolitik dan institusi sosial. Pada bulan Mei 1995, tersiar dalam laporan program kemajuan Bangsa-Bangsa Bersatu menunjukkan bahawa pendapatan setiap individu di Semenanjung Gaza menurun kepada USD500 dengan nisbah penurunan sebanyak 38% daripada tahun sebelumnya (1993M).⁸⁴ Pada bulan April 2000, beberapa tokoh Palestin dan pertubuhan hak asasi manusia menyifatkan Perjanjian Oslo merupakan bencana kepada ekonomi dan politik rakyat Palestin. Dokumen yang tersiar di Washington menyatakan bahawa pendapatan setiap individu Palestin turun kepada 30% dan bilangan penggangur bertambah 3 kali ganda di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza semenjak tahun 1993M.⁸⁵

Pihak berkuasa Palestin mengalami kemelut akibat pentadbiran yang tidak cekap dan amalan memilih kroni yang menjadi sindrom dalam pentadbiran mereka. Mohamad Jihad (salah seorang pemimpin tertinggi Fatah) memberi komentar beliau tentang gejala ini: “Arafat dikelilingi oleh sekelompok pencuri dan perompak harta rakyat”.⁸⁶ Memetik komentar daripada tokoh lain pula: “Orang-orang yang suka berpesta sentiasa melakukannya setiap hari di tepi-tepi jalan..., perbincangan tentang kejatuhan akhlak, amalan rasuah dan kroni melahirkan orang-orang yang sombong.”⁸⁷

Pada bulan Mei 1997, laporan badan pengawasan dalam Majlis Perundangan Palestin (Kerajaan Autonomi) mengeluarkan kenyataan bahawa pengurusan kewangan dalam pentadbiran pihak berkuasa Palestin terlalu parah. Mereka merompak sejumlah USD326 juta iaitu satu jumlah yang cukup besar (yang boleh kita dedahkannya) nisbah kepada belanjawan mereka sekitar USD1,500 juta. Pungutan suara oleh Majlis Perundangan untuk mengusul undi tidak percaya terhadap kerajaan Arafat (56 undi menentang satu undi) kerana faktor tersebut.

Pada bulan November 1999, seramai 20 orang pemikir dan tokoh Palestin di bawah pentadbiran ini menandatangani dokumen “20” yang melemparkan tuduhan terhadap pentadbiran mereka yang tidak cekap, amalan kroni, menyekat kebebasan dan sebagainya. Hisyam Syarabi menyifatkan situasi ini dengan berkata: “Pihak berkuasa Palestin dengan barisan anggotanya pada masa kini tidak mewakili rakyat Palestin..., mereka cukup lemah daripada melakukan sebarang pembaharuan dalam menghadapi kemelut rakyat Palestin. Ini merupakan salah satu faktor yang menunjukkan situasi yang cukup serius dan menyedihkan.”⁸⁸

Perlaksanaan yang nampak ketara di pihak mereka ialah mengekang pihak pembangkang dari segi keselamatan dengan melakukan serangan bertubi-tubi untuk melenyapkan mereka. Pembaca boleh bayangkan bagaimana pihak berkuasa Palestin yang

baru setahun jagung telah melakukan 12 siri penangkapan. Semenanjung Gaza yang mempunyai keluasan tidak melebihi 363 kaki persegi terdapat 24 pusat penahanan dan penangkapan di samping 32 buah tempat sekatan dan kawalan tentera. Sebagai contoh dalam satu bulan (19/4-9/5/1995), mereka menyerbu secara mengejut sebanyak 57 buah masjid dan sebanyak 138 kali operasi dilakukan dalam usaha menyekat aliran Islam.⁸⁹ Serangan pasukan keselamatan ini berlaku secara berturut-berturut selepas operasi jihad. Serangan yang paling dahsyat (Mac 1996) selepas operasi berani mati yang dilancarkan oleh HAMAS sebagai tindak balas terhadap peristiwa Yahya 'Ayasy yang terkorban syahid. Percubaan melalui dialog di antara pihak berkuasa Palestin dan HAMAS tidak berjaya tetapi mereka (pasukan keselamatan) bertindak menyeksa mereka yang ingin menyelesaikan masalah melalui dialog seperti Hassan Yusuf, Jamal Salim dan lain-lain lagi. Kerjasama keselamatan Zionis, Palestin dan Amerika Syarikat berjaya melemahkan kebanyakan operasi jihad dan penangkapan ramai pejuang-pejuangnya. Pada bulan Januari 1997, beberapa pertubuhan hak asasi manusia mengisytiharkan seramai 1,600 orang tawanan Palestin dalam penjara pihak berkuasa Palestin termasuk 700 orang tanpa tuduhan dan dibicarakan di mahkamah.⁹⁰ Manakala yang dibunuh hingga sekarang lebih daripada 20 orang yang mati kerana disiksa di dalam penjara ini.

Sewaktu rejim Zionis menyelinap masuk ke Palestin, merampas tanah-tanah Palestin, membina beberapa penempatan di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza, menarik pendatang-pendatang dan menghapuskan identiti Islam di Quds, pihak berkuasa Palestin melakukan tindakan menahan pejuang-pejuang dan menyumbat mereka ke dalam penjara-penjara.

Zionis Dan Situasi Kini:

Zionis pada awal kurun ke-21 bertambah angkuh dan sombong selepas kedudukan mereka kukuh dan mapan melalui sokongan kuat

kuasa-kuasa besar, sementara dunia Arab dan Islam pula masih dalam keadaan lemah dan berpecah-belah. Jangka masa 52 tahun sejak penubuhannya (1948-2000) telah menarik seramai 2 juta 900 ribu orang Yahudi. Pertambahan Yahudi di Palestin pada tahun 1948 seramai 650 ribu orang kepada 4 juta 947 ribu orang di akhir tahun 2000 iaitu lebih kurang 38 % daripada jumlah keseluruhan orang-orang Yahudi di dunia.⁹¹

Mereka terasing sekian lama di pentas antarabangsa tetapi dapat kembali aktif setelah kejatuhan Soviet. Russia dan negara-negara Eropah Timur kembali membuka kedutaan-kedutaan mereka dan menjalinkan hubungan politik dan ekonomi dengan negara Israel. Kelemahan dunia Arab dan Islam semakin ketara terutamanya selepas Kuwait diduduki semasa perang Teluk (1990-1991), PLO menandatangani Perjanjian Oslo, bertindak mengadakan perjanjian damai dengan Zionis dan diikuti beberapa buah negara Arab yang menjalinkan hubungan perdagangan melalui kewujudan wakil kedua-dua pihak dan menjaga segala kepentingan mereka (Qatar, Oman dan Tunisia). Lebih daripada 50 negara di dunia telah menjalinkan hubungan diplomatik dan ekonomi dengan Zionis.

Program pembebasan Palestin oleh PLO yang telah ditarik balik dan sekatan ke atas perjuangan ketenteraan Palestin telah memberi sedikit kelegaan kepada Zionis seterusnya menggalakkan pertumbuhan ekonominya. Pendapatan purata kasar ialah daripada USD15.3 billion pada tahun 1983 kepada USD105.4 bilion pada tahun 2000 iaitu 7 kali ganda (689%) daripada hasil sumber kemasukan tempatan. Pertumbuhan ini tidak ada kaitan dengan sokongan bantuan Amerika dan pihak luar yang pernah membantu mereka pada tahun 1983 dengan menyuntik lebih kurang 25% daripada hasil sumber kemasukan tempatan. Pertumbuhan ini tidak melebihi 4% sekalipun mereka mendapat bantuan tanpa mengalami perubahan (lebih kurang USD4 bilion tahunan). Peningkatan pendapatan tahunan bagi setiap orang ialah USD18,300 pada tahun 2000 yang dianggap pendapatan

yang tertinggi di dunia. Pertambahan nilai eksport Israel daripada USD11.6 billion pada tahun 1990 kepada USD23.6 billion pada tahun 2000. Belanjawan bagi tahun 2000 mengikut simpanan dananya ialah sebanyak USD40 bilion manakala perbelanjaannya lebih kurang USD42.4 billion. Sumber dana ini lebih tinggi iaitu lebih kurang USD8 bilion daripada keseluruhan dana am negara-negara Arab iaitu Mesir, Syria, dan Lebanon.⁹²

Tentera Zionis mempunyai kelebihan dan keistimewaan yang meletakkan negara mereka dikatakan negara yang terkuat di Timur Tengah mengikut ukuran material. Mereka mempunyai tentera yang berkhidmat sepenuh masa mencapai bilangan seramai 178 ribu orang. Bilangan ini akan bertambah berkali ganda setelah digabungkan dalam masa 72 jam dengan pasukan simpanan yang terlatih dan mempunyai keupayaan yang tinggi seramai lebih kurang 700 ribu orang atau 1 juta orang mengikut kajian setengah-tengah pihak. Mereka mempunyai kepakaran yang tinggi mengenai selok belok cara penggunaan senjata-senjata biasa dan senjata pemusnah di mana mereka dapat memiliki senjata-senjata Amerika yang paling moden. Di samping itu, lebih kurang 200 buah syarikat Israel mempunyai pengalaman dalam pembuatan senjata di kilang-kilang senjata. Mereka juga mengadakan perjanjian kerjasama strategi dengan Amerika. Jaminan rasmi menyatakan bahawa kekuatan tentera Israel lebih tinggi berbanding dengan keseluruhan tentera Arab. Mereka memiliki lebih kurang 200 bom nuklear dan dianggap negara kelima terbesar di dunia yang mempunyai stok simpanan senjata. Mereka juga memperolehi kontrak penjualan senjata pada tahun 1999 yang mencapai nilai sebanyak USD 2000 juta.⁹³

Di samping kedudukan yang kukuh mereka juga menghadapi masalah-masalah yang begitu meruncing. Antaranya perpecahan dan pergeseran yang berlaku di kalangan parti-parti politik besar, di samping aduan yang diterima tentang tentera Israel yang tidak cergas,

kelemahan semangat juang dan sentiasa berusaha mengelak daripada terjun dalam perkhidmatan tentera serta perbuatan membunuh diri.

Masalah-masalah sosial yang melanda mereka ini agak tampak terserlah hasil perpecahan etnik dan agama di antara kumpulan al-Asykinaz dan al-Safardin, meningkat kadar perceraian dan penurunan kadar kelahiran. Sumber penghijrahan Yahudi di Rusia dan Eropah Timur telah berakhir sedangkan Yahudi Amerika dan Eropah Barat tidak prihatin dengan penghijrahan ini. Hal ini memberi pukulan kepada pelan perluasan Zionis dan negara Yahudi.

Di samping apa yang terjadi kepada mereka itu, kita tidak menutup mata daripada melihat hakikat kekuatan Zionis dan kepakaran tinggi mereka terutamanya jika dibandingkan perkara itu dengan situasi dalaman dunia Arab dan Islam yang rata-ratanya menghadapi pelbagai masalah yang besar dari segi politik, sosial dan ekonomi. Masalah-masalah yang dialami oleh Zionis tidak sampai ke tahap kronik yang boleh membawa keruntuhan dan kehilangannya. Oleh itu kita amat memerlukan satu pelan tindakan yang efisien berkenaan dengan kebangkitan Arab-Islam secara menyeluruh yang boleh menjadi cabaran kepada mereka.

Quds Dan Situasi kini:

Yahudi berjaya menduduki Quds Barat dalam perang 1948 sebanyak 84.1% daripada keluasan keseluruhan Quds. Mereka bertindak menukar hak milik tanah kawasan itu sebanyak lebih kurang 85% dengan membina taman-taman perumahan Yahudi di atas tanah milik rakyat Palestin dan di kawasan persekitaran kampung-kampung Arab yang di rampas seperti kampung "Latta" yang dibina di situ bangunan parlimen Israel "kneset" dan beberapa buah kementerian termasuk Ain karim, Deir Yasmi, Al-Malihah dan sebagainya.⁹⁴

Pada tahun 1967, Zionis menduduki sepenuhnya Quds Timur yang dianggap sebahagian daripada Tebing Barat yang terletak di situ

Masjid al-Aqsa. Semenjak itu bermulalah kempen fanatik untuk menukar milik tanah di Quds Timur kepada Yahudi. Mereka mengisytiharkan penyatuan kedua-dua Quds (Timur dan Barat) di bawah pentadbiran Israel pada 27 Jun 1967. Setelah itu mereka mengisytiharkan secara rasmi pada 30 Julai 1980 bahawa Quds menjadi ibu negeri mereka selama-lamanya di bawah rejim Zionis.⁹⁵

Fokus kepada Quds merupakan suatu masalah yang utama pada pemikiran Yahudi-Zionis yang tercerna daripada dimensi agama dan sejarah. Sebelum penubuhan Zionis lebih kurang 50 tahun yang lalu. Herzl berkata: “Apabila kita memperolehi bandar Quds, ketika itu aku masih hidup dan dapat melakukan sebarang kerja, maka aku akan menghilangkan segala sesuatu yang tidak di anggap suci oleh Yahudi dan aku akan membakar seluruh kesan-kesan peninggalan yang telah berkurun-kurun lamanya”.⁹⁶ Pengasas Zionis dan Perdana Menteri Israel pertama David Ben Gurion pula berkata “Tidak ada erti buat Israel tanpa Quds dan tiada erti buat Quds tanpa Haikal”.

Mereka bertindak meluaskan kawasan bandar Quds secara beransur-ansur hingga dapat bercantum dengan kawasan-kawasan lain di Tebing Barat yang matlamat akhinya akan menjadi milik Zionis. Proses menukar milik Quds menjadi milik Yahudi adalah di bawah perancangan program yang luas. Mereka meluaskan kawasan bandar ini daripada 6.5 km persegi pada tahun 1967 kepada 123 km persegi pada tahun 1990. Pelan Quds Besar yang mereka cita-citakan merangkumi kawasan seluas 840 km persegi iaitu lebih kurang 15% daripada keluasan Tebing Barat. Bandar Quds Timur pula mengandungi 11 buah taman perumahan Yahudi di persekitaran bandar lama yang termasuk Masjid al-Aqsa yang mempunyai bilangan penduduk yang mendiami kawasan ini lebih kurang 190 ribu orang Yahudi.

Manakala kawasan lain di sekitar Quds yang lebih luas terdapat 17 penempatan Yahudi yang cuba memisahkan Quds daripada

lingkungan penempatan Arab dan Islam. Secara tidak langsung cara ini diharap dapat melambatkan atau menggagalkan usaha ke arah proses damai dan menjadikan usaha untuk mengembalikan Quds atau Quds Timur ke pihak Palestin sebagai suatu usaha yang mustahil.⁹⁷

Bandar Quds di sebelah timur dan barat menempatkan lebih kurang 650 ribu orang mengikut perkiraan pada tahun 2000, 450 ribu orang Yahudi dan 200 ribu orang Arab (keseluruhannya orang Arab yang tinggal di Quds Timur). Dasar merampas dan menguasai yang dilakukan oleh rejim Zionis menyebabkan mereka dapat memerintah 86% daripada keluasan Quds. Hanya yang masih tinggal kepada rakyat Palestin 4% sahaja manakala 10% dilarang memanfaatkannya sebagai persediaan untuk pelan Yahudi seterusnya. Hal ini menunjukkan kepada kita sejauhmana bahayanya perancangan Yahudi untuk memiliki tanah Quds sedangkan tanah itu adalah milik rakyat. Palestin yang pernah memiliki 90% tanah Quds ketika Inggeris mula menjajah pada tahun 1918.⁹⁸

Kawasan suci “Masjid al-Aqsa” merupakan episod sedih yang meninggalkan banyak kenangan pahit. Selepas sahaja Yahudi menduduki Quds Timur, mereka bertindak memusnahkan kawasan di sebelah barat yang bertentangan dengan tembok sebelah barat Masjid al-Aqsa (tembok al-Buraq atau Yahudi menamakannya Tembok Menangis). Ia merupakan satu kawasan yang mengandungi 135 buah rumah dan 2 buah masjid. Mereka meratakan tanah di situ supaya menjadi satu kawasan lapang yang digunakan oleh Yahudi untuk melakukan ibadat sekalipun tempat itu adalah tanah wakaf kepunyaan Islam.

Yahudi mula berkempen secara fanatik untuk mengorek di bawah Masjid al-Aqsa dan persekitarannya. Mereka menumpukan kawasan yang terletak di sebelah barat dan selatan masjid untuk mencari sebarang bukti yang menyokong kewujudan Haikal. Tetapi sebaliknya mereka mendapati kesan peninggalan Islam yang jelas membuktikan

kewujudan identiti Islam di situ. Semenjak tahun 1967 hingga tahun 2000, proses mengorek telah melalui 10 peringkat yang dilakukan secara aktif tetapi berhati-hati dan tertutup. Mereka membina beberapa terowong di bawah Masjid al-Aqsa. Kerja ini berdepan dengan ancaman bahaya sewaktu proses mengeluarkan tanah-tanah dan batu-bata di bawah Masjid al-Aqsa dan Masjid Kubah. Penggunaan bahan-bahan kimia juga dilakukan dalam usaha untuk menghancurkan batu-bata tersebut. Situasi ini meletakkan al-Aqsa di bawah bahaya. Pada bila-bila masa sahaja keruntuhan boleh berlaku sama ada dengan faktor ribut taufan atau sedikit gegaran.

Pencerobohan ke atas Masjid al-Aqsa berlaku sebanyak 40 kali di antara tempoh 1967-1993. Sebanyak 72 kali lagi usaha pencerobohan ini telah dilakukan di antara tahun 1993-1998. Rundingan damai dan Perjanjian Oslo tidak memberi sebarang makna dalam usaha menghentikan pencerobohan ini. Laporan menunjukkan sebanyak 72 kali sepanjang tempoh 1993-1998, peningkatan hasil daripada kempen besar-besaran menentang salah satu tempat yang paling suci orang-orang Islam. Pencerobohan yang paling keji ialah operasi membakar Masjid al-Aqsa pada 21 Ogos 1969 dan tindakan untuk meledakkan Masjid al-Aqsa berlaku pada awal Mei 1980 dan pada bulan Januari, Ogos dan Disember tahun 1984. Pada 17 Oktober 1989, sekelompok Yahudi telah meletakkan batu asas untuk pembinaan Haikal Yahudi ketiga berhampiran dengan pintu masuk Masjid al-Aqsa.⁹⁹

Orang-orang Islam di Quds dan Palestin sentiasa menjaga dan memelihara al-Aqsa sekalipun mereka mengalami penderitaan di bawah penjajah. Mereka sanggup menyerahkan tubuh mereka dan bersenjatakan batu demi mempertahankan kehormatan al-Aqsa selepas kehilangan penolong mereka di kalangan dunia Arab dan Islam. Sebarang percubaan Yahudi untuk menceroboh pasti mendapat tindak balas daripada orang Islam yang menentang mereka hingga ke tahap melakukan pembunuhan beramai-ramai demi mempertahankan hak. Pada 8 Oktober 1990 seramai 34 orang terkorban sebagai

syuhada sementara itu seramai 115 orang yang lain mendapat kecederaan sewaktu kumpulan Yahudi bertindak meletakkan batu asas Haikal di Masjid al-Aqsa. Begitu juga berlaku pada 25-27 September 1996, rakyat Palestin bertindak balas kerana rejim Zionis membuka terowong di bawah tembok di sebelah barat Masjid al-Aqsa yang telah mengorbankan 62 orang Palestin dan seramai 1,600 orang mendapat kecederaan.¹⁰⁰

Berpuluh-puluh ketetapan antarabangsa telah di keluarkan oleh Bangsa Bangsa Bersatu dan Majlis Keselamatan yang menolak percantuman Zionis dengan Quds Timur dan sebarang proses berbentuk material atau pentadbiran atau perundangan mengubah realiti Quds akan dianggap terbatal. Ketetapan-ketetapan itu menganggap Zionis menggunakan cara kekerasan untuk menduduki secara haram kawasan tersebut maka kerana itu mereka perlu keluar daripada Quds (daripada Tebing Barat dan Semenanjung Gaza sepenuhnya).

Ketetapan yang paling awal keluar ialah pada 4 Julai 1967 daripada Liga Bangsa-Bangsa Bersatu di bawah ketetapan perkara 2253 di mana ketetapan ini memberi hak berterusan kepada Zionis hingga mereka dapat bercantum dengan Quds secara rasmi. Liga Bangsa-Bangsa Bersatu mengambil ketetapan perkara ES 712 pada 29 Julai 1980 dengan mendapat majoriti sebanyak 112 undi berbanding 7 undi dan 24 undi melarang. Mereka menyeru Israel menarik diri sepenuhnya dan tanpa syarat dari seluruh tanah Palestin yang diduduki termasuk Quds. Majlis Keselamatan pada 30 Jun 1980 telah memperolehi kelebihan 14 undi. Amerika menentang ketetapan itu dengan mengisytiharkan pembatalan segala proses yang diambil oleh Israel untuk mengubah situasi Quds sebagai penegasan betapa pentingnya menghentikan pendudukan Israel secara haram. Ketetapan ini masih berjalan hingga sekarang di samping mengiktiraf hak-hak rakyat Palestin yang sangat memerlukan kesungguhan dan

penggunaan segala alat yang wajib bagi memaksa Zionis menghormati ketetapan -ketetapan antarabangsa.¹⁰¹

Intifadhah Al-Aqsa: 28 Sept 2000- Sekarang (Mac 2001):

Baru saja kami selesai menyudahkan kajian ringkas ini, meletus pula intifadhah yang sekali gus menambahkan lagi dimensi baru kepada realiti Palestin, dunia Arab dan Islam yang lain. Di sini kami akan menunjukkan beberapa fakta yang penting sejajar dengan metode kami dalam kajian ini.

Penganas Ariel Sharon, Ketua Parti Likud telah melawat kawasan Masjid al-Aqsa pada 28 September 2000. Lwatan ini telah membawa kepada meletusnya intifadhah. Perdana Menteri Zionis Ehud Barak memberi sokongan padu terhadap lawatan itu di mana beliau menyediakan 600 orang tentera sebagai pengiringnya dan menyiapkan 3,000 orang tentera dan polis di Quds dan kawasan persekitarannya. Walaupun begitu orang-orang Islam tetap memutuskan untuk mempertahankan bumi al-Aqsa hingga mereka terbunuh sebagai syuhada iaitu seramai 5 orang dan lebih daripada 100 orang mendapat kecederaan dalam pertempuran pusingan pertama.

Ketegangan keadaan dan kehangatan permusuhan semakin ketara. Ini dapat kita lihat melalui beberapa faktor: rundingan damai sudah tertutup jalannya, kerakusan Zionis-Yahudi terserlah di Quds dan Masjid al-Aqsa, kedegilan Yahudi dalam isu pelarian, penempatan haram, di samping Zionis terus menerus merampas tanah dan meluaskan penempatan mereka. Mereka sama sekali tidak akan menarik balik atau mematuhi ketetapan antarabangsa yang menyentuh isu hak asasi manusia ini.

Barak nampak bahawa “satu-satunya penyelesaian yang jelas di ufuk langit ialah menolak keadaan kepada ledakan peperangan” sebagaimana beliau menyebut dalam pertemuan rahsia pada 25

Oktober 2000.¹⁰² Barangkali beliau mahu menampakkan sikap keras kepala agar diterima sebagai tokoh di kalangan masyarakat Zionis. Cara beliau untuk mendapatkan sokongan mereka ialah dengan menghentikan rundingan damai atau menyambung kembali rundingan ini dalam krisis-krisis berikutnya. Dalam waktu yang sama, mereka meneruskan usaha penghijrahan Yahudi, rampasan tanah dan penempatan haram sebagai untuk menambah tekanan kepada pihak berkuasa Palestin agar berputus asa dan akhirnya menggugurkan tuntutan dan menukar pendirian mereka.

Rejim Zionis menghadapi api kemarahan menyeluruh bukan sahaja daripada Palestin tetapi keseluruhan dunia Islam termasuklah di negara minoriti umat Islam. Allah s.w.t. telah membuka pekung perancangan Zionis dan tipu helah mereka. Al-Aqsa tampak masih terhindar daripada kekejaman dan pencerobohan kerana masih terdapat ribuan manusia yang sanggup menebus nyawa mereka demi bumi yang diberkati itu.

Terdapat beberapa hakikat mengenai Intifadha yang perlu diketahui. Antaranya:

Pertama: Jiwa umat Islam sentiasa hidup sekalipun mereka menghadapi ujian yang besar. Mereka memiliki jiwa yang tahan uji dan sentiasa bersedia untuk berjihad dan sanggup berkorban. Mereka keluar bersama dengan ribuan pejuang untuk melakukan demonstrasi besar-besaran. Keadaan ini tidak hanya berlaku di bumi Palestin tetapi di dunia Islam seluruhnya bermula dari bandar Rabat di sebelah barat hingga ke Jakarta di sebelah timur. Kesemuanya melaungkan satu slogan kerana Al-Aqsa, Quds dan Palestin, menuntut perjuangan jihad dan memberikan sumbangan dan sokongan padu. Ini merupakan saat yang manis dan menarik yang menggambarkan persaudaraan Islam dan kesatuan umat. Keadaan ini benar-benar menampakkan umat ini mempunyai keupayaan besar untuk merealisasikan kemenangan melalui jihad.

Kedua: Isu Palestin, buminya yang diberkati, kesuciannya dan al- Aqsa, merupakan isu sejagat yang mampu menyatukan orang-orang Islam terutamanya dalam menghadapi permusuhan mereka dengan Zionis. Isu ini adalah isu utama dunia Islam. Tidak ada isu yang boleh menyatukan mereka seperti mana isu ini.

Ketiga: Intifadhah menghadapi cabaran yang getir dalam usaha menentang pelan perdamaian atau mengadakan semula hubungan dengan musuh. Sebaliknya, mengenengahkan jihad sebagai pilihan yang lebih ideal.

Keempat: Intifadhah berjaya mempengaruhi cara berfikir orang ramai dan gaya hidup mereka seharian. Mereka menentang perancangan Zionis dan Amerika di samping mengukuhkan ruh jihad dan saling berkerjasama di antara satu sama lain. Rakyat sentiasa memberi respon positif dengan kempen memulau barangan Amerika dan Israel hingga berjuta orang mengubah cara dan gaya hidup mereka dari segi makanan dan minuman, pakaian, penggunaan kenderaan, hubungan komunikasi dan pilihan hiburan mereka. Ia merupakan madrasah tarbawi sosial rakyat. Untuk sampai ke tahap kesedaran ini, barangkali Gerakan Pembaharuan memerlukan masa beberapa tahun. Sebagai contoh, penurunan nisbah 80 % secara mendadak kedai jualan makanan segera MacDonalds & KFC di Arab Saudi dan minuman pepsi-cola dengan nisbah 46% di Mesir. Orang ramai mula mengalih perhatian kepada makanan dan minuman tempatan hingga syarikat-syarikat asing terpaksa mengiklankan tentang kedudukan mereka yang tidak mempunyai kaitan dengan rejim Zionis bahkan mereka pula menawarkan diri untuk memberi sumbangan kepada mangsa korban intifadhah. Sebagaimana berlaku kepada restoran Macdonalds yang telah menyumbangkan riyal saudi bagi setiap satu pakej makanan untuk mengubati mereka yang mendapat kecederaan intifadhah.¹⁰³

Kelima: Proses damai dianggap sebagai satu usaha yang sia-sia. Apa yang pasti rakyat Palestin, dan dunia Islam seluruhnya akan sentiasa menolak pengguguran hak-hak mereka di bumi yang suci itu.

Keenam: Intifadha memberi kesedaran kepada kepentingan media massa seperti stesyen TV dan email, dalam usaha untuk mendedahkan prejudis Zionis dan sekutunya serta untuk meraih sokongan kepada isu Palestin.

Dari aspek lain pula, kelainan intifada ini dapat dilihat dari penglibatan rakyat secara meluas di seluruh pelusuk Palestin yang diduduki secara haram dan juga penglibatan seluruh aliran dan pertubuhan-pertubuhan Palestin. Kesemua mereka berusaha keras untuk mengekang keganasan Zionis yang terus menerus melakukan pembunuhan ke atas kanak-kanak, jiwa-jiwa yang tidak berdosa dan penggunaan senjata-senjata yang dilarang oleh antarabangsa. Ini juga dapat mendedahkan tembelang mereka yang berselindung di sebalik teori keamanan 'Zionis' tetapi mereka sebenarnya bertujuan untuk melenyapkan intifadhah yang diberkati.

Bilangan mereka yang terkorban syahid hingga pertengahan Mac 2001 adalah seramai 420 orang dan 20 ribu orang mendapat kecederaan. Manakala beratus-ratus penempatan Palestin dan berpuluh-puluh ribu pokok terdedah kepada pengeboman dan kehancuran. Terdapat 13 orang terbunuh di kawasan yang diduduki oleh Zionis secara haram pada tahun 1948 yang memberi kesan yang kuat kepada saudara mereka yang berada di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza. Keadaan ini menyebabkan Israel bertindak mengepung kawasan yang didiami rakyat Palestin yang mengakibatkan kegiatan ekonomi Palestin terbantut dan mengalami kerugian yang teruk. Mengikut perkiraan Jabatan Koordinator di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bahawa nilai kerugian harian kepada ekonomi Palestin mencapai USD8 juta sehari (USD505 juta sekitar 60 hari), pembuangan kerja seramai 190 ribu orang

ditambah dengan jumlah seramai 70 ribu orang yang menganggur sebelum intifada menjadikan jumlah keseluruhan mereka yang kehilangan pekerjaan lebih kurang 260 ribu orang. Perkiraan bilangan keluarga yang melarat terus meningkat kepada 1 juta 270 ribu orang iaitu lebih kurang 45.5% daripada bilangan penduduk Tebing Barat dan Semenanjung Gaza.¹⁰⁴

Mengikut anggaran Pertubuhan Buruh Arab kerugian rakyat Palestin adalah lebih kurang USD19 juta sehari. Dalam sektor buruh mereka mengalami kerugian sebanyak USD6.6 juta, manakala di sektor perniagaan USD5.5 juta, industri USD3.3 juta dan pertanian USD3.2 juta.¹⁰⁵

Rejim Zionis menembak dengan niat sengaja membunuh bukannya untuk menyuraikan demonstrasi atau sekadar menghadapi balingan batu kumpulan intifadhah. Laporan menyebut bahawa 65% daripada mereka yang tercedera adalah mereka yang terkena di bahagian atas tubuh iaitu di kepala, leher, dada dan perut, 40% pula kerana terkena senjata yang terlarang oleh pihak antarabangsa. Nisbah 40% daripada kadar mereka yang tercedera terdiri daripada kalangan 106 pemuda dan kanak-kanak berumur 18 tahun ke bawah.¹⁰⁶ Zionis juga melakukan tindakan membunuh secara senyap (walaupun mereka mampu menangkap) beberapa pemimpin pertubuhan Palestin khususnya daripada kumpulan HAMAS dan Fatah dengan cara yang biasa dilakukan oleh puak Barbarian. Ini telah mendedahkan wajah sebenar penipu rejim Zionis yang mendakwa mereka bertamadun dan mengamalkan demokrasi.

Di samping itu, berbagai cara sekatan digunakan tetapi tidak berjaya untuk mengekang intifadhah. Mereka mengambil stail ketenteraan yang akan menambah kekuatan apabila kejadian bertambah buruk. Laporan Israel menyebut bahawa terdapat 50-70 operasi sehari yang dilakukan untuk menentang objektif Yahudi. Rejim Zionis menyekat media massa daripada menyiarkan sebarang

berita kecuali peristiwa yang sudah diketahui ramai. Mereka akan menyembunyikan angka sebenar dan meletakkan angka paling minima bagi menjaga spiritual dan semangat masyarakat Zionis untuk menyamarakan lagi semangat tentera Zionis dan melemahkan semangat umat Islam dari menyokong perjuangan Palestin.

Berbagai kumpulan Palestin turut sama terlibat dalam operasi ala ketenteraan termasuklah penglibatan gerakan HAMAS. HAMAS merupakan gerakan yang paling menonjol terutama dari aspek kualiti, ketepatan dan kesan. Dua contoh utama operasi HAMAS; pertama pada 7 November 2000 yang berjaya menghancurkan dan menenggelamkan kapal penceroboh Israel dan Operasi “Hudhairah” pada 22 November 2000 yang telah mengorbankan 21 orang Zionis dan seramai 65 orang pula mendapat kecederaan. Pembunuhan Benyamin Kahana, ketua gerakan “Kakh” Zionis pelampau pada 3 Disember 2000, letupan dua buah kereta kebal dari jarak jauh pada bulan Januari 2001 dan operasi berani mati di Natania pada 4 Mac 2001 yang mengakibatkan 8 orang terbunuh manakala 23 orang lain mendapat kecederaan, semuanya membuktikan kehebatan HAMAS dalam melancarkan operasinya.

Al-Jihad Al-Islami dan gerakan Fatah pula mengambil pendekatan yang berbeza dalam melaksanakan operasi masing-masing. Mengikut pengakuan rejim Zionis, operasi yang dilakukan selama lima bulan telah mengakibatkan terbunuh seramai 70 orang Zionis manakala seramai 750 orang pula mendapat kecederaan. Keadaan ini menyebabkan rejim Zionis hilang pertimbangan. Kadar kematian tahunan yang dialami oleh mereka sekitar 20-30 orang yang terbunuh. Faktor inilah yang menyebabkan mereka mengundurkan tentera dari selatan Lubnan.

Intifadhah dianggap sebagai penyumbang kepada kekalahan teruk Kerajaan Parti Buruh pimpinan Ehud Barak dalam pilihanraya memilih kerusi Perdana Menteri Israel yang baru pada 6 Februari

2001. Masyarakat Zionis dikatakan telah memilih tokoh Zionis yang lebih kejam dan ekstrim iaitu Erial Sharon dari Parti Likud.

Perasaan masyarakat Zionis sudah tidak merasai tenteram lagi. Mereka bertindak menjauhkan diri daripada menaiki sebarang kenderaan awam dan mengurangkan membeli belah di tempat awam. Ini kerana mereka ingin mengelak menjadi mangsa letupan bom bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Impian mereka yang besar ialah menguasai orang-orang Arab dan Islam. Ini secara tidak langsung menggagalkan usaha ke arah perdamaian dan meningkatkan lagi tembok permusuhan. Yang terbaru, dunia sekali lagi dipaparkan dengan kekejaman rejim Zionis dengan pembunuhan kanak-kanak lelaki Muhammad al-Durrah.

Intifadha juga mengakibatkan ekonomi Zionis merudum. Sebagai contoh, di bidang perlancungan, mereka telah mengalami kerugian 1 bilion dollar, penurunan hasil tempatan Israel kepada 9.8% selepas catatan pertumbuhannya lebih kurang 9% di sekitar suku ketiga bagi tahun 2000. Mereka juga mengalami penurunan kadar belanjawan perdagangan kepada kadar 31% dan kekurangan defisit pada bulan Oktober 2000 sahaja lebih kurang USD486 juta.¹⁰⁷

PENILAIAN DAN KESIMPULAN

Di akhir kajian ringkas ini, kami akan meletakkan beberapa kesimpulan penting dan penilaian kami terhadap isu Palestin:

1. Tanah Palestin merupakan tanah suci dan diberkati. Penduduk asal yang mendiami tanah ini ialah kabilah Kan'an semenjak hampir 4,500 tahun yang lampau. Kemudian mereka bercampur dengan orang-orang Palestin dan kabilah-kabilah Arab yang lain. Selepas pembukaan Islam pada tahun 15H (636), mereka memeluk agama Islam. Bahasa pertuturan mereka bertukar menjadi bahasa Arab dan Palestin kekal dalam jangkamasa yang panjang berada di bawah pemerintahan Islam.
2. Bani Israel pernah memerintah di beberapa kawasan Palestin selama 4 kurun. Selepas itu mereka mulai menyeleweng dari agama, kufur dan membunuh para Anbiya' hingga Allah murka kepada mereka lalu menarik hak "legal" ke atas tanah Palestin. Allah mewariskan tanah ini kepada umat Islam yang berpandu kepada ajaran Tauhid dan mengikuti para Anbiya' yang membawa kebenaran ini. Hubungan Yahudi terputus dengan Palestin semenjak 1,800 tahun lamanya (135 M hingga kurun ke-20M) tanpa kewujudan aktiviti politik, tamadun dan kepimpinan di tanah yang di berkati ini.
3. Pelbagai faktor terbabit yang mempengaruhi kemunculan gerakan Zionisme dan penubuhan negara Israel. Antaranya adanya sokongan penganut Kristian di Eropah khususnya Protestant, ideologi nasionalisme, timbulnya permasalahan Yahudi di Eropah Timur dan meluasnya pengaruh Yahudi di peringkat kerajaan dan swasta di Eropah dan Amerika Syarikat.
4. Idea "Negara Kawalan" wujud di Palestin dengan sokongan penjajah barat terutamanya Inggeris supaya menjadi wakil puak Salib dan Zionis yang bakal membawa padah ke tengah dunia

Islam. Mereka mempunyai motif untuk menyekat dan melemahkan kesatuan dunia Islam, mengekalkan mereka dalam keadaan bergeseran sehingga lemah untuk bangkit semula di samping menjadi pengikut setia kepada kuasa-kuasa besar. Mereka juga bermatlamat untuk menghalang kewujudan kekuatan Islam yang bakal menggantikan kerajaan Uthmaniah yang telah dihapuskan.

5. Barat telah memberikan sepenuh perlindungan kepada perancangan Zionis. Pertamanya, Inggeris menduduki Palestin (1918-1948) hingga perancangan Zionis mulai mencapai hasil.. Kemudian Amerika Syarikat menjadi sandaran utama dan pelindung kuat kepada pelan Zionis setelah tamat Perang Dunia ke-2 pada tahun iaitu semenjak 1945 hingga kini dengan perlindungan tentera dan politik serta hak legal antarabangsa.
6. Ingin saya tegaskan di sini, sesungguhnya orang-orang Islam tidak berperang dengan bangsa Yahudi atas sebab agama semata-mata. Andai dikaji dari sudut sejarah sekali pun jelas dapat disaksikan hubungan di antara orang Islam dengan Ahli Kitab atau Ahli Zimmah berjalan dengan baik yang berdasarkan kepada prinsip keadilan dan toleransi, Mereka berhak menikmati kebebasan beragama dan hak sebagai seorang warga di bawah pemerintahan Islam. Sesungguhnya apa yang diketahui sebagai “masalah Yahudi” dan sentimen “anti-Yahudi” bermula dan bersemarak di bumi Eropah. Dunia Islam tidak terlibat langsung dengan permasalahan ini, malahan telah memberi perlindungan yang sewajarnya kepada bangsa Yahudi daripada sentimen perkauman dan kefanatikan bangsa-Eropah yang melulu itu. Sesungguhnya orang Islam menentang dan memerangi bangsa Yahudi kerana mereka telah bertindak zalim dengan merampas tanah Palestin, mengusir keluar penduduknya dan mencemar tempat-tempat suci mereka di bumi Palestin itu. Justeru orang Islam merasakan wajar dan legal untuk mereka berjuang

mempertahankan hak dan maruah mereka biar dari bangsa dan agama apa sekali pun musuh mereka itu.

7. Dunia Arab dan Islam berkeadaan lemah akibat dijajah pada pertengahan kurun ke-20 yang memudahkan kewujudan rejim Zionis. Negara-negara kecil yang mempunyai kuasa berasingan timbul selepas itu masih lagi dalam keadaan berpecah belah hingga mereka terbahagi kepada 55 negara. Mereka menerima sistem pemerintahan yang diimport daripada bukan Islam. Hal ini menjadi punca kepada kegagalan untuk membangunkan potensi ummah dalam menghadapi bahaya Zionis yang mengancam dunia Islam. Mereka juga gagal dalam membangunkan bidang ekonomi dan teknologi serta menyelesaikan pelbagai masalah rakyatnya di samping terjadi pemusuhan sesama mereka kerana amalan politik kotor dan kewujudan pemerintahan tentera.
8. Hak “Legal Antarabangsa” sama ada Liga Bangsa-Bangsa atau Bangsa-Bangsa Bersatu yang digunakan oleh kuasa-kuasa besar sebagai alat untuk melaksanakan perancangan dan kepentingan mereka di samping penguasaan ke atas sesuatu negara di atas dasar tersebut. Contohnya, pembentukan negara Zionis di Palestin, mengukuh kewujudannya dan mendapat hak “legal” oleh tempatan dan antarabangsa. Mana-mana ketetapan antarabangsa yang menyokong hak Palestin, mereka tidak mengendahkan atau menggugurkannya. Sebenarnya isu ini mendedahkan wajah mereka yang buruk di belakang kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan sebagainya.
9. Kewujudan Yahudi-Zionis boleh mengancam dunia Islam keseluruhannya. Pada akhir kurun ke-20, jumlah bilangan mereka mencapai 5 juta orang Yahudi. Mengikut ukuran material, kekuatan tentera mereka boleh mengalahkan kekuatan tentera seluruh negara Arab. Zionis memiliki lebih kurang 200

bom nuklear yang boleh menghancurkan segala ibu negeri dan bandar-bandar dunia Islam. Mereka juga berusaha secara berterusan untuk mengekalkan dunia Islam dalam keadaan lemah kerana ia adalah cara yang terbaik untuk mengekalkan kewujudannya. Sokongan material dan latihan ketenteraan kepada puak pemberontak di selatan Sudan, menghancurkan pusat nuklear Iraq pada tahun 1981 dan percubaan untuk memusnahkan pusat nuklear Pakistan di samping peranan pengintip-pengintip mereka dan pembawa gejala negatif di Mesir, dan Lubnan. Kesemua ini merupakan contoh ancaman yang dibawa oleh Zionis dan sekutunya.

10. Penentangan Palestin terhadap Inggeris dan perancangan Zionis (1917-1948) adalah berdasarkan prinsip dan keikhlasan. Pengorbanan rakyat Palestin sangat besar contohnya dalam Demonstrasi besar (1936-1939). Namun pakatan antarabangsa dan kekuatan kuasa-kuasa besar sering melemahkan perjuangan mereka.
11. Melalui pengorbanan dan perjuangan yang besar oleh rakyat Palestin dan PLO mereka berjaya mempertahankan identiti mereka dan mendapatkan pengiktirafan antarabangsa terhadap hak dan perjuangan mereka. Namun, perjuangan rakyat Palestin jelas mempunyai beberapa kelemahan yang menghalang mereka dari mencapai objektif sebenar secara menyeluruh. Di antara kelemahan mereka ialah:
 - a. **Masalah ideologi:** Ideologi sekular menjadi pilihan perjuangan mereka yang bercampur di antara patriotisme, nasionalisme dan radikalisme. Kecenderungan mereka kepada ideologi sekular ini menyebabkan tersisihnya manhaj Islam yang sepatutnya menjadi sandaran utama mereka dalam mencari kesatuan dan kekuatan. Berdasarkan prinsip sekular ini PLO sentiasa memberi respon dan

kompromi kepada sebarang tekanan. Beberapa prinsip dan hak-hak asasi rakyat Palestin telah dikompromikan daripada hak membebaskan Palestin dan menghalau penceroboh hingga pembentukan negara sekular-demokratik yang terdiri dari negara Palestin dan rejim Zionis dan membawa kepada pengiktirafan hak Zionis sebanyak 77% dari tanah Palestin dan bersetuju untuk mewujudkan Kerajaan Autonomi di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza.

- b. **Kepimpinan yang lemah:** Kepimpinan politik masih belum mencapai perpaduan yang membanggakan. Mereka mengalami keperitan kerana perbezaan objektif, kecenderungan negara-negara Arab dan antarabangsa kepada isu lain serta tidak menghormati kepimpinan institusi. Kepimpinan Fatah dan PLO berkeupayaan untuk mengumpul segala kekuasaan di tangan mereka, memegang segala keputusan politik dan belanjawan kewangan di samping mengawal pasukan keselamatan dan ketenteraan. Kepimpinan PLO misalnya banyak bergantung kepada seorang individu “Al-Zaim”, Arafat. Segala keputusannya dianggap muktamad dan tidak boleh dipertikaikan. Secara tidak langsung menyebabkan berlakunya pilih kasih dan nepotisme serta perpecahan dari dalam. Keadaan ini jelas akan melumpuhkan gerakan tanpa ada usaha kolektif dan musyawarah.
- c. **Institusi Yang Kabur:** Kepimpinan Palestin tampak lemah dari sudut pelaksanaan kerja-kerja institusi mereka. Sebagai contoh, Majlis Kebangsaan Palestin tidak berperanan sewajarnya dalam pentadbiran. Begitu juga beberapa institusi lain seperti tabung kebangsaan, pusat kajian, yayasan menyelia syuhada, jabatan perancangan dan sebagainya. Dengan peredaran masa aktiviti institusi Inereka berada di bawah telunjuk pihak-pihak tertentu

hingga hak penentuan nasib Palestin ditentukan oleh pihak tersebut. Ini merupakan isu paling besar yang perlu dihadapi oleh dunia Arab dan Islam dalam realiti kini.

- d. Perjuangan rakyat Palestin mengalami penderitaan hasil dari pergeseran sengit dengan PLO yang cuba mendisipilkan mereka dan sering bertindak sebagai jurucakap mereka. Ini merupakan faktor yang banyak melemahkan perjuangan mereka, memusnahkan potensi mereka dan menghalang perjuangan bersenjata yang akhirnya membatasi aktiviti perjuangan mereka.
12. Aliran Islam telah memainkan peranan utama dalam operasi jihad menentang perancangan Yahudi dan sekutunya. Perjuangan rakyat Palestin sekitar tahun 1920-1939 adalah melalui pendekatan Islam. Gerakan Jihad yang lahir di bawah kepimpinan Syeikh Qassam telah mengemukakan contoh yang menarik mengenai penentangan dan perjuangan jihad. Begitu juga dengan kemunculan Gerakan “Al-Jihad Al-Muqaddas” yang diketuai oleh Abdul Kadir al-Husaini. Kedua-dua gerakan ini bersama Ikhwanul Muslimin memainkan peranan besar dalam memimpin rakyat dalam peperangan (1947-1948). Apabila gerakan Fatah (bekas didikan Ikhwanul Muslimin) mengambil pendekatan sekular kebangsaan, maka Ikhwanul Muslimin selepas itu terlibat dalam “Muaskar al-Syuyukh.” Mereka juga menubuhkan gerakan perjuangan Islam HAMAS pada tahun 1987 sebagai mewakili perjuangan bersenjata Palestin yang menolak segala penguguran hak tanah Palestin.
 13. Aliran Islam jelas berjaya dalam misi dan operasi jihadnya tetapi masih belum mampu menguasai tampuk kepimpinan Palestin. Aliran ini sentiasa mengalami penderitaan dengan percubaan menghapuskan mereka dan menimbulkan prejudis bahawa mereka tidak berpihak kepada perjuangan Palestin,

dunia Arab dan Antarabangsa. Hakikatnya, mereka sentiasa mewakili setiap denyutan jantung umat ini. Hari ini terdapat beberapa tindakan segera yang perlu mereka laksanakan dalam meneruskan perjuangan mereka;

- Menggariskan pelan tindakan jangka pendek dan Panjang untuk menghadapi cabaran Zionis dan membebaskan Palestin.
- Meluaskan perjuangan mereka ke luar yang bukan hanya terbatas kepada penduduk tempatan dan dalam lingkungan kebangsaan Arab tetapi meliputi seluruh orang-orang Islam di dunia di samping melengkapkan mereka dengan alat-alat dan cara-cara yang sesuai untuk merealisasikan misi tersebut.
- Memperkembangkan institusi-institusi gerakan mereka, memperbaiki kepimpinan dan menubuhkan generasi pelapis dan memperbaiki sistem perwarisan agar proses pemindahan kuasa dijalankan dengan cara yang sebenar.
- Memahami penderitaan rakyat dan memberi khidmat bakti di samping meresap masuk ke tengah-tengah mereka sebagai agen perubah agar mereka benar-benar faham dan sedar bahawa Yahudi-Zionis adalah musuh utama dalam kehidupan harian mereka.
- Mengekalkan roh perjuangan jihad dan menyuarakan hak pengembalian semula segala hak-hak Palestin sekalipun memerlukan pengorbanan yang besar. Dalam hal ini mereka boleh mengambil iktibar daripada perjuangan Islam di selatan Lubnan yang begitu memberangsangkan sehingga rejim Zionis terpaksa menarik keluar tentera-tentera mereka tanpa syarat selepas 22 tahun mereka mendudukinya secara haram.

14. Orang-orang Islam sepatutnya mempunyai keyakinan terhadap pertolongan Allah dalam usaha menghancurkan segala perancangan Yahudi-Zionis sekalipun mereka terpaksa menempuh masa yang begitu panjang. Ini merupakan janji-janji Allah yang terdapat di permulaan surah al-Isra;¹⁰⁸

فَإِذَا جَاءَ وَعْدُ الْآخِرَةِ لِيَسْتَوُوا وُجُوهَكُمْ وَلِيَدْخُلُوا
الْمَسْجِدَ كَمَا دَخَلُوهُ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَلِيُتَبَرُوا مَا عَلِمُوا
تَنْبِيْرًا

Maksudnya:

“Oleh itu apabila sampai masa janji (membalas perbuatan derhaka kamu) kali kedua, kami datangkan musuh-musuh kamu untuk menyuramkan muka kamu dengan penghinaan dan keganasannya dan untuk memasuki masjid (baitulmaqdis) sebagaimana mereka telah memasukinya pada kali yang pertama, dan untuk menghancurkan apa sahaja yang mereka telah kuasai dengan sehancur-hancurnya.”

Hadis riwayat Imam Muslim dan Imam Ahmad bermaksud: “Tidak terjadinya kiamat hinggalah orang-orang Islam memerangi Yahudi maka orang-orang Islam akan membunuhnya hingga mereka (Yahudi) bersembunyi di sebalik batu dan pokok maka berkatalah batu atau pokok: Wahai Muslim! wahai Abdullah! Orang Yahudi ini berada di belakangku maka marilah lalu membunuhnya kecuali yang berlindung di belakang pokok “gharqad” maka ia adalah pokok orang- orang Yahudi”.

Hadis ini amat dipercayai oleh bangsa Yahudi sehingga mereka berusaha menanam pokok 'gharqad' secara besar-besaran di sekitar bumi Palestin. Sebagai orang Islam kita perlu meyakini janji-janji Allah ini dan perlu bersiap-sedia dan berusaha untuk merealisasikaninya.

NOTA AKHIR

Bab 1

¹ Untuk keterangan lanjut tentang sejarah Palestin lama, sila lihat sebagai contoh : Mohd Adib Al- 'Amiri, *'Urubah Filastin Fi Al-Tarikh* (Saida, Beirut : Maktabah 'Asriah, 1972), *Al-Mausu'ah Al-Filastiniah*, penyelia oleh Ahmad Al-Mara'syali (Damsyik: Haiah al-Mausu'iah al-Filastiniah, 1984) jilid 1, hal.. 37, jilid 3, hal.. 273-279 dan jilid 4, hal.. 174.

² Sila lihat: *Al-Mausu'ah Al-Filastiniah*, jil.. 1, hal.. 117-129.

³ Surah Al-Maidah: Ayat 21

⁴ Surah Al-Isra': Ayat 1

⁵ Surah Al-Anbia': Ayat 80

⁶ Hadis riwayat Imam Al-Bukhari, Imam Muslim, Ibnu Majah dan Abu Daud.

⁷ Hadis riwayat Al-Tabrani : Martabat hasan.

⁸ Hadis sahih, riwayat Imam Ahmad di dalam Musnadnya dan Ibnu Majah di dalam Sunannya.

⁹ Hadis sahih, riwayat Imam Al-Tabrani.

¹⁰ Hadis sahih, dikeluarkan oleh Imam Al-Hakim dan Abu Nu'aim di dalam "*Al-Hilyah*"

¹¹ Hadis riwayat Al-Tabrani. Komentor Al-Haithami : Terdapat seorang perawi yang bernama Arthoah bin al-Munzir. Perawi-perawi yang lain adalah thiqah.

¹² Imam Ahmad juga mengeluarkan hadis ini dengan makna yang sama. Teksnya: "*Sentiasa ada kumpulan di kalangan umatku yang berada di atas kebenaran yang menyerlahkan kekuatan di hadapan musuh mereka, tidak seorang pun yang boleh memudaratkan mereka kecuali apa yang mengenai mereka hingga Allah s.w.t. mendatangkan urusannya sedangkan mereka berada di dalam keadaan demikian. Mereka bertanya : Ya Rasulullah ! Di mana mereka ? Jawab Baginda s.a.w.: Di Baitul Maqdis dan persekitarannya.*" Para perawinya thiqah kecuali seorang perawi bernama Mahdi bin Jaafar al-Ramli tetapi Ibnu Hibban dan Yahya bin Ma'in meletakkan sebagai perawi thiqah. Hanya Imam Al-Bukhari menghukum beliau sebagai perawi yang lemah.

¹³ Sila lihat: *Al-Mausu'ah Al-Filastiniah*, jil.. 3 / hal.. 271-279 dan hal.. 666 - 670.

¹⁴ Surah Al-Maidah: Ayat 24

¹⁵ Sila lihat mengenai sejarah bani Israel lama yang ditunjukkan dalam perenggan lepas : Zaufarul Islam Khan, *Tarikh Filastin Al-Qadim (1220 S.M - 1359 M): Munzu Awwal Ghazwi Yahudi Hatta Akhir Ghazwi Solibi*, cetakan

ke-4 (Beirut: Dar Nafais, 1984), *Al-Mausu'ah Al-Filastiniah*, jilid 1, hal.. 238, jilid 3, hal.. 184 -186 dan 2366-268 dan jilid 4, hal.. 216-218.

¹⁶ Sila lihat perbincangan mengenai sahabat, tabien dan tokoh-tokoh Islam yang lain yang tinggal di Palestin : Dhia'uddin Muhamad Al-Maqdisi, *Fadhail Baitul Muqaddis*, semakan oleh Mohd Muti' Hafiz, *Silsilah Fadhail Syam* no. 2 (Damsyik:Dar Al- Fikr, 1985), hal.. 90-92. Mustafa Murad Ad-Dhabbagh, *Al-Qabail Al-Arabiah Wasalailuha Fi Biladina Palestin* (Beirut:Dar Al-Tali'ah, 1979), hal.. 47-48, hal.. 111-113, hal.. 138-140 dan hal.. 188 dan Mustafa Murad Ad-Dhabbagh, *Min Huna Wa Hunak*, hal.. 80-83 dan hal.. 112.

¹⁷ Surah Al-Imran: Ayat 67-68.

¹⁸ Surah Al-Baqarah: Ayat 132.

¹⁹ Surah Al-Baqarah: Ayat 124.

²⁰ Sila lihat berkenaan Yahudi Al-Khazar : Asma' Fa'ur, *Filastin Wa Al-Maza'im Al-Yahudiah* (Beirut: Dar Ummah, 1995), hal.. 235-241.

²¹ Sila lihat perbincangan di sekitar tajuk ini: Regina As-Syarif, *As-Sahyuniah Gair Al-Yahudiah Juzuruha Fi Tarikh Al-Gharbi*, Penterjemah oleh Ahmad Abdullah Abdul Aziz, *Silsilah Alam Ma'rifah*, nombor 96 (Al-Kuwait: Al-Majlis Al-Watani Li-Thaqafah Wa Al-Funun Wa Al-Adab, Disember 1985).

²² Sila lihat perbincangan di sekitar tajuk ini: Abdul wahab Al-Masiri, *Aidologiah Al-Sahyuniah*, *Silsilah Alam Ma'rifah*, nombor 60-61 (Al-Kuwait: Al-Majlis Al-Watani Li Al-Thaqafah Wa Al-Funun Wa Al-Adab, Disember 1982-Januari 1983), jilid 1 / hal.. 89-116. As'ad Abdul Rahman, *Al-Munazzamah As-Sahyuniah Al-Alamiah 1882-1982* (Beirut: Al-Muassasah Al-Arabiah li Dirasat Wa Nasyr, 1990), hal.. 23-26.

²³ Sila lihat: *Malaf Wathaiq Filastin*, susunan oleh Wizarah Al-Irsyad Al-Qaumi, *Haiah Al-Ammah Li Al-Isti'lamat* (Kaherah: Haiah Al-Ammah Li Al-Isti'lamat, 1969), jilid 1/ hal.. 121.

²⁴ Sila lihat: Regina As-Sharif, *Ibid*, hal.. 106-110, *Al-Mausu'ah Al-Filastiniah*, jilid 2 / hal.. 279.

²⁵ Albert Hyamson, *Palestine Under The Mandate 1920-1948M* (Great Inggeris: Methuen, 1950), p.7.

²⁶ Sila lihat: Regina As-Sharif, *Ibid*, hal.. 79-81, As'ad Abdul Rahman, *Ibid*, hal.. 27-30.

²⁷ Hasan Hallaq, *Mauqif Al-Daulah Al-Uthmaniah Min Al-Harakah Al-Sihyuniah 1897-1909*, jilid 2 (Beirut: Al-Darul Jami'iyah Li-Al-Tiba'ah Wa Al-Nasyr, 1980), hal.. 82-84.

²⁸ Samir Ayub, *Wathaiq Asasih Fi Al-Sira' Al-Arabi Al-Sihyuni* (Beirut: Dar Al- Hadathah Li Al-Tiba'ah Wa Al-Nasyr, 1984), Jilid 1, hal.. 280.

²⁹ Sila lihat: Hasan Hallaq, *Ibid*, hal.. 101-105.

³⁰ Sila lihat: Walim Fahmi, *Al-Hijrah Al-Yahudiah Ila Filastin* (Mesir:Al-Haijah Al-Masriah Al-Ammah Li Al-Kitab, 1974), hal.. 36. Mengikut sumber rujukan lain menganggarkan bilangan angka Yahudi yang masuk ke Palestin di antara tahun 1882-1914 lebih kurang 55-70 ribu orang, sila lihat: *Dalil Israel Al-Am*, tulisan Sobri Haris dan Ahmad Khalifah (Beirut: Muassasah Al-Dirasat Al-Filastiniah, 1996) hal.. 40.

³¹ Samir Ayub, *Ibid*, jilid 1, hal.. 128.

³² Sila lihat: Salih Abu Yasir, *Jihad Sya'bi Filastin Khilal Nisfi Qarni* (Beirut:Dar Al-Fath:1970), hal.. 33.

³³ Ijaj Nuwaihith, *Rijal Min Filastin* (Beirut: Mansurat Filastin Al-Muhtallah, 1980), hal.. 326-327.

³⁴ Sila lihat di sekitar tajuk ini: Abdul Wahab Al-Kayali, *Tarikh Filastin Al-Hadith*, jilid 9 (Beirut: Al-Muassasah Al-Arabiah Li Al-Dirasat Wa Al-Nasyr, 1985), hal.37-67.

³⁵ Di sekitar perundingan dan perjanjian Inggeris dengan Syarif Husain, Perancis dan Pertubuhan Zionis Antarabangsa, sila lihat: *Ibid*, hal.. 72-84. Dan juga: Geroge Antonius, *The Arab Awakening* (London:Hamish Hamilton, 1955) pp.260-272.

Bab 2

³⁶ Amil Ghuri, *Filastin Abra Sittin Am* (Beirut, Dar Al-Nahr Li Al-Nasyr, 1972), hal.. 28-30.

³⁷ Bilangan Arab lebih kurang 610 ribu manakala Yahudi pula 50-55 ribu.

³⁸ Sila lihat maklumat tambahan terperinci mengenai perkembangan pelan Zionis dalam: Muhamad Salamah An-Nahal, *Siasah Al-Intidab Al-Britani Haula Aradhi Filastin Al-Arabiah*, jilid 2 (Beirut : Mansyurat Filastin Al-Muhtallah, 1981), dan *Harb Al-Filastin 1947-1948* (Ar-Riwayah Ar-Rasmiah) terjemahan Ahmad Khalifah (Cyprus Muassasah Ad-Dirasat Al-Filastiniah, 1948), hal.. 18 dan 26. Saleh Abu Yasir, *Ibid*, hal.. 465-485, Muhamad Abdul Rauf Salim, *Nasyat Al-Wakalah Al-Yahudiah Li Filastin: Munzu Insyaiha Wa Hatta Qiyam Daulah Israel 1922-1948M* (Beirut: Muassasah Al-Arabiah Lid-Dirasat wan-Nasyr, 1982).

³⁹ Sila lihat perbicaraan lepas dalam: Al-Kayali, *Ibid*, hal.. 104-105 dan hal.. 134-198.

⁴⁰ Di sekitar ketiga-tiga Demonstrasiini, sila lihat: Mohsen Mohd Saleh, *At-Tayyar Al-Islami Fi Filastin Wa Atharuhu Fi Harakatil Jihad 1917-1948* (Al-Kuwait: Maktabah Al-Falah, 1988), hal.. 165-191.

⁴¹ Sila lihat: *Laporan Bil*, hal.. 266 dan juga: *Palestine Government, A.Survey of Palestine, prepared in Dec. 1945 & Jan. 1946* (Jerusalem:Government Printer, 1946), Vol. 1, p.141, p.185, p.224.

⁴² Sila lihat: Bayan Al-Hut, *Al-Qiyadat Wal Muassasah Al-Siyasiah Fi Filastin 1917-1948M* (Beirut:Muassasah Al-Dirasat Al-Palestiniah, 1981), hal.. 301-314, Kamil Khullah, *Filastin Wal Intidab Al-Britani 1922-1939* (Tripoli (Libya): Al-Munhyaah Al-Ammah Lin-Nasyr Wat-Tauzi' Wal I'lan, 1982), hal.. 517-521.

⁴³ Zuhair Al-Mardini, *Alfu Yaumin Ma'a Al-Haj Amin Al-Husaini* (Beirut:D.N, 1980) hal.. 77.

⁴⁴ *Appreciation of Arab Feeling as Affecting Palestine*, Memorandum by H.R. Rice Submitted to the Chief Secretary, & Sept 1933, Secret, Colonial office 733/257/11..

⁴⁵ *Palestine: Report on Immigration, Land Settlement and Development* by Sir J.H.Simpson, 1930, Cmd. 3686 (London: His Majesty Stationary Office, 1930), pp.141-153.

⁴⁶ Dikenali "Kertas Putih" dengan nama Passfield White Paper.Manakala "Kertas Hitam" adalah surat Perdana Menteri Inggeris R.MacDonald kepada Haym Weizmann Ketua Pertubuhan Yahudi Antarabangsa yang dibacanya oleh beliau dalam Majlis Rendah Britain pada 13 februari 1931.

⁴⁷ Al-Kayali, Ibid, hal.. 229

⁴⁸ Sila lihat: Bayan al-Hut, Ibid, hal..216, 246-247, 872-873

⁴⁹ Ibid, 294-295, *Wathaiq al-Harakah al-Wataniah al-Filastiniah 1981-1939: Min Auraq Akram Zu'aitar*, disediakan untuk terbitan oleh Bayan al-Hut, jilid 2 (Beirut: Muassasah ad-Dirasat al-Filastiniah, 1984), hal.. 381-391.

⁵⁰ Sila lihat: Mohsen Mohd Saleh, *Al-Quwwat Al-Askariah Washurtah Fi Filastin 1917-1939* (Amman: Darul- Nafais, 1996)

⁵¹ Sila lihat penerangan lanjut mengenai peperangan ini dalam: Mohsen Saleh, *Al-Tayyar Al-Islami Fi Filastin*, hal.. 229-327.

⁵² Sila lihat:Amil al-Ghuri, Ibid, hal..232-235.

⁵³ Mengenai revolusi besar, sila rujuk : Al-Kayali, Ibid, hal.. 260-300, Mohsin Soleh, *Al-Quwwat Al-Askariyyah Wa Shurtah Fi Filastin*, hal.. 437-618.

⁵⁴ Sila lihat :Al-Kayali, Ibid, hal : 300-302, Khullah, Ibid, hal : 733-734.

⁵⁵ Sila lihat : Falah Khalid Ali, *Filastin Wa Intidab Al-Baritani 1939-1948M* (Barat : Al-Muassasah Al-Arabiyyah Lid-Dirasat Wan-Nasyr,1980),hal : 107-111, Zuhair Al-Mardini, ibid, hal : 157-162, 171 dan 200-202, 204 dan 203.

⁵⁶ Khalid As-Sukakini, *Kaza Ana Ya Dunia*, jilid 2 (Damsyik : Al-Ittihad al-Am Li Al-Kuttub Wa Al-Sahafiyin Al-Filastiniyyin, 1982), hal: 367.

⁵⁷ Mengenai perenggan ini, sila lihat: Falah Ali, Ibid, hal.. 141,181,195-197,203-205, *Harb Filastin 1947-1948(Al-Riwayat Al-Israiliah Al-Rasmiah)*, hal.. 26 dan 27

⁵⁸ Falah Ali, Ibid, hal.. 248 - 250

⁵⁹ Berkenaan keadaan tentera Arab dan perilaku mereka dalam peperangan 1948M, sila lihat sebagai contoh: Arif al-Arif, *An-Nakbah : Baitul Maqdis Wal Firdaus al-Mafqud 1947-1951* (Saida-Beirut: al-Maktabah al-Asriah, 1954), jilid 2, hal..342, jilid 6, hal.. 225, Muhammad Izzat Daruzah, *Filastin Wa Jihad Al-Filastiniyyin* (Cairo: Darul Kitab al-Arabi, 1959) hal.. 80-89, sebagaimana perbincangan dengan panjang lebar : Saleh Abu Yasir dalam bukunya: *Jihad Sya'bi Filastin*.

⁶⁰ Sila lihat : Tulisan Ibrahim Abu Jabir “*Al-Mujtama' Al-Arabi Fi Israel Fi Al-Madkhal Ila Al-Qadiah Al-Filastiniah*, karangan Jawad al-Hamad, silsilah Dirasat, bernombor 21 (Amman: Markaz Dirasat as-Syarqil-Ausat, 1997, dan juga Salman Abu Sitta, *Palestinian Right to Return* (London: The Palestinian Return Centre, 1999) p.16 & p.27.

⁶¹ Clayford Right, *Haqiq Wa Abatil Fis-Sira' al-Arabi al-Israili*, terjemahan Abdullah Ariqat dan Abdullah 'Ayyad, (Amman: Dar Al-Nasir, 1992) hal.. 85, petikan dari akhbar The Guardian Britain, bilangan ke-14, November 1973.

Bab 3

⁶² Lihat, Public Record Office; F.O. 371 / 111077, F.O. 371 / 111098 - 111100

⁶³ *Al-Mausu'ah Al-Filastiniah*, jilid 3, hal. 502-504.

⁶⁴ Ibid, jilid 3, hal.. 393-398.

⁶⁵ Sila lihat : Abu Azzah, *Ma'a Al-Harakah Al-Islamiah Fi al-Dual Al-Arabiah* (Al-Kuwait: Darul Qalam, 1986), hal.. 71-96, Mohsen Saleh, *Al-Tariq Ila Al-Quds*, jilid 3 (London: Filastin Al-Muslimah, 1988M) hal.. 160-163.

⁶⁶ Salah Khalaf, *Filastini Bila Huwiyah*, jilid 2 (Amman: Darul Jalil Li Al-Nasyr, 1996), hal.. 75-83.

⁶⁷ Fauzi Tim, “ *Al-Quwa Al-Siyasiah Al-Palastiniah*” Fi Madkhal Ila Al-Qadiah Al-Palastiniah, Ibid, hal : 357-358.

⁶⁸ Mengenai PLO, sila lihat: As'ad Abdul Rahman, *Munazzamah Al-Tahrir Al-Filastiniah* (Naiqusia: Markaz Al-Abhath, 1985), Al-Mausu'ah Al-Filastiniah, jilid 4, hal.. 313-325.

Bab 4

⁶⁹ Mengenai isu Palestin di PBB, sila lihat: *Al-Mausu'ah Al-Filastiniyah*, jilid 1, hal.. 360-362 dan hal.. 552-563, jilid 2, hal.. 260.

⁷⁰ Salah Khalaf, *Ibid*, hal.. 96-98.

⁷¹ Sila lihat mengenai operasi ini dalam buku: *Al-Mausu'ah Al-Filastiniyah*, jilid 2, hal.. 313-314 dan hal.. 567, jilid 3, hal.. 661-662, jilid 4, hal.. 42.

⁷² Mengenai pelan perdamaian, sila lihat: Munir Al-Hur dan Tariq Al-Isa, Masyari' Al-Taswiah Li Al-Qadhiah Al-Filastiniyah 1947-1985, cetakan kedua, Amman, Dar Al-Jalil, 1986.

⁷³ Mengenai aliran Islam dalam tempoh ini, sila lihat: Mohsen Saleh, *Al-Tariq Ila Al-Quds*, hal.. 164-170.

Bab 5

⁷⁴ Akhbar "Sout Al-Sya'b" (Jordan), 8 Disember 1993.

⁷⁵ Akhbar "Al-Hayat", 5 Mac 1995.

⁷⁶ Telah mati syahid pada 30 Julai 2001, semasa buku ini sedang disiapkan oleh penulis.

⁷⁷ Sila: Mohsen Saleh, *Al-Tariq Ila Al-Quds*, hal.. 183-205, Khalid al-Hurub, *HAMAS*, (Beirut: Muassasah al-Dirasat al-Filastiniyah, 1997).

⁷⁸ Akhbar "*Al-Khalij*" (Emirit Arab Bersatu), 8 Mei 2000.

⁷⁹ Akhbar "*Al-Khalij*", 25 Januari 2000, mengikut sumber yang sama menyatakan terdapat 10 ribu orang yang pakar dalam teknologi nuklear.

⁸⁰ Mengenai Perjanjian Oslo dan turutan selepasnya, sila lihat: Imad Yusof dan lain-lain, *Al-In'ikasat Al-Siyasiah Li Ittifaq Al-Hukmi Al-Zati Al-Filastini*, (Amman, Markaz Dirasat al-Syarq al-Ausat, 1995), Munir Syafiq, *Oslo 1 & 2: Al-Masar Wa Al-Maal*, (London: Filastin al-Muslimah, 1997), Mohsen Saleh, *Al-Tariq Ila Al-Quds*, hal.. 174-182.

⁸¹ Akhbar "Al-Hayat", 12 Ogos 1995.

⁸² Akhbar "Al-Hayat", 5 Mac 1995.

⁸³ Mengikut petikan akhbar pada 1 Mac 2000, sila lihat: WWW. Palestine-info.org./ news, 2 Mac 2000.

⁸⁴ Akhbar "Al-Ra'yu"(Jordan), 2 Mei 1995.

⁸⁵ Akhbar "Al-Khalij", 16 April 2000.

⁸⁶ Akhbar "Al-Siyasah" (Al-Kuwait), 27 April 1995.

⁸⁷ Akhbar "Al-Syarq Al-Ausat" (London), 22 Mac 1995.

⁸⁸ Keterangan Hisyam Syarabi dalam akhbar "AL-Hayat", 5 Mac 1995.

⁸⁹ Daud Sulaiman, *Al-Sultah Al-Wataniah Al-Filastiniyah Fi Am 1994-1995*, (Amman, Markaz Dirasat al-Syarq al-Ausat, 1995), hal.. 135.

⁹⁰ Www. Passia.org/Palestine-facts/chronology/1997.

⁹¹ Mengenai penghijrahan Yahudi dan bilangan mereka, sila lihat: Central Bureau of statistics, government of Israel, in: <http://www.cbs.gov.il/yahran/bl/e.htm>. Sila lihat juga: Imran Abu Subaih, *Al-Hijrah Al-Yahudiah Haqaiq Wa Arqam: 1882-1990* (Amman: Dar Al-Jalil, 1991).

⁹² Mengenai situasi ekonomi dalam rejim Zionis, sila lihat: <http://www.cbs.gov.il>, table 8.7, CIA World Factbook, Israel. Fadh al-Naqib, *Al-Iqtisad, Fi Dalil Israel Al-Am*, (Beirut: Muassasah al-Dirasat al-Palestiniyah, 1996), hal.. 183-212.

⁹³ Mengenai kekuatan ketenteraan Israel, sila lihat: Muhammad Zuhair Diyab, *Al-Muassasah Al-Askariah, Fi Dalil Israel Al-Am*, Ibid hal.. 285-313. Abdul Wahab Al-Masiri “Sina’ah Al-Silah Fi al-Tajammu’ al-Istitani al-Sahyuni” dalam akhbar “al-Khalij”, 11 Jun 2000, sila lihat: The Military Balance, 1998/1999, International Institute For Strategik Studies, London.

⁹⁴ Sila lihat: Rafiq al-Natasyah dan Ismail Yaghi, *Tarikh Madinah Al-Quds* (Amman: Dar al -Karmal,1984) hal.. 94, Henry Kent, *Filastin Fi Dhau’ Al-Haq Wa Al-Adli* (Beirut: 1970) hal.. 45

⁹⁵ Sila lihat : *Al-Mausu’ah Al- Filastiniyah*, jilid 3, hal.. 522.

⁹⁶ Al-Natasyah, Ibid, hal..157

⁹⁷ Mengenai perenggan yang berkaitan dengan Yahudi memiliki tanah Quds sila lihat: *Al-Mausu’ah Al-Filastiniyah*, jilid 3, hal :521-527, Ibrahim Abu Jabir dan lain-lain “*Qadi’ah Al-Quds Wa Mustaqbahuha*” *Fi Al-Madkhal Ila Qadi’ah Al-Filastiniyah* (Amman: Markaz Dirasat Al-Sharq Al-Ausat,1997) hal : 544-568 dan Akhbar “Dustur”, 18 Jun 1997.

⁹⁸ Berkenaan nisbah milik di Quds, sila lihat : Ibrahim Abu Jabir dan Lain-lain, Ibid, hal :541. Rafiq al-Natasyah, Ibid, hal: 98

⁹⁹ Banyak sumber-sumber yang membincangkan tentang operasi memilik yahudikan tanah kawasan al-Aqsa, kerja-kerja penggalan di bawahnya dan melakukan pencerobohan terhadap kesuciannya.Sila lihat dua perenggan yang lepas sebagai contoh: Ibrahim Abu Jabir, Ibid, hal.. 564-568, *Al-Mausu’ah Al-Filastiniyah*, jilid 3, hal.. 522-523 dan akhbar harian sebagai contoh: Akhbar “Al-Khalij”, 13 April, 27 Julai, 9 September 2000, 8 dan 17 Januari 2001, Al-Markaz Al-‘Ilami Al-Filastini (<http://www.palestine.info.org>) bertarikh 23 Mac, 2, 3 dan 6 April 2000.

¹⁰⁰ Akhbar harian melaporkan sepenuhnya peristiwa itu, sila lihat akhbar yang melaporkan berita ini selepas beberapa hari kemudian.Sebagai contoh: Akhbar “Al-Ra’yu” dan “Dustur”.

¹⁰¹ Mengenai Quds di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, sila lihat sebagai contoh: *Al-Mausu’ah Al-Filastiniyah*, jilid 3, hal.. 548-553.

¹⁰² Akhbar “Al-Khalij”, 10 November 2000.

¹⁰³ Boleh merujuk kepada laporan yang tersiar di internet: Islamonline.com, Palistin-info.org pada bulan Oktober dan Disember 2000 untuk bacaan pelbagai contoh dan laporan.

¹⁰⁴ Al-Khalij, 18 Disember 2000.

¹⁰⁵ Al-Khalij, 6 Dis 2000.

¹⁰⁶ Al-Khalij, 11 Disember 2000.

¹⁰⁷ Sila lihat “*Al-Mujtama*”, 28 November 2000, “*Filastin Muslimah*”, Mac 2000.

¹⁰⁸ Surah Al-Isra: Ayat 7.

PENGAKUAN DAN PERAKUAN KATA-KATA

- “Kawasan !! Dari Sungai Nil ke Sungai Furat, kami mahu tempoh peralihan di bawah institusi kami yang khusus dan pemerintahan Yahudi dalam tempoh ini. Penduduk Yahudi akan bertambah di kawasan ini menjadi 2/3 dari jumlah penduduk hingga pentadbiran Yahudi diguna pakai di pentas politik.”

Theodore Herzl, Pengasas dan Pemimpin Pertubuhan Yahudi Antarabangsa- petikan As‘ad Zaruq dari *Israel al-Kubra*, hal.. 87 – 89.

- Kita akan sentiasa menuntut apa yang kita perlukan. Setiap kali bertambah bilangan pendatang bertambah pula keperluan kita kepada tanah.

Dairi Herzl., jilid 2, hal.. 720.

-“Di Palestin kami tidak pernah bercadang untuk mempertimbangkan permintaan dan perasaan penduduk asal bumi tersebut. Keempat-empat kuasa besar dunia jelas amat komited dengan gerakan Zionisme. Gerakan ini sama ada benar atau salah, baik atau buruk telah sebati dengan diri kami sejak berkurun lama dan merupakan masa depan kami. Justeru, komitmen kepadanya lebih penting berbanding dengan perasaan dan harapan penduduk pribumi Palestin. Saya berpendapat gerakan Zionisme tidak akan mengabaikan bangsa Arab. Namun, dalam apa-apa keadaan sekali pun tidak ada di antara kuasa besar ini yang bercadang untuk mempertimbangkan permintaan dan perasaan mereka. Secara ringkasnya dalam isu Palestin ini, kuasa-kuasa besar ini tidak pernah membuat sebarang kenyataan atau deklarasi polisi, walau pun secara bersurat, yang mereka pernah bercadang untuk membelakangi prinsip ini”.

Memo Balfour kepada Lord Curzon, 11 August 1919, PRO.
FO.371/4183

- Dalam pertemuan tertutup dengan Duta Russia di London pada bulan Februari 1941, Chaim Weizman membentangkan bahawa berjuta orang Palestin telah diusir dari bumi mereka demi menempatkan 4 -5 juta orang Yahudi dari Eropah Timur. Duta tersebut telah menghantar laporan tersebut yang menjadi dokumen yang tersimpan di Kementerian Luar Russia hinggalah akhbar Israel "Yadi'ut Ahrunut " mendedahkannya pada bulan Mei 1993. Kemudian tersiar pula dalam akhbar "Al-Quds" dan akhbar "Al-Ra'i" pada 29 Mei 1993.

Weizman ialah pemimpin Gerakan Zionis dari tahun 1921-1933 dan juga dari tahun 1935-1946 dan pemimpin pertama rejim Zionis

- "Aku mahu sebilangan kecil daripada Yahudi Amerika yang masyhur terutamanya kepada mereka yang aku hormati dan mereka yang telah mengajar aku supaya berani mengatakan: Marilah kita meninggalkan pembbohongan kepada dunia dan kepada diri kita sendiri. Sebenarnya kita telah mencuri Palestin. Kalau sekiranya kita berikan kepada orang-orang Palestin hak kerajaan autonomi atau penentuan nasib mereka atau Tebing Barat atau Negara Palestin maka kita tetap akan mencuri sebahagian tanah mereka. Marilah kita mulai sekurang-kurangnya bercakap hakikatnya."

Penulis Yahudi, Rown David, petikan dari *Arab & Israel for Beginners*, New York, 1993 hal. 12

- "Tuntutan Zionis terhadap pembentukan negara Yahudi adalah bertentangan sepenuhnya dengan seluruh prinsip undang-undang antarabangsa dan sejarah moden."

Nahum Goldman, Ketua Pertubuhan Yahudi Antarabangsa 1956-1968 dalam tulisannya: *"The Psychology of Middle East Peace" in foreign affairs*, Oct. 1975p.114.

- Pada tahun 1956, Ben Gurion telah berkata; "Negara Yahudi akan berkekalan selama 10-15 tahun ke depan tetapi selepas itu andaian kewujudannya hanya 50%.

Nahum Goldman, *Ibid*, hal.. 113.

- "Secara rasionalnya, tidak ada tempat dalam negara ini untuk dua bangsa. Selagi mana orang-orang Arab masih menetap di tengah-tengah kita, selagi itu kita tidak dapat merealisasikan objektif kita untuk mendirikan negara berasingan dalam kawasan ini. Oleh itu penyelesaian terakhir ialah sisihkan rakyat Palestin. Untuk sampai kepada objektif ini, kita tidak ada pilihan lain kecuali mengusir mereka ke negara jiran dan menghijrahkan seluruh mereka. Teruskan keadaan ini hingga tidak tinggal seorang pun orang Arab di sini."

Yosuf Weitz Diari, A246/7, hal.1090-91, hal.1127, Arkib Zionis Utama (CA). Sila lihat rugukan lain: Tulisan bekas Pengarah Penempatan Israel yang juga Penasihat Perdana Menteri bagi urusan Arab, disiarkan dalam akhbar "Al-Histadrut" pada tahun 1967, dipetik pula oleh "*Majalah As-Shahadah Al-Masihiah Al-Fransiah*" pada 13/8/1970.

- Saya sering melawat perkampungan Arab yang terletak berdekatan dengan bukit-bukau di sepanjang sempadan yang merupakan tempat tinggal orang-orang kampung yang sopan dan peramah biar pun kemarahan mereka terhadap British dan Yahudi amat ketara, namun mereka tetap mengalu-alukan kedatangan saya. Sejak berkurun-kurun lamanya nenek moyang mereka telah mendiami bumi Palestin. Namun, pada tahun kebelakangan ini mereka telah

diusir keluar dari bumi itu kesan dari pakatan British dan Amerika yang telah meletakkan mereka di bawah kekejaman pemerintahan Yahudi, bangsa yang menuntut hak ke atas bumi Palestin, sedangkan hakikatnya mereka telah terusir keluar 2,000 tahun yang lalu. Adakalanya kesalahan yang besar melibatkan puak yang tidak bersalah dan benih-benih malapetaka serta permusuhan ini tersemam sewenang-wenangnya”.

Wilfred Thesiger, *The Life of My Choice* (Glasgow 1987), p.387. Wilfred Thesiger adalah bekas pegawai politik British yang berkhidmat di Sudan, Abyssinia, Arabia dan Palestin.

- “Yahudi dan kawan-kawan mereka mesti mengetahui bahawa bahaya sebenar yang perlu dihadapi oleh Israel ialah kebangkitan semula semangat Islam. Dan kepada pencinta-pencinta Israel mereka perlulah melipat-gandakan usaha untuk memadamkan semangat Islam itu kerana apabila ia menyala kembali, ia bukan sahaja membahayakan Israel tetapi tamadun Barat kesemuanya berada di dalam bahaya.”

Penganalisis Politik di televisyen Israel, pukul 22:15, 5 September 1978.

- “Pihak Berkuasa Israel telah membentuk satu majlis yang terdiri daripada 30 pakar dalam psikologi, sejarah, sosiologi, politik dan strategi untuk membuat kajian mengenai faktor-faktor yang memungkinkan kemunculan Salahuddin Al-Ayyubi. Ditambah dengan kajian kemungkinan lahirnya ‘Salahuddin’ baru dalam bentuk pemimpin muslim atau Jemaah Islam supaya mereka dapat menentang ketika kemunculannya.”

Siaran Al-Buraq yang terbitkan dari *Dar Al-Buraq Li Al-Wasaiq Al-I’lamiah Wa Al-Tahqiqat Al-Sahafiah*, bil. 18, 30 Jun 1981

- “Konflik di antara bangsa Yahudi dan Palestin ini bukanlah sekadar satu isu penjajahan ketenteraan, dan negara Israel bukanlah satu negara yang ditubuhkan secara ‘normal’ malahan telah menjajah negara lain pada tahun 1967. Rakyat Palestin bukanlah berjuang untuk ‘negara’ tetapi untuk kemerdekaan, kebebasan dan persamaan, seperti perjuangan kita menuntut kemerdekaan di Afrika Selatan.

Beberapa tahun kebelakangan ini, terutamanya semasa pemerintahan Kerajaan Parti Buruh, Israel tidak sekadar menolak kemungkinan memulangkan kembali tanah yang dijajah pada tahun 1967, tetapi mengekalkan pendudukan mereka di Palestin, meletakkan Jerusalem di bawah pentadbiran langsung dan eksklusif Kerajaan Israel, menafikan hak hak rakyat Palestin untuk mendapatkan negara merdeka dan menguasai ekonomi Palestin dengan menguasai seluruh padang, darat, udara dan laut.

Negara Palestin tidak boleh menjadi ‘produk’ negara Yahudi kalau sekadar untuk memelihara kesucian Yahudi ke atas Israel. Diskriminasi perkauman dari bangsa Yahudi merupakan realiti harian yang terpaksa dihadapi oleh hampir seluruh rakyat Palestin. Oleh kerana Israel adalah negara Yahudi maka bangsa Yahudi boleh menuntut hak keistimewaan yang tidak mungkin diperolehi oleh bangsa bukan Yahudi. Jelasnya, orang Arab Palestin tidak mendapat tempat di negara Yahudi.

Dasar Apartheid merupakan satu jenayah ke atas prinsip kemanusiaan. Israel telah menzalimi berjuta-juta rakyat Palestin terutamanya dari segi kebebasan dan hartanah mereka. Mereka telah menyebabkan berleluasanya sistem diskriminasi dan ketidakadilan. Mereka secara bersistematik telah menzalimi ribuan rakyat Palestin yang pastinya bertentangan dengan undang-undang antarabangsa. Jelasnya, mereka telah mengisytiharkan perang ke atas rakyat yang tidak berdosa terutamanya kanak-kanak”.

Nelson Mandela (Bekas Presiden Afrika Selatan). Memo

pertama kepada Thomas Friedman (Kolumnis New York Times) March 2001.

Perluasan wilayah Negara "Israel"



Pemimpin- pemimpin Palestin



Haj Amin al-Husaini
1895 - 1974



Shaikh Izz al-Din al-Qassam
1882 - 1935



Yasir Arafat
Presiden PLO & Pemimpin
rakyat Palestin




Shaikh Ahmad Yasin
Pengasas dan ketua
gerakan HAMAS



C. Weizmann
Pemimpin Organisasi Dunia
Zionis (WZO)
1920-1931 & 1935-1946
Presiden pertama Negara
Israel



T. Herzl
Pengasas dan Presiden
pertama Organisasi Dunia
Zionis (WZO)
1897-1904



D. Ben Gurion
Pemimpin WZO
1946-1956
Perdana Menteri pertama
Negara Israel



Balfour
Menteri Luar Great
Britain yang membuat
Deklarasi Balfour pada
November 2, 1917

Polisi-polisi Yahudi



Membunuh rakyat yang tidak berdosa



Memusnahkan
rumah-rumah



Merampas tanah-tanah
rakyat



Membunuh kanak-kanak




Seorang kanak-kanak Palestin **Faris Odeh**
berhadapan dengan kereta kebal Yahudi


Kartun-kartun pilihan




Arafat dan progres
usaha damai
Al-Majallah Weekly, 8
October 1995



Situasi di Timur Tengah
Al-Majallah Weekly, 27
Ogos 1995



Gambaran polisi berat sebelah
Amerika dalam menangani
konflik Arab-Israel
Al-Sharq Al-Awsat
Newspaper, 14 Mei 1996



Siapa yang mendominasi
siapa?
Pengaruh Zionis ke atas USA
Al-Sharq Al-Awsat Newspaper,
25 July 1996



الهيئة الخيرية الإسلامية العالمية



الهيئة الخيرية الإسلامية العالمية
لجنة فلسطين الخيرية

Organisasi Kebajikan Islam Antarabangsa Jawatankuasa Kebajikan Palestin-Kuwait

Asal-usul penubuhan

Sebagai sebuah badan bertaraf dunia yang mempunyai misi yang menyeluruh serta matlamat kebajikan, organisasi ini mendukung segala usaha-usaha kebajikan dan memberi perhatian serius kepada usaha mempertahankan kesucian bumi Palestin. Justeru, organisasi ini berusaha sebaik mungkin untuk menolong dan menyokong perjuangan rakyat Palestin. Pada tanggal 15 Jun 1988, organisasi ini telah menubuhkan Jawatankuasa Kebajikan Palestin untuk mendokong dan melaksanakan semua usaha-usaha murni ini demi membantu kehidupan dan perjuangan rakyat Palestin dari segala aspek.

Matlamat

- Menolong rakyat Palestin dengan menawarkan segala bentuk pertolongan
- Mengeratkan perpaduan dan persaudaraan dengan rakyat Palestin.
- Melaksana dan menyokong segala projek bermanfaat terutamanya projek-projek kemasyarakatan dan kesihatan.
- Menyokong program-program pembangunan sumber manusia dan menawarkan pertolongan akademik kepada para pelajar.

Aktiviti dan Projek

Pertama: Projek Pendidikan

- 1) Membantu pelajar

Projek ini membuka peluang belajar kepada para pelajar yang dinafikan hak belajar mereka di semua peringkat.

- 2) Membuka Pusat Mengaji Al-Quran

Dalam usaha untuk melindungi agama dan keimanan generasi-generasi muda, barisan jawatankuasa bertindak membuka beberapa pusat pengajian Al-Quran di Palestin.

Kedua: Projek sosial

Projek ini merupakan antara asas terpenting dalam kerja-kerja kebajikan dan kemanusiaan. Pada masa ini terdapat lebih kurang 450 rumah anak-anak yatim di bawah pengawasan badan ini di Palestin.

Ketiga: Satu dinar untuk Masjid Al-Aqsa.

Usaha ini bertujuan untuk membantu segala kerja-kerja kebajikan dan kemanusiaan di dalam dan di sekitar Masjid Al-Aqsa.

Keempat: Projek Waqaf Masjid Al-Aqsa

Sumbangan dalam projek ini dibuat dalam dua cara:

- Mewaqafkan estet tertentu atau sebahagian dari estet sebenar
- Waqaf dengan cara membeli saham-saham waqaf yang berbagai-bagai.
 - 1) Kubah saham berlian K.D.500
 - 2) Kubah saham emas K.D.300
 - 3) Kubah saham perak K.D.100
- Secara bayaran tunai atau potongan bulanan.

Kelima: Waqaf Al-Isra'

Ia merupakan waqaf awam untuk semua projek-projek kemanusiaan yang bermanfaat terpujang kepada para penderma sendiri.

Keenam: Projek bermusim

- 1) Menyediakan makanan berbuka di bulan Ramadhan.
- 2) Projek ibadah korban.

Ketujuh: Projek kebajikan dan yang menguntungkan

Kelapan: Membantu Jawatankuasa tempatan dalam projek kebajikan.

Bagaimana sumbangan dapat disalurkan:

Kepada para penyumbang di bawah ini adalah nombor akaun para Jawatankuasa Kewangan Kuwait Cawangan Utama:

Akaun zakat	#15099-5	Sadaqat	#15501-6
Anak yatim	#15541-5	Bantuan pelajar	#15542-3
Projek	#15543-1	Bantuan makanan	#15889-9
Dinar Al-Aqsa	#16582-8	Akaun dolar	#20308-8
Pusat Al-Quran	#88249-3		

Waqaf al-Isra' & Al-Aqsa #8722-3

Akaun Jawatankuasa di Qatar (Bank Islam) #410047

Alamat

Al-Asharq - Ahmed Al-Jaber Street - Abdul Razzak Dirwaza

The International Islamic Charitable Organization Building – 5th Floor

Telefon: ++965 2455508/9, ++965 5387640. Ext. 248

Fax: ++965 2424119

Telefon cawangan wanita: ++965 2638291

P/O/Box 26701 Safat Code 13128 Kuwait

KAJIAN RINGKAS INI CUBA MENGUTARAKAN PANDANGAN UMUM MENGENAI ISU PALESTIN MELALUI SOROTAN SEJARAH. KAJIAN INI DIHARAPKAN DAPAT MEMUDAHKAN PARA PEMBACA UNTUK MENDAPATKAN GAMBARAN UMUM YANG MENYELURUH TENTANG ISU PALESTIN. PENULISAN INI TURUT MENYENTUH BEBERAPA FAKTOR YANG SALING BERTAUTAN DENGAN PENYUSUNAN SECARA RASIONAL.

KAJIAN INI DITUJUKAN KEPADA PEMBACA YANG INGIN MENDAPATKAN MAKLUMAT AM TENTANG PALESTIN. KAMI MENJADIKANNYA SEBAGAI BUKU RINGKAS DARIPADA PECAHAN TAJUK-TAJUK YANG LUAS DALAM MEMBERI SUMBANGAN KEPADA ORANG-ORANG ISLAM YANG TIDAK MEMPUNYAI PELUANG UNTUK MEMBUAT KAJIAN TERPERINCI.

SEMEMANGNYA KAJIAN YANG DIBUAT INI DITULIS MENGIKUT KACA MATA PENULIS YANG MEMIHAK KEPADA RAKYAT PALESTIN. INI KERANA TANAH PALESTIN MERUPAKAN TANAH ORANG-ORANG ARAB DAN ISLAM DI SAMPING SEBAGAI TANAH WAKAF MEREKA DAN GENERASI SETERUSNYA HINGGA HARI KIAMAT. ANALISA INI JELAS MENGAMBIL PENDEKATAN AKADEMIK DAN BEGITU INFORMATIF DI SAMPING MENGGUNAKAN BAHASA YANG MUDAH TANPA DIPENGARUHI OLEH UNSUR EMOSI YANG KETERLALUAN.

ISBN 983-9470-40-X



9 789839 470406